

Answers for Analisis Bertopik 2025 will be updated soon!

Please check back later for the updated answers.

JAWAPAN

BAHASA MELAYU

Tema 1 MEREALISASIKAN IMPIAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 ketangkasan
- 2 bola sepak
- 3 lumba lari
- 4 infrastruktur
- 5 gelanggang futsal
- 6 kesihatan diri
- 7 kecerdasan minda
- 8 persekitaran
- 9 kardiovaskular
- 10 kekuatan otot
- 11 kebolehan aerobik
- 12 jika turutkan rasa binasa, turutkan hati mati
- 13 keterampilan diri
- 14 berlapang dada
- 15 pasang surut
- 16 generasi muda
- 17 bertoleransi

Kemahiran Membaca

Bacaan murid

Kemahiran Menulis

- 1 Faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya obesiti dalam kalangan masyarakat ialah:
 - gaya hidup yang tidak sihat
 - pola makan yang banyak
 - variasi genetik manusia
 - suka makan makanan segera
 - kurang senaman
- 2 Sebagai rakan yang baik, usaha-usaha yang boleh saya lakukan untuk membantu rakan saya ialah:
 - menasihatinya untuk mengamalkan corak pemakanan yang seimbang
 - mengajaknya untuk berjumpa dengan pakar pemakanan
 - memberitahu ibu bapanya tentang tabiat makanan rakan

- membawa rakan pergi menghadiri kursus pemakanan yang sihat

Aspek Tatabahasa

Kata Tunggal

- 1 masyarakat
- 2 kesedaran
- 3 pemakanan
- 4 makan

Kata Majmuk

- 1 norma baharu
- 2 darah tinggi
- 3 tingkah laku
- 4 gaya hidup

SOALAN SEBENAR SPM

Bahan 1

Bil.	Salah	Betul
1	Dari	Daripada
2	Febuari	Februari
3	dipilihkan	dipilih
4	dilaut	di laut
5	maklumat	makluman
6	dihargai oleh saya	saya hargai

Bahan 2

Bil.	Salah	Betul
1	yang	bahawa
2	dikendali	mengendalikan
3	memuji	memohon
4	demi untuk	untuk/demi
5	bermula	bermula dari
6	atlit	atlet

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 jumlah nutrien bermanfaat dalam sesuatu makanan, mengikut kadar isi padu, berat atau kandungan tenaganya
- 2 sekeping roti bijirin penuh mengandungi lebih serat, kalsium, zat besi, fosforus, kalium, vitamin B2 dan vitamin B3, dan kurang natrium berbanding sekeping roti putih
- 3 buah-buahan, sayur-sayuran, susu, produk tenusu, makanan laut, daging tanpa lemak, ayam atau itik, telur, kekacang dan bijian
- 4 Malpemakanan didefinisikan sebagai keadaan zat pemakanan yang kurang baik akibat kekurangan zat atau mengambil zat yang berlebihan
- 5 obesiti, kurang berat badan, susut berat badan serta kebantutan
- 6 Perkara ini menunjukkan mereka kekurangan nutrien yang diperlukan untuk proses tumbesaran.
- 7 makanan tinggi nutrien boleh membekalkan vitamin, mineral dan nutrien
- 8 tumbesaran optimum
- 9 mengikuti had kalori dan natrium

Kemahiran Membaca**Isi Tersurat**

- 2 Insan yang berbudaya membaca merupakan manusia yang berilmu.
- 3 Membaca merupakan suatu cabang ilmu yang sangat penting kepada masyarakat.
- 4 Melalui pembacaan akan membimbing seseorang mengambil tindakan serta keputusan yang tepat dan betul.

Isi Tersirat

- 2 Mampu melonjakkan pembangunan dan kemajuan dalam kehidupan masyarakat majmuk Malaysia yang berorientasikan sains dan teknologi.
- 3 Semakin banyak kita membaca bahan bacaan yang berfaedah, semakin banyak ilmu pengetahuan yang bakal kita peroleh daripadanya.
- 4 Ilmu pengetahuan yang dimiliki dapat mengawal diri seseorang daripada sebarang tindakan yang melulu.

Kemahiran Menulis

Pendidikan memainkan peranan penting dalam menentukan kualiti dan keupayaan generasi yang baru menyesuaikan diri ketika berhadapan dengan perubahan drastik daripada peradaban global. Individu yang memiliki kualiti tertentu seperti keupayaan menggunakan maklumat dan teknologi, kolaborasi dalam ruang lingkup yang besar, cekap dalam menyelesaikan masalah, kreatif dalam menjana serta mahir dalam berkomunikasi akan lebih berjaya dalam era

perindustrian ini. Seajar dengan Falsafah Pendidikan Guru iaitu “Guru yang berpekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokratik, progresif dan berdisiplin. Oleh sebab itu, peranan dan tanggungjawab seorang guru sangat memberi impak yang besar dan mendalam dalam diri setiap murid.

Sebagai pembuka tirai perbincangan yang pertama, guru memainkan peranan yang sangat penting dan menggunakan pendekatan yang kreatif dan kritis dalam sesi pengajaran dan pemudahcaraan. Guru dianggap sebagai pendidik kerana tugas utama guru di dalam bilik darjah adalah menyampaikan ilmu pengetahuan berdasarkan sukatan pelajaran. Untuk mencapai objektif ini, guru sebagai pendidik hendaklah merancang aktiviti pengajaran yang sesuai, alat bantu mengajar untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran, melaksanakan rancangan mengajar yang telah disediakan dan membuat penilaian atas segala aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang telah dijalankan. Oleh sebab itu, guru haruslah menggunakan pendekatan yang kreatif dan kritis untuk menarik minat murid dalam pengajaran dan pembelajaran mengikut tahap pencapaian murid-muridnya.

Lontaran idea yang seterusnya ialah guru juga dianggap sebagai pengurus yang berwibawa dalam melaksanakan tanggungjawab terhadap murid terutamanya murid yang berkeperluan khas. Peranan guru amat diperlukan untuk mengurus rutin bilik darjah, mengurus murid supaya menjalankan tugas seperti menjaga kebersihan kelas, menjaga disiplin murid dan sebagainya. Kecekapan guru menjalankan tugas sebagai pengurus akan mewujudkan suasana sosioemosi yang sihat, disiplin kelas yang mantap dan keadaan bilik darjah yang kondusif. Selain itu, guru juga bertanggungjawab untuk menyimpan rekod-rekod peribadi murid mereka. Guru-guru ini seharusnya mengenal pasti murid-muridnya dengan lebih dekat agar dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi semasa melaksanakan tanggungjawab ini. Jelaslah bahawa guru sebagai pengurus yang berwibawa terhadap murid-muridnya.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas, guru juga dianggap kaunselor kepada murid-muridnya. Kaunselor sering kali mempunyai anggapan positif terhadap murid. Mereka tidak pernah menganggap murid yang mempunyai masalah dan tidak boleh diselesaikan. Guru juga dianggap kaunselor apabila murid mengalami masalah sosioemosi seperti rasa takut, kecewa, bosan dan sebagainya serta masalah pembelajaran hendaklah dibimbing supaya mereka dapat membina keyakinan diri.

Natijahnya, tanggungjawab guru adalah sesuatu yang sangat mencabar. Mereka menghadapi pelbagai cabaran apabila murid-murid ini melakukan pelbagai aksi ataupun sikap untuk menunjukkan sikap memberontak, marah, sedih dan lain-lain lagi. Guru-guru ini sentiasa berhadapan

dengan cabaran apabila ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi untuk mengubah anak-anak mereka ke arah yang lebih sempurna. Guru-guru seharusnya bersedia dengan fizikal dan mental serta ilmu yang cukup dalam menjalankan amanah yang besar ini.

Aspek Tatabahasa

- berpotensi – Haikal berpotensi untuk menjadi atlet terkenal pada masa depan.
- menjadi – Azura bercita-cita untuk menjadi doktor suatu hari nanti.
- melihat – Dia melihat pemandangan indah di tepi pantai.
- menyumbang – Dia suka menyumbang kepada orang yang memerlukan.

SOALAN SEBENAR SPM

1 Pendahuluan

- Pembelajaran digital merujuk kepada kaedah pembelajaran yang menggunakan teknologi seperti Internet, peranti elektronik dan aplikasi pendidikan untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.
- Seiring dengan perkembangan teknologi dan ledakan maklumat, pembelajaran digital telah menjadi satu keperluan dalam sistem pendidikan, terutamanya selepas penularan pandemik COVID-19 yang menyebabkan institusi pendidikan beralih kepada pembelajaran dalam talian.
- Tanpa disedari, pembelajaran digital ini memberikan pelbagai cabaran apabila dilaksanakan di negara kita.

Isi 1

- Salah satu cabaran utama pembelajaran digital ialah capaian Internet yang lemah.
- Hal ini dikatakan demikian kerana proses penyampaian ilmu dan mendapatkan maklumat tidak dapat disampaikan dengan sempurna khususnya di kawasan luar bandar dan pedalaman.
- Internet merupakan tunjang utama dalam pembelajaran digital kerana semua bahan maklumat dan komunikasi berlaku secara dalam talian.
- Sekiranya capaian Internet lemah, pelajar tidak dapat mengikuti kelas secara langsung, menonton video pembelajaran atau memuat naik tugas dengan sempurna.
- Sebagai contoh, ramai pelajar di kawasan pedalaman seperti di Sabah dan Sarawak terpaksa keluar dari rumah dan mencari tempat tinggi seperti bukit semata-mata untuk mendapatkan sambungan Internet.
- Situasi ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran dan tidak dapat bersaing dengan rakan-rakan dari kawasan bandar.

- Kesan jangka panjangnya, jurang pendidikan antara pelajar bandar dan luar bandar akan semakin melebar.

Isi 2

- Tidak semua pelajar mahir menggunakan aplikasi pembelajaran digital seperti Google Classroom, Zoom atau Microsoft Teams. Malah, terdapat guru yang masih belum bersedia sepenuhnya untuk mengendalikan kelas secara digital kerana kekangan usia dan kurang pendedahan kepada teknologi.
- Sebagai contoh, seorang pelajar mungkin menghadapi kesukaran untuk menghantar tugas melalui platform tertentu kerana tidak faham cara penggunaannya, manakala guru pula mungkin gagal mengawal interaksi pelajar dalam talian dengan berkesan.
- Keadaan ini menjejaskan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran.
- Sudah pastinya penyampaian ilmu menjadi tidak berkesan, dan pelajar mungkin merasa bosan serta kurang faham terhadap isi pelajaran.
- Hasilnya, murid kebarangkalian akan menghadapi masalah pembelajaran yang berlanjutan akibat ketinggalan dalam aspek teknologi.

Isi 3

- Peranti pintar ini amat penting bagi membolehkan pelajar mengikuti kelas dalam talian, mengakses bahan pembelajaran dan menghantar tugas.
- Namun, tidak semua keluarga mampu menyediakan peranti ini kerana kekangan kewangan, terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.
- Sebagai contoh, ada keluarga yang terpaksa berkongsi satu telefon pintar untuk beberapa orang anak yang belajar secara dalam talian.
- Situasi ini menyukarkan pelajar untuk mengikuti kelas secara serentak dan akhirnya menjejaskan prestasi akademik mereka.
- Tambahan pula memberi masalah kepada mereka yang kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

Kesimpulan

- Pembelajaran digital membawa seribu satu manfaat, namun tidak dinafikan turut disertai pelbagai cabaran yang perlu ditangani secara bijaksana.
- Usaha bersepadu daripada kerajaan, pihak sekolah, ibu bapa dan pelajar amat penting untuk memastikan jurang digital dapat dirapatkan demi kelangsungan pendidikan berkualiti.
- Dalam mendepani era teknologi yang serba mencabar ini, semua pihak harus bersikap proaktif, berdaya saing dan berfikiran terbuka agar transformasi pendidikan digital tidak sekadar menjadi retorik.

- Sesungguhnya, pelajar cemerlang bukan sahaja celik ilmu, malah cekal menghadapi cabaran, bak kata peribahasa di mana ada kemahuan, di situ ada jalan.

2 Pendahuluan

- Keyakinan diri dan sikap merendah diri dalam kalangan murid merupakan antara sebab mereka gagal untuk menjadi cemerlang.
- Walaupun berada di kelas paling baik di sekolah, sikap tersebut dilihat membantutkan potensi yang ada dalam diri.
- Murid akan sentiasa berasa terancam dengan kelebihan rakan-rakan mereka, malu bertanya kepada guru dan gagal untuk menghasilkan keputusan yang terbaik.
- Justeru, pelbagai usaha perlu dilakukan untuk membantu murid-murid yang menghadapi masalah berkenaan.

Isi 1

- Kajian mendapati pengaruh rakan sebaya mampu mengubah sikap seseorang remaja.
- Menyokong murid yang kurang yakin itu untuk membuat pembentangan di dalam kelas, meminta mereka untuk mengutarakan pendapat sementara rakan yang lain sentiasa menunjukkan respons yang positif serta menggalakkan mereka untuk menjadi ketua dalam sesebuah perbincangan kumpulan.
- Perubahan sikap boleh berlaku dari semasa ke semasa.

Isi 2

- Sentuhan kaunselor sebagai individu yang paling layak akan memberikan implikasi positif kepada perubahan tingkah laku mereka.
- Sentiasa memberikan contoh tentang kejayaan tokoh-tokoh pelbagai bidang dan memulihkan semangat mereka untuk terus menuntut ilmu.
- Kesannya, murid-murid berkenaan lebih mengenali potensi diri sendiri dan sentiasa mencari peluang yang ada di hadapan mereka termasuklah dari aspek akademik.

Isi 3

- Remaja sangat memerlukan sentuhan daripada ibu bapa walaupun bukan dalam keadaan yang formal.
- Sentiasa berbual tentang cara meningkatkan keyakinan diri, menonton video-video yang memberikan inspirasi serta mengajak anak-anak mereka melakukan aktiviti di luar rumah.
- Murid berkenaan akan mempunyai pemikiran yang terbuka dan matang serta boleh mengaplikasikannya dalam bidang akademik.

Kesimpulan

- Banyak usaha yang boleh dilakukan untuk membantu murid-murid yang tidak berkeyakinan dan terlalu merendah diri.
- Untuk menyerlahkan potensi mereka dalam bidang akademik dan interpersonal.
- Akan turut mampu melahirkan generasi yang hebat pada masa hadapan kerana bijak mengawal emosi dalam apa-apa juga keadaan.
- Murid merupakan tiang negara dan pewaris bangsa.

3

- seperti isi dengan kuku
Peribahasa berlawanan: seperti anjing dengan kucing
- ringan tulang
Peribahasa berlawanan: berat tulang
- genggam bara api biar sampai jadi arang
Peribahasa berlawanan: hangat-hangat tahi ayam.
- bagai aur dengan tebing
Peribahasa berlawanan: bagai enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing

4

- jauh-jauh
Maksud: jarak yang jauh sekali
Ayat contoh: Kami berjalan jauh-jauh ke puncak bukit untuk menikmati pemandangan yang indah.
- terburu-buru
Maksud: dalam situasi tergesa-gesa
Ayat contoh: Zarul keluar rumah dalam keadaan terburu-buru kerana dia terlambat ke sekolah.
- disangka-sangka
Maksud: sesuatu yang dicurigakan/diduga
Ayat contoh: Kemenangan pasukan sepak takraw Kampung Pahit tidak disangka-sangka kerana lawannya sangat kuat.
- kuih-muih
Maksud: pelbagai jenis kuih
Ayat contoh: Puan Saripah menjual kuih-muih di pasar pagi setiap hari.

5 Pendahuluan

- Rumusan membincangkan manfaat-manfaat/kebaikan-kebaikan/kelebihan-kelebihan penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PDP) dan cabaran-cabarannya.
- Rumusan membincangkan manfaat-manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Isi-isi

Bahan 1: Manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP

- Aplikasi yang telah dimuat turun boleh diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja walaupun tanpa Internet.

- Buku teks digital turut menyediakan ruang simpanan yang lebih bersistematik.
- Murid lebih efisien mencari maklumat melalui kata kunci.
- Buku teks digital lebih mudah dikemas kini sekiranya berlaku kesalahan maklumat dalam penerbitan buku tersebut.

Bahan 1: Cabaran penggunaan buku teks digital

- Bukan semua murid mempunyai kemudahan peranti elektronik.
- Merumitkan murid untuk membuat pendaftaran akaun sebagai pengguna.
- Memerlukan kos penyediaan dan pelaksanaan yang tinggi

Bahan 2: Manfaat penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP

- Menjadikan sesi pengajaran guru lebih menarik.
- Menghimpunkan 1.7 juta pengguna aktif pada setiap bulan.
- Aplikasi yang interaktif dan imej yang menarik mampu membantu murid fokus dan mudah memahami sesuatu mata pelajaran.

Bahan 3: Cabaran penggunaan buku teks digital

- Ibu bapa bimbang anak-anak tidak menggunakan peranti untuk pembelajaran.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penggunaan buku teks digital dalam sesi PdP perlu diperhalusi lagi agar sistem pendidikan negara bertambah maju.

6 pedalaman

- Jalan masuk menuju ke kampung yang terletak jauh di kawasan pedalaman itu tidak berturap dan amat lecah apabila hujan turun.

pengeluaran

- Pihak pengurusan syarikat tekstil yang terkemuka itu sentiasa mengawal pengeluaran produk terbaharu mereka supaya dapat menjamin kualiti dan memberikan kepuasan kepada pelanggan.

memerlukan

- Setiap mahasiswa memerlukan pengalaman latihan industri yang cukup sebelum mereka masuk ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar.

berlebihan

- Kanak-kanak perlu sentiasa diawasi agar tidak menggunakan gajet secara berlebihan walaupun ketika cuti sekolah untuk mengelakkan sebarang kesan negatif terhadap mereka.

- 7 (i) Menyuburkan pekerti/perangai/watak
(ii) Langkah-langkah untuk memupuk amalan membaca:

Bahan 1 – Ibu bapa mesti menjadi suri teladan dalam membudayakan amalan ini. Selain itu, ibu bapa perlu membelikan buku untuk anak-anak atau membawa anak-anak ke perpustakaan.

Bahan 2 – Pihak swasta mengambil inisiatif dengan memperkenalkan potongan harga sebanyak 50 peratus kepada pembeli yang berstatus murid atau mahasiswa untuk membeli buku. Selain itu, pihak kerajaan turut menganjurkan pelbagai kempen membaca.

(iii) Kepentingan-kepentingan membaca:

- Membaca dapat menjadikan seseorang berilmu pengetahuan.
- Membaca dapat melahirkan masyarakat yang berjaya dalam kehidupan.
- Membaca dapat mengelakkan masyarakat daripada melakukan perkara-perkara negatif.
- Membaca dapat menjadikan negara semakin maju kerana lebih banyak golongan bijak pandai.

(iv) Sebagai guru pusat sumber, peranan saya untuk menarik minat murid mengunjungi pusat sumber ialah

- Saya akan mengadakan kempen ‘Jom Membaca’ dalam kalangan murid sekolah.
- Saya akan menganjurkan pertandingan nilam dan menawarkan hadiah yang lumayan kepada pemenang.
- Saya akan menyediakan pelbagai kemudahan di pusat sumber seperti komputer riba, kemudahan Internet dan ruang yang kondusif.
- Saya akan menetapkan jadual nilam kepada semua guru supaya membawa murid hadir ke pusat sumber sekolah.

Tema 3 MEMETIK BINTANG

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Bil.	Tip Keselamatan Ketika Menaiki Kapal Terbang
1	Penumpang seharusnya membaca risalah keselamatan penerbangan yang diletakkan di setiap poket di tempat duduk penumpang dengan teliti.
2	Para penumpang perlu mendengar dan melihat demonstrasi keselamatan yang diajar oleh anak kapal dengan jelas.
3	Letakkan beg tangan di bahagian bawah tempat duduk penumpang di hadapan untuk mengelakkan beg tersebut bergerak menggelongsor ke arah kaki anda jika kapal terbang sedang menjunam semasa kecemasan.

4	Penumpang perlu mematikan atau mengaktifkan mod penerbangan segala alatan elektronik seperti telefon mudah alih, tablet, radio, komputer riba atau televisyen mudah alih ketika dalam pesawat kerana alat peranti ini boleh mengganggu sistem komunikasi dalam pesawat.
5	Setiap penumpang seharusnya memastikan kedudukan pintu kecemasan kapal dan mengira jarak antara tempat duduk dengan pintu tersebut untuk memudahkan pergerakan pantas untuk keluar dari pesawat sekiranya kecemasan berlaku.
6	Jika berlaku kebakaran atau kecemasan, topeng oksigen akan dikeluarkan.

Kemahiran Membaca

Objektif Penubuhan Bank Data Forensik Asid Deoksiribonukleik (DNA)	Objektif utama Bank Data DNA sedia ada adalah untuk menyimpan dan menyelenggara indeks ini bagi maksud pengenalpastian manusia berhubung dengan penyiasatan forensik.
Kebaikan-kebaikan Penubuhan Bank Data Forensik Asid Deoksiribonukleik (DNA)	1 Mampu menyelesaikan banyak masalah yang semakin kronik serta bermanfaat kepada pihak berkuasa terutamanya pihak polis. 2 Pihak polis dapat mengesan penjenayah di samping memberi hak dan keadilan kepada suspek dalam sesuatu kes jenayah. 3 Mampu membantu pihak mahkamah membuat sesuatu keputusan penghakiman dan hukuman yang lebih adil dan memuaskan semua pihak. 4 Bank Data DNA boleh digunakan untuk membantu dalam penemuan atau pengenalpastian jasad manusia daripada sesuatu bencana dan pengenalpastian orang yang masih hidup atau yang telah mati.

Kemahiran Menulis

Perkembangan dalam bidang teknologi dan vokasional kini dilihat semakin rancak berkembang sejajar dengan perkembangan arus pemodenan dunia tanpa sempadan ini. Pelbagai penciptaan dan inovasi yang baharu telah wujud di Malaysia agar setanding dengan negara seperti Korea,

Jepun dan Amerika Syarikat. Kolar baharu ialah individu yang memajukan diri dengan kemahiran teknikal dan insaniah dalam pekerjaan teknologi dan kemahiran. Walaupun kepentingan teknologi dan vokasional diakui, namun kesedaran orang ramai khususnya murid tentang perkara ini masih kurang. Sehubungan dengan itu, usaha untuk memupuk budaya teknologi dan vokasional dalam kalangan murid perlu dilakukan agar bidang pekerjaan kolar baharu dimajukan di Malaysia.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa, bagi mencapai matlamat tersebut, ibu bapa seharusnya memainkan peranan yang dominan dengan memperkenalkan dunia teknologi dan vokasional kepada zuriat keturunannya. Ibu bapa seharusnya menerangkan pekerjaan kolar baharu ini dengan lebih mendalam kepada anak-anak mereka. Selain memberitahu anak-anak tentang kepentingan budaya teknologi dan vokasional dalam kehidupan era moden dan menghantar anak-anak ke latihan pendidikan teknologi dan vokasional yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Ibu bapa seharusnya membawa anak-anak mengunjungi pameran kerjaya berkaitan teknologi dan kemahiran yang sering diadakan. Tujuannya adalah untuk menanam minat anak-anak terhadap teknologi dan vokasional sejak awal lagi. Hal ini jelaslah bahawa ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam menarik minat murid dalam bidang kolar baharu ini.

Lontaran idea yang seterusnya ialah peranan pihak sekolah dalam memperkenalkan bidang teknologi dan vokasional kepada murid dengan lebih giat. Hal ini dikatakan demikian kerana bagi mengubah minda murid terhadap mata pelajaran teknologi dan vokasional yang dianggapnya sebagai mata pelajaran yang sukar. Di sekolah, Unit Bimbingan dan Kaunseling harus mengadakan ceramah untuk membetulkan tanggapan tersebut. Selain itu, murid yang telah berjaya dalam bidang tersebut boleh diundang untuk memberikan penjelasan kepada murid tentang perlunya budaya teknologi dan vokasional serta keperluannya pada era globalisasi. Usaha ini penting untuk membina keyakinan dalam diri murid bahawa teknologi dan vokasional mampu dipelajari oleh sesiapa sahaja dan mempunyai kelebihan untuk menempuh alam kerjaya khususnya pekerjaan kolar baharu pada suatu hari kelak seperti juruelektik, juruteknik pengkomputeran, pengurus pangkalan data dan lain-lain.

Kita dapat menyaksikan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dengan menubuhkan lebih banyak sekolah vokasional dan kolej komuniti yang menawarkan bidang teknologi dan vokasional kepada murid yang berminat. Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional telah dipertanggungjawabkan untuk meningkatkan enrolmen dalam pendidikan vokasional, merombak kurikulum pendidikan vokasional supaya relevan dengan keperluan industri dan meningkatkan kolaborasi dengan pihak industri. Pihak sekolah dalam mengadakan Kempen Budaya

Teknologi dan Vokasional dalam kalangan murid. Schubungan dengan itu, wacana ilmu yang berkaitan dengan bidang teknologi dan vokasional telah diadakan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, aktiviti forum dan wawancara tentang teknologi dan vokasional diadakan sepanjang pelaksanaan kempen itu khusus untuk murid sekolah. Jelaslah bahawa pihak sekolah memainkan peranan utama dalam menyedarkan murid tentang pekerjaan kolar baharu.

Sesungguhnya, bidang teknologi dan vokasional banyak mendatangkan faedah kepada kehidupan manusia. Murid hendaklah memantapkan ilmu dalam bidang teknologi dan vokasional. Selain itu, kesedaran semua pihak tentang kepentingan teknologi dan vokasional amatlah penting dalam meneruskan bidang pekerjaan kolar baharu. Dengan adanya kesedaran sedemikian, usaha pemupukan budaya teknologi dan vokasional dalam kalangan murid akan mencapai matlamatnya.

Aspek Tatabahasa

- ubat-ubatan – Ubat-ubatan herba telah digunakan sejak zaman dahulu untuk merawat pelbagai penyakit.
- berhati-hati – Ketika memandu di jalan raya, kita perlu berhati-hati untuk mengelakkan kemalangan.
- asal-usul – Mengetahui asal-usul sesuatu budaya dapat meningkatkan penghargaan terhadap kepelbagaian yang wujud.
- berbeza-beza – Pendapat orang ramai mengenai isu tersebut adalah berbeza-beza, menunjukkan pelbagai perspektif yang ada.

SOALAN SEBENAR SPM

1 Pendahuluan

- Kerja sambilan merujuk kerja sementara yang biasanya dilakukan oleh golongan remaja terutama ketika musim cuti sekolah
- Turut dilakukan oleh golongan tua dan wanita
- Wajar dilakukan oleh remaja kerana sudah menjadi satu gaya hidup moden tetapi gaya ini turut mencetuskan pelbagai impak terhadap remaja
- Persoalannya, apakah implikasi bekerja secara sambilan dalam kalangan pelajar?

Isi 1

- Peluang kepada pelajar menambahkan pendapatan, mendapatkan wang tambahan dan membantu mengurangkan masalah kewangan keluarga
- Disebabkan peningkatan kos sara hidup bukan sahaja membebaskan isi rumah malah kesannya turut dirasakan oleh golongan pelajar
- Sebagai contohnya pelajar yang tersepit dengan masalah kewangan

- Mencari pendapatan alternatif melakukan kerja-kerja sambilan bekerja di restoran makanan segera, pasar raya, dan stesen minyak
- Kesannya, mendapat banyak pengalaman yang berguna kepada mereka
- Jelaslah kerja sambilan bukan sahaja dapat menambah pendapatan tetapi juga menjadi alat untuk menjelaskan erti kehidupan sebenar kepada remaja sebelum mereka benar-benar melaluinya – belum cuba belum tahu

Isi 2

- Memberi satu pengajaran berguna kepada pelajar dalam kehidupan
- Jangka masa yang pendek bersama-sama rakan sekerja dan majikan pasti meninggalkan pelbagai kesan yang menarik
- Mampu membentuk personaliti yang menarik menerusi kerja sambilan
- Contohnya semasa bertugas di tempat kerja dapat membina jati diri yang baharu kerana kerja ini memerlukan mereka menepati masa kerana masa itu emas, rajin bekerja, menurut arahan, dan menggunakan minda ketika berinteraksi dengan pelanggan
- Kesannya, menyedari betapa kehidupan sosial memerlukan kemahiran tinggi terutama ketika di tempat kerja
- Jika dahulunya malas, tiada wawasan, tidak yakin diri dan sebagainya pasti berubah sebaik sahaja mereka bekerja secara sambilan
- Kerja sambilan dapat memberikan banyak pengajaran dalam mengharungi kehidupan

Isi 3

- Impak negatifnya gagal mengurus masa dengan baik, menjadi individu yang terlalu sibuk, mementingkan kewangan, lupa tugas belajar mereka
- Menganggap sudah mampu hidup sendiri tanpa bantuan keluarga – terlalu angkuh – peribahasa – belum lepas tali uri sudah hendak bangkit berdiri
- Contohnya – mempunyai had masa belajar berbanding rakan-rakan yang lain
- Masa yang sepatutnya digunakan oleh mereka untuk menumpukan perhatian kepada pelajaran telah digunakan sebahagiannya untuk mencari pendapatan
- Kesannya – tidak mempunyai cukup masa untuk mengulang kaji pelajaran mereka
- Kekangan masa – memberi kesan negatif kepada pencapaian akademik jika pelajar gagal menguruskan masa dengan baik
- Kemerosotan prestasi akademik pelajar yang bekerja sambilan ialah kegagalan menguruskan masa dengan baik

Isi 4

- Akan menjejaskan kesihatan remaja
- Selepas pulang daripada sekolah, mereka harus keluar semula untuk bekerja sehingga larut malam – tercetus keadaan yang dikejar tak dapat, yang digendong berciciran
- Berasa tertekan apabila belajar lapan jam di sekolah dan harus bekerja sehingga larut malam selepas bersekolah
- Sebagai contohnya, setiap manusia memerlukan sekurang-kurangnya tujuh jam untuk tidur
- Kesannya – tidak mempunyai cukup tidur
- Tidak mampu untuk mengikuti pelajaran di sekolah pada keesokan harinya
- Ke kerap tidak hadir ke kelas – semakin kerap pelajar ponteng sekolah, semakin tinggi risiko ke atas prestasi akademik mereka
- Tekanan daripada sekolah dan beban kerja pastinya akan menjejaskan kesihatan mereka

Kesimpulan

- Kerja sambil banyak kebaikan – tetapi wajar dilakukan secara bertanggungjawab
- Menimbang dengan mendalam sebelum menyertai kerja sambil
- Bertanya kepada diri sendiri, adakah ini sesuatu yang ingin dilakukan?
- Pelajar yang berhasrat untuk melakukan kerja sambil haruslah bijak menguruskan masa belajar dan bekerja supaya tidak mengganggu pelajaran
- Pelajar juga seharusnya mengambil peluang mempraktikkan apa-apa yang dipelajari dengan pekerjaan yang dilakukan
- Tidak mengabaikan tanggungjawab sebagai pelajar, jangan menjadi seperti kura-kura di kaki ditinggalkan, burung terbang dikejar

2 Bahan 1

Bil.	Salah	Betul
1	bantu	membantu
2	June	Jun
3	berinteraktif	berinteraksi
4	rekabentuk	reka bentuk
5	tersangat	sangat
6	Selain daripada itu	Selain itu

Bahan 2

Bil.	Salah	Betul
1	mempengaruh	mempengaruhi
2	demi untuk	demi/untuk
3	termashur	termasyhur
4	siswa	siswazah/lulusan/lepasan
5	di	pada
6	mengikat	menambat

Tema 4

MENJULANG HARAPAN DI BUMI BERTUAH

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Usaha-usaha Pihak Kerajaan untuk Memperkasakan Sektor Pertanian:

- 1 Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu mengubah kaedah pertanian menggunakan teknologi terkini.
- 2 Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan perlu menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R&D) terhadap sektor pertanian.
- 3 Pihak Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan menggalakkan pengguna membeli produk tani tempatan.

Kemahiran Membaca

Pertanian dan penternakan di Malaysia perlu bergerak seiring teknologi terkini daripada transformasi pertanian tradisional berasaskan buruh kepada pertanian automatik berasaskan pengetahuan pintar. Penggunaan teknologi pertanian dilihat masih jauh ketinggalan di Malaysia. Justeru, kita perlu melatih generasi baharu petani atau usahawan untuk mengadaptasi pengetahuan pertanian dengan penyesuaian ke arah pengeluaran mampan. Selain itu, pihak kerajaan perlu memperkasakan dan meningkatkan projek penanaman rumput pastura khususnya rumput napier sebagai makanan ternakan memandangkan kos makanan ternakan yang semakin meningkat pada ketika ini. Beberapa kawasan telah pun dikenal pasti untuk tujuan tersebut, sebagai contoh di atas tanah-tanah rizab sungai yang bersesuaian dan menepati syarat-syarat penggunaan tanah oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS). Pihak kerajaan juga perlu menyediakan latihan kemahiran pertanian profesional di kolej vokasional serta program pertanian moden di universiti boleh diperkenalkan untuk mempromosikan pertanian sebagai industri menarik dengan pulangan lumayan. Pada masa kini, kita mempunyai teknologi dron berasaskan kecerdasan buatan (AI) untuk pemantauan sistem maklumat geografi (GIS) dan aplikasi agrokimia pintar. Negara kita amat memerlukan anjakan paradigma ke arah pertanian pintar menggunakan peranti penderiaan dan pemantauan pintar

menggunakan Internet, analisis dan perancangan pintar. Teknologi perladangan pintar sesuai untuk meningkatkan hasil ternakan atau akuakultur melalui pemantauan dari semasa ke semasa.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Dalam meniti arus kemodenan hari ini, sektor pertanian di dalam negara sering kali dipandang enteng dan tidak mendapat perhatian oleh pentadbir negara. Malahan masyarakat konvensional masih mempunyai stigma fikiran bahawa pertanian adalah suatu pekerjaan yang kuno dan tidak mendatangkan hasil yang lumayan. Perkara ini menjadi faktor-faktor yang membantutkan usaha bagi meningkatkan kemampuan industri tani domestik yang menjadi salah satu pemain utama dalam ekonomi negara. Untuk makluman semua, pertanian merangkumi aktiviti perladangan sawit dan getah, penanaman sayur-sayuran dan buah-buahan serta penternakan ayam, lembu, dan hidupan laut seperti ikan dan udang. Persoalannya, apakah langkah-langkah yang perlu diambil bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia?

Langkah pertama untuk memajukan sektor pertanian adalah dengan peranan pihak kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengubah kaedah pertanian menggunakan teknologi terkini. Maka, anjakan paradigma seharusnya diusahakan supaya hasil pertanian menjadi lebih berkualiti dan kuantiti produk dapat ditingkatkan seperti penggunaan GPS, sensor, dron, kecerdasan buatan (AI) dan robotik. Sebagai contoh, dron digunakan untuk mengambil gambar imej tanaman dan imej ini boleh dianalisis untuk mengesan penyakit pada pokok, kadar klorofil, kadar kelembapan tanah dan kewujudan serangga perosak. Dengan mengetahui kadar kelembapan tanah, petani dapat mengetahui kadar air yang diperlukan oleh tanaman mereka. Begitu juga dengan kadar klorofil dan penyakit pokok. Oleh itu, penggunaan teknologi ini dapat melakukan kerja manual dengan lebih cepat dan tepat justeru sokongan daripada pelbagai pihak penting untuk menarik minat murid dalam memajukan sektor pertanian di Malaysia.

Selaras dengan langkah pertama, peranan pusat-pusat penyelidikan dalam memajukan industri pertanian tidak dapat diperkecil dalam memupuk minat murid menyertai bidang pertanian. Penyelidikan terhadap tanaman wajar dilaksanakan untuk menghasilkan baka yang berkualiti. Baka yang dihasilkan ini mempunyai ketahanan terhadap serangan serangga perosak dan cepat tumbuh. Sebagai contohnya, benih padi seperti Bahagia dan Malinja yang dihasilkan oleh Institut Penyelidikan Pertanian Malaysia (MARDI) dapat mencapai kematangan dalam tempoh yang singkat. Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) pula berjaya membiakbakakan Klon 600 yang bermutu tinggi. Minyak sawit yang tulen dan berkualiti merupakan hasil usaha Institut Penyelidikan Minyak Sawit Malaysia

(PORIM). Selain itu, pihak penyelidik juga berjaya mencipta teknik pengklonan. Melalui cara ini, tanaman dapat dibiakkan dengan jumlah yang besar dalam masa yang singkat. Sikap tolong-menolong bagaikan aur dengan tebing wajar dipraktikkan untuk mendapatkan baka yang terbaik. Tuntasnya, pusat-pusat penyelidikan harus bersikap seperti genggam bara api, biar sampai jadi arang dalam menemukan teknik mencipta klon yang bermutu.

Selain itu, golongan petani dan kerajaan perlulah menggembleng tenaga untuk merangka strategi pemasaran hasil pertanian yang berkesan. Hal ini disebabkan tiada gunanya kita mendabik dada memiliki hasil tanaman yang banyak sedangkan kita tidak tahu cara memasarkannya. Sebagai contohnya, para petani dapat memperoleh panduan penting daripada Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia (FAMA) tentang teknik pemasaran yang berkesan. Kerajaan dapat menganjurkan pasar tani dengan mengumpulkan para petani dari desa-desa di seluruh negara untuk menjual hasil tanaman di bandar-bandar besar. Tindakan ini pasti menguntungkan kerana warga kota yang memerlukan tanaman segar dan berkualiti pasti membeli hasil pertanian yang dijual secara borong. Selain itu, kerajaan dapat mengeksport hasil tanaman ke negara-negara lain, terutama negara yang ekonominya bukan berasaskan pertanian. Jelaslah, strategi pemasaran yang baik dan harga hasil tani yang munasabah penting untuk memartabatkan sektor pertanian justeru menarik minat murid menyertai bidang pertanian pada suatu hari nanti.

Kesimpulannya, pelbagai langkah yang boleh dilaksanakan bagi memajukan sektor pertanian di Malaysia. Sejarah menunjukkan bahawa negara kita pernah menjadi pusat dagangan dunia dalam membekalkan barang dagangan seperti hasil pertanian ke seluruh pelosok dunia. Sekiranya sektor pertanian diangkat sebagai industri utama dalam negara, Malaysia berpotensi menjadi hub produk pertanian di rantau Asia Tenggara. Semoga masyarakat bersikap cakna dalam potensi yang ada pada industri pertanian dan pemimpin negara membuka mata dan peluang kepada rakyat untuk menghasilkan produk pertanian yang terbaik serta mampu dipasarkan ke pasaran antarabangsa.

Praktis 2

Rumusan membincangkan usaha-usaha untuk menarik golongan muda menceburi bidang pertanian dan kepentingan bidang pertanian kepada negara.

Usaha-usaha yang boleh menarik golongan muda menceburi bidang pertanian ialah kursus atau bengkel kemahiran pertanian perlu dilaksanakan dengan lebih menarik. Selain itu, agensi kerajaan boleh memainkan peranan dengan memudahkan urusan pembukaan ladang pertanian dan pemberian insentif kepada petani-petani muda serta galakan ibu bapa di rumah. Seterusnya, pihak kerajaan akan memperkenalkan program pertanian bersasar di bandar.

Antara kepentingan sektor pertanian kepada negara adalah dapat meningkatkan peluang pekerjaan. Selain itu, bekalan bahan mentah penting kepada sektor ekonomi sekunder dalam pemprosesan makanan dan sektor pertanian penting dalam membekalkan bahan makanan kepada rakyat. Akhir sekali, sektor pertanian dapat memelihara ekologi alam sekitar.

Kesimpulannya, sektor pertanian perlu dimajukan agar negara terus maju di persada antarabangsa.

Aspek Tatabahasa

- gedung – Gedung itu menyediakan pelbagai jenis barangan yang memenuhi keperluan harian penduduk setempat.
- pelajar – Pelajar harus rajin belajar agar dapat mencapai kejayaan dalam peperiksaan.
- remaja – Remaja hari ini lebih terdedah kepada teknologi dan media sosial berbanding generasi sebelumnya.
- gelanggang – Gelanggang sukan itu dipenuhi dengan penyokong yang memberi semangat kepada pasukan kegemaran mereka.

SOALAN SEBENAR SPM

penghasilan

- Cikgu Zainab sentiasa mencungkil bakat murid-muridnya dalam penghasilan puisi menerusi aktiviti yang dijalankan di dalam kelas.

pembuatan

- Proses pembuatan produk baharu daripada syarikat ternama itu memerlukan kepakaran dari luar negara bagi memastikan kualitinya terjamin.

pemprosesan

- Ahmad berasa sungguh kagum ketika melihat pemprosesan minyak masak yang dihasilkan daripada kelapa sawit yang disiarkan di kaca televisyen.

pengawetan

- Kaedah pengawetan bertujuan memastikan sesuatu makanan itu boleh bertahan dalam tempoh yang lebih lama.

Tema 5

MEMACU PRODUKTIVITI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Apakah TVET?	TVET merupakan singkatan bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional. TVET ialah proses pendidikan dan latihan yang mempunyai hala tuju pekerjaan dengan penekanan utama terhadap amalan industri.
Tujuan TVET diperkenalkan.	TVET diperkenalkan adalah untuk menghasilkan tenaga kerja yang kompeten dalam bidang-bidang yang tertentu.
Kepentingan-kepentingan TVET	1 Kepentingan utama pendidikan teknikal dan vokasional adalah untuk membuka peluang kepada pelajar yang kurang cemerlang dalam bidang akademik. 2 Pendidikan teknikal dan latihan vokasional penting untuk melahirkan tenaga kerja yang mahir dalam bidang teknikal dan tertentu. 3 Potensi industri dalam negara dan daya saing dalam kalangan tenaga kerja dapat ditingkatkan dengan pendidikan TVET. 4 Pendidikan teknikal dan latihan vokasional ini penting sebagai alternatif kepada pendidikan tertiar yang tidak meyakinkan.

Kemahiran Membaca

- 1 Rangkai kata agak menarik bermaksud kira/sangka/ rasa/memikat.
- 2 Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, persamaan usaha pihak kerajaan dalam membantu menggalakkan industri kecil dan sederhana (IKS) ialah:
 - beberapa strategi pemasaran yang lebih berkesan perlu difikirkan oleh pihak-pihak berkaitan termasuk agensi-agensi kerajaan negeri untuk membantu usahawan IKS mempromosikan produk mereka ke pasaran yang lebih luas
 - meluaskan pasaran usahawan tempatan di negara serantau dengan menyediakan platform terbaik bagi pengeluaran industri halal Malaysia
- 3 Pada pendapat saya, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pengusaha industri kecil dan sederhana dalam memajukan perusahaan mereka ialah:
 - halangan dan kesukaran produk yang dihasilkan oleh pengusaha perindustrian kecil dan sederhana

- (IKS) memasuki pasar raya-pasar raya besar
- pengusaha-pengusaha IKS juga menghadapi masalah aliran modal
- pengusaha kurang memperoleh latihan dan kemahiran yang sistematik
- ruang atau skop pasaran adalah terhad kerana barangan yang diusahakan

4 Sebagai ketua komuniti di kawasan tersebut, usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk membantu penduduk di kawasan ini dalam memasarkan produk mereka ialah:

- meminta bantuan pihak kerajaan untuk menyalurkan dana kepada para pengusaha
- menyediakan tempat yang sesuai untuk tujuan melakukan aktiviti
- merujuk pihak berwajib untuk menghantar wakil penduduk menyertai kursus dan latihan bagi memajukan produk
- bekerjasama dengan pihak kerajaan untuk memasarkan hasil produk dengan lebih meluas
- mempromosikan hasil produk penduduk kampung melalui platform digital seperti media sosial

Kemahiran Menulis

Pada pendapat saya, usaha yang boleh dilakukan untuk melindungi industri kraf tangan negara ialah kerjasama pelbagai pihak dalam mencari formula atau mekanisme yang berkesan. Pihak kerajaan melalui agensinya perlulah berusaha untuk mempromosikan industri kraf tangan di peringkat antarabangsa. Misalnya, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya perlu melakukan pelbagai inisiatif termasuk promosi melalui kempen, pakej pelancongan, dan percutian di Malaysia. Dengan majunya industri pelancongan, secara tidak langsung perusahaan kraf tangan akan semakin menggalakkan kerana di mana ada gula di situ ada semut.

Aspek Tatabahasa

- menyertai – Khai ingin menyertai pertandingan melukis itu.
- meningkatkan – Latihan harian dapat meningkatkan prestasinya.
- menggerakkan – Jurulatih itu berusaha menggerakkan semangat pasukannya.
- memerlukan – Projek ini memerlukan lebih banyak tajaan.

Tema 6

DUNIA PELANCONGAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Pembentangan murid

Kemahiran Membaca

Kesimpulannya, pelbagai cara telah dibincangkan bagi penjagaan keselamatan ketika pergi melancong sama ada melakukan pelancongan domestik atau pelancongan di luar negara. Setiap pihak terutamanya kerajaan dan media massa mempunyai obligasi yang mustahak dalam memupuk kesedaran pelancong tentang keselamatan dan langkah terbaik untuk mengatasi perkara yang tidak diingini daripada berlaku dan sentiasa berwaspada, janganlah sudah terhantuk, baru terngadah yang boleh didefinisikan apabila kita sudah terkena kemalangan barulah kita sedar dan sudah terlambat untuk melakukan apa-apa. Semua pihak perlulah berganding bahu bagi aur dengan tebing supaya setiap langkah yang diambil mendatangkan kesan yang positif. Oleh itu, semua rakyat diseru untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada serta mengutamakan keselamatan ketika melakukan aktiviti melancong supaya keseronokan tidak menjadi tragedi.

Kemahiran Menulis

PUNCA-PUNCA PENCEMARAN SUNGAI OLEH: ZARA SANI

Proses pembentukan tamadun manusia bermula apabila wujud hubungan, iaitu penyesuaian antara manusia dengan alam sekelilingnya. Manusia akan memilih kawasan yang memudahkan mereka menjalani kehidupan harian. Lembah sungai dipilih sebagai lokasi penempatan kekal oleh manusia pada zaman dahulu disebabkan oleh pelbagai manfaat sungai kepada manusia. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sungai memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia sejak zaman dahulu lagi. Namun begitu, pada tahun 2019, negara kita telah dikejutkan dengan berita tentang pencemaran Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor. Persoalannya, apakah punca-punca pencemaran sungai?

Sebagai mukadimah perbincangan, faktor prima yang mencetuskan pencemaran sungai ialah sikap sesetengah individu membuang sampah sarap ke dalam sungai. Segelintir mereka mencampakkan sampah secara sembarangan ke dalam sungai. Kesannya, sungai dipenuhi dengan sampah sarap sehingga menyebabkan airnya keruh, berbau busuk dan akhirnya menyebabkan ikan yang hidup di dalamnya turut mati. Tindakan ini akan menyebabkan kualiti air sungai merosot dan tidak lagi selamat untuk kegunaan domestik. Hal ini boleh mengundang krisis air dan menyusahkan individu yang hidup bergantung kepada sungai. Tambahan pula, pembuangan sampah sarap akan menyebabkan sungai

berbau busuk. Hal ini jelaslah bahawa sesetengah individu yang tidak bertanggungjawab untuk menjaga kebersihan sungai.

Cetusan minda seterusnya ialah sikap pengusaha kilang yang membuang sisa toksik dari kilang mereka ke sungai turut menyumbang kepada pencemaran sungai. Sisa dari kilang yang tidak dirawat terlebih dahulu akan mengancam kehidupan akuatik di dalam sungai kerana mengandungi bahan kimia yang berbahaya. Apabila sisa tersebut bercampur dengan air sungai, tahap kebersihan air sungai merosot dan boleh mengundang pelbagai penyakit kepada individu yang menggunakan air dari sumber tersebut. Justeru, pihak yang bertanggungjawab tidak boleh bersikap seperti enau dalam belukar, melepaskan pucuk masing-masing hanya semata-mata kerana kos pengurusan sisa dari kilang mahu dijamin.

Dari perspektif yang lain pula, kegiatan pembalakan haram merupakan salah satu faktor yang membawa kepada berlakunya pencemaran sungai. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila pokok-pokok ditebang, struktur tanah akan menjadi lemah akibat kehilangan sokongan daripada akar-akar pokok yang mencengkam tanah. Keadaan ini menjadi lebih teruk apabila hujan turun dengan lebat dan jatuh terus ke atas tanah tanpa halangan. Struktur tanah yang lemah tersebut akan mudah terhakis dan mengalir bersama-sama air hujan ke sungai. Tanah yang terhakis akan mendap di dasar sungai dan menjadikan sungai cetek. Apabila hujan turun, sungai tersebut tidak akan dapat menampung air yang banyak dan akhirnya akan melimpah keluar sehingga berlaku banjir kilat. Berdasarkan prakarsa ini, kegiatan pembalakan yang sewenang-wenang tanpa pengawasan oleh pihak berkuasa menyebabkan pencemaran sungai berlaku.

Sebagai melabuh tirai perbincangan, sungai merupakan nadi terpenting dalam kehidupan manusia. Manusia mestilah merancang setiap aktiviti yang hendak dilakukan dengan baik supaya tidak mengundang kesan negatif kepada alam sekitar. Sesungguhnya, alam sekitar merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya dan perlu dipelihara kebersihan serta keindahannya untuk kebaikan semua hidupan di muka bumi ini dengan menyokong slogan 'Cintailah sungai kita'.

Aspek Tatabahasa

- menjalani
- mendapatkan
- memasukkan
- mengadakan
- menyatakan
- menjadikan

Tema 7

DEMI KEDAMAIAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Jenis-Jenis Perlakuan Buli	Contoh
Peras Ugut	minta duit, menyembunyikan barang mangsa, menjadi orang suruhan
Memulau	tidak dimasukkan dalam kumpulan, tidak suka murid yang ikut peraturan
Isyarat Bukan Lisan	jelir lidah, jegil mata, isyarat lucah
Fizikal	pukul, tendang, cubit
Lisan	ejek, mencarut

Kemahiran Membaca

- Leukemia**
Sejenis penyakit yang kronik atau berlarut-larutan oleh sebab terdapatnya leukosit yang berkembang biak dan meresap ke dalam sum-sum tulang, limpa, dan lain-lain.
- Anemia**
Penyakit yang diakibatkan oleh kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dalam sel darah merah, ataupun pendarahan yang berlebihan
- Platelet**
Sel yang terdapat dalam darah yang membantu pembekuan darah
- Plasma**
Cecair tidak berwarna yang merupakan sebahagian daripada darah
- Liang**
Lubang yang halus
- Diskriminasi**
Perlakuan membeza-bezakan warna kulit, keturunan
- Aparteid**
Dasar membezakan warna kulit
- Ventilator**
Alat untuk menyegarkan udara
- Firasat**
Berasa sesuatu akan terjadi berdasarkan tanda tertentu yang ada
- Hayat**
Ada nyawa pada badan

Kemahiran Menulis

Sejak akhir-akhir ini, isu kemalangan jalan raya dalam kalangan masyarakat saban waktu diwar-warkan dalam media arus perdana di negara ini. Pada tahun 2016, jumlah kematian adalah sebanyak 7 152, dan jumlah terendah pada tahun 2018 dengan angka 6 284 kematian. Justeru, semua pihak mestilah komited untuk mendepani isu ini kerana yang berat sama dipikul dan ringan sama dijinjing.

Persoalannya, apakah usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan di negara ini?

Pada pendapat saya, usaha yang paling utama atau efektif adalah dengan Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) mengadakan Kempen Pemantauan Secara Berhemah. Hal ini dikatakan demikian kerana kempen yang diadakan oleh PDRM dapat menyedarkan masyarakat supaya sentiasa berhati-hati di jalan raya. Sebagai contoh, pihak PDRM mengadakan kempen melalui media massa dan media sosial seperti surat khabar, televisyen, papan tanda dan sebagainya. Tegasnya, kempen yang dijalankan oleh PDRM ini dapat membantu mengurangkan kadar kemalangan di negara ini.

Pada nada yang sama, penguatkuasaan undang-undang juga dikenal pasti sebagai langkah kerajaan Malaysia untuk mengurangkan kadar kemalangan. Saya berpendapat demikian kerana penguatkuasaan undang-undang yang diimplementasikan oleh kerajaan mampu memberi peringatan kepada pengguna jalan raya. Pihak polis dan JPJ boleh mengenakan kompaun yang tinggi, menyita kenderaan dan menggantung lesen memandu bagi pemandu yang didapati bersalah. Jelaslah bahawa tindakan kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan adalah dengan menegakkan penguatkuasaan undang-undang jalan raya.

Kesimpulannya, semua pihak mestilah menyokong usaha-usaha yang dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan kadar kemalangan di negara ini agar sistem pengangkutan jalan raya negara kita menjadi salah sebuah sistem pengangkutan yang selamat dan selesa di dunia. Oleh hal yang demikian, marilah kita bekerjasama dan berusaha dengan sistematik dan bersikap proaktif dalam mendepani isu ini kerana perjalanan yang beribu batu, mestilah bermula dengan langkah yang pertama.

Aspek Tatabahasa

- melebarkan – Adina berusaha melebarkan pengetahuannya melalui pembacaan.
- bijak – Keputusan bijak yang diambilnya membawa kejayaan.
- kreatif – Karya seni ini menunjukkan betapa kreatifnya dia.
- kerajinan – Sikap kerajinan yang ada pada pelajar itu membuahkan hasil yang cemerlang.

Tema 8

DALAM LIPATAN KENANGAN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Mereka sanggup mengorbankan nyawa, kudrat dan masa untuk bertempur dengan musuh demi membebaskan pertiwi daripada tangan-tangan rakus bangsa penjajah yang hanya mementingkan kemewahan hasil bumi tanah air kita
- 2 ceramah kemerdekaan, perarakan merdeka dan persembahan tarian
- 3 sikap mereka pada hari ini yang terlalu mengagungkan budaya Barat sehingga melupakan identiti bangsa mereka sendiri seperti pemakaian, makanan, permainan dan tarian tradisional
- 4 Hal ini menunjukkan bahawa kaum-kaum yang terdapat di Malaysia dapat bersatu-padu kerana mereka dapat bersama-sama menyambut Hari Kebangsaan

Kemahiran Membaca

Cabaran Melestarikan Warisan Budaya

- 1 Golongan remaja kurang kesedaran tentang warisan budaya.
- 2 Golongan remaja kurang berminat untuk memakai pakaian tradisional yang dianggap ketinggalan zaman.
- 3 Ibu bapa kurang mendorong anak-anak untuk mengekalkan warisan budaya.

Cara Melestarikan Warisan Budaya

- 1 Sebagai remaja, seharusnya mengaktifkan diri dalam persatuan atau kelab permainan tradisional. Dengan menyertai aktiviti dalam kelab tersebut, remaja dapat memahami permainan tradisional yang terdapat di Malaysia kerana tak kenal maka tak cinta. Selain itu, menghadiri perjumpaan dan belajar bermain permainan seperti congkak dan gasing, kita dapat mengetahui betapa halusnyanya dan tingginya tahap pemikiran nenek moyang kita yang mewariskan permainan ini kepada kita.
- 2 Golongan remaja sewajarnya memainkan peranan yang penting dengan mengetengahkan pakaian tradisional. Pemakaian busana klasik ini bukan sahaja menutup aurat, malah dapat menonjolkan keistimewaan Malaysia kepada jagatraya. Dengan memakai pakaian tradisional untuk menghadiri majlis rasmi atau majlis tidak rasmi seperti jamuan bukan sahaja menampilkan kecantikan diri seseorang gadis malah kemanisan gadis yang memelihara adab pemakaian dan adab berjalan apabila berpakaian tradisional.
- 3 Ibu bapa sepatutnya memberikan teladan yang baik kepada anak-anak supaya mengenali dan mengamalkan warisan rakyat Malaysia. Sebagai contohnya, membawa anak-anak bermain wau, congkak, menyertai

pertandingan membuat wau kerana mampu mencambahkan minat anak-anak muda untuk terus berkecimpung dalam bidang tugas yang diperturunkan oleh nenek moyang kita.

Kemahiran Menulis

Perubatan cara tradisional adalah warisan turun temurun daripada nenek moyang kita lagi. Dalam masyarakat Malaysia, kaedah rawatan tradisional biasanya diamalkan oleh jampi serapah di samping ubat-ubatan asli yang didapati daripada tumbuh-tumbuhan dan haiwan serta serangga. Perubatan tradisional berkembang menjadi salah satu cabang ilmu perubatan yang penting kerana memberi pelbagai sumbangan ke arah meningkatkan taraf kesihatan negara ini. Perubatan tradisional masih diperlukan biarpun dunia perubatan semakin canggih. Malahan dalam beberapa jenis penyakit, sistem perubatan tradisional ternyata lebih berkesan daripada perubatan moden. Persoalannya, apakah kelebihan-kelebihan perubatan tradisional kepada masyarakat?

Perubatan tradisional masih lagi diperlukan oleh masyarakat hari ini kerana warisan amalan hidup tradisional masih mengekang nilai hidup sebahagian besar masyarakat khususnya orang Melayu di kawasan pedalaman. Sejak sekian lama orang Melayu amat terpengaruh kepada kepercayaan animisme dan saki baki kepercayaan ini masih lagi wujud walaupun angin perubahan dan kemodenan begitu bertiup kencang. Kepercayaan animisme mengajar masyarakat bahawa setiap penyakit bermula daripada lebihan kecairan, racun dan pengaruh makhluk halus. Kalau hendak menyembuhkan penyakit yang sebegitu rupa, amalan perubatan tradisional diperlukan. Penyakit-penyakit ganjil seperti ini boleh disembuhkan melalui perubatan tradisional dan memang sukar disembuhkan dengan perubatan moden. Oleh sebab itulah golongan seperti ini masih memerlukan perubatan tradisional.

Perubatan tradisional masih lagi diperlukan kerana berupaya dan menjadi penawar kepada pelbagai penyakit yang berbahaya. Penyakit-penyakit seperti darah tinggi, lelah, lumpuh, patah tulang dan penyakit-penyakit yang ada kaitan dengan urat saraf kebiasaannya lebih serasi dengan perubatan tradisional jika dibandingkan dengan perubatan moden. Sesetengah rawatan perubatan tradisional mendatangkan kesan yang baik, khasnya dalam mengubati tulang yang patah. Ada bomoh patah atau bomoh tulang yang dapat menyembuh sakit ini menurut kepakarannya tanpa melalui proses pembalutan seperti kaedah rawatan perubatan moden. Rawatan tradisional lebih terhasil dan benar-benar meyakinkan masyarakat. Masyarakat Cina lebih terkenal dengan rawatan akupunktur dan ubatan sinseh. Kedua-dua jenis perubatan ini mujarab bagi beberapa penyakit seperti darah tinggi, sakit lelah dan lumpuh. Tambahan pula rawatan akupunktur boleh menggantikan ubat bius dalam proses pembedahan.

Perubatan tradisional masih lagi diperlukan kerana

rata-rata masyarakat masih lagi mengamalkannya kerana kos perubatan yang lebih murah jika dibandingkan dengan perubatan secara klinikal. Bahan-bahan perubatan diperolehi dari kawasan tempat tinggal kita. Sebagai contoh, daun Belimbing Buluh boleh dijadikan ubat darah tinggi, daun Misai Kucing dikatakan dapat merawat penyakit kencing manis, daun Bunga Raya Putih pula dapat menurunkan kepanasan demam. Penggunaan ubatan herba tidaklah mendatangkan kemudaratannya sekiranya diambil dalam jumlah dan tempoh yang diperlukan sahaja. Tidak dinafikan terdapat banyak tumbuhan herba yang memberikan manfaat kepada manusia sejak zaman dahulu lagi. Sekiranya kita melihat dari segi amalan tradisi nenek moyang yang menggunakan tumbuhan sebagai ubatan tradisional, kebanyakan adalah melalui proses pengekstrakan. Nenek moyang terdahulu menggunakan air rebusan tumbuhan untuk diminum bagi tujuan rawatan tertentu. Berdasarkan prakarsa ini, jelas menunjukkan perubatan tradisional banyak mendatangkan kelebihannya jika digunakan dengan cara yang betul.

Sebagai menutup tirai perbincangan, dalam perubatan tradisional Melayu, penggunaan tumbuh-tumbuhan adalah amat meluas. Pengamal perubatan tradisional Melayu banyak bergantung pada pengetahuan dan ingatan yang diwarisi daripada guru mereka secara turun-temurun. Kajian ini merumuskan bahawa perubatan tradisional Melayu masih mendapat tempat dalam masyarakat. Ilmu rawatan tradisional Melayu yang kini masih lagi dipraktikkan. Di samping itu, melalui kajian ini didapati perubatan tradisional sebenarnya adalah pelengkap kepada perubatan moden dan jauh sekali dalam mengambil alih fungsi perubatan moden.

Aspek Tatabahasa

- dalam – Pak Cik Ali tinggal di dalam sebuah rumah kecil di kampung.
- untuk – Saya belajar untuk mencapai cita-cita saya.
- pada – Kita akan bertemu pada hujung minggu ini.
- dengan – Dia pergi ke sekolah dengan kawan-kawannya.

SOALAN SEBENAR SPM

Pendahuluan

Walaupun ledakan teknologi dan komunikasi pada masa ini bergerak seiring dengan kemajuan negara, namun banyak generasi muda dilihat semakin cetek pengetahuan mereka terhadap sejarah tanah air. Malahan, mereka didapati kurang berminat untuk menghayati sejarah sekali gus mengabaikannya. Hal ini dikatakan demikian kerana kemudahan teknologi dan komunikasi tersebut tidak digunakan dengan sebaiknya bahkan situasi ini persis kera mendapat bunga. Walhal, semua maklumat berkaitan sejarah tanah air sangat mudah diperolehi di hujung jari namun sikap acuh tidak acuh mereka menyebabkan permasalahan ini semakin membimbangkan banyak pihak. Tambahan pula, wujud anasir negatif yang mempengaruhi mereka sehinggakan jati diri dan pegangan terhadap perjuangan nenek moyang terdahulu semakin luntur dan terus dilupakan.

Isi 1

Jika ditelusuri secara mendalam, isu ini memerlukan usaha daripada guru-guru supaya mata pelajaran Sejarah disampaikan dengan cara yang menarik dan efektif. Hal ini dikatakan demikian kerana banyak generasi sekarang berasa bosan akan kaedah tradisional yang disampaikan oleh guru menyebabkan mereka juga tidak dapat menghadam fakta yang disampaikan dalam sesi pengajaran tersebut. Guru-guru hendaklah mengamalkan konsep serampang dua mata. Selain menyampaikan objektif pembelajaran, mereka hendaklah menimbulkan minat murid terhadap aktiviti yang dijalankan di dalam kelas. Sebagai contoh, para pendidik bolehlah memainkan peranan sebagai penglipur lara dan menyediakan bahan bantu mengajar yang kreatif supaya murid-murid tidak mengantuk ketika di dalam kelas. Pendekatan itu juga diyakini menjadi senjata paling ampuh untuk menajamkan ingatan generasi muda terhadap fakta-fakta sejarah tanah air.

Isi 2

Seterusnya, ibu bapa juga dilihat memainkan peranan yang penting dalam memastikan objektif yang dibincangkan ini tercapai. Ibu bapa sebagai ejen utama untuk membawa anak-anak mengunjungi muzium-muzium yang mempamerkan pelbagai fakta mengenai sejarah tanah air. Pada masa yang sama, aktiviti ini boleh dijadikan sebagai program cuti sekolah berbanding hanya membiarkan anak-anak mereka melepak dan melayari Internet tanpa kawalan. Bukan sekadar itu, ibu bapa boleh menceritakan pengalaman sedia ada mereka kepada anak-anak ketika masa lapang kerana menerusi pengetahuan ibu bapa itu, anak-anak akan berbangga dengan ilmu yang dimiliki oleh orang tua mereka. Walau bagaimanapun, aktiviti itu tidak perlu dijadikan sebagai satu ruangan yang serius malah elemen humor boleh diterapkan agar pembelajaran secara tidak langsung itu berjalan dengan keadaan yang menyenangkan anak-anak. Sebagai contoh, ibu bapa mengajak anak-anak bermain teka-teki tentang nama-nama pejuang serta tarikh-tarikh penting yang berlaku di tanah air. Secara tidak langsung, kaedah ini dapat meningkatkan ilmu serta minat anak-anak terhadap sejarah negara.

Isi 3

Dari perspektif yang lain pula, media massa hendaklah sentiasa menggunakan kelebihan yang ada pada mereka untuk menyiarkan maklumat-maklumat berkaitan sejarah di kaca televisyen dan radio. Bukan itu sahaja, mereka boleh memuat naik poster dan video ringkas yang kreatif di media sosial seperti Facebook, Instagram dan Tiktok yang digunakan oleh generasi kini. Mereka juga boleh menjadikan pengaruh media sosial sebagai penyampai maklumat supaya fakta yang disampaikan lebih berbentuk santai. Selain itu, media massa bolehlah menganjurkan pelbagai pertandingan berkaitan sejarah negara dengan menawarkan hadiah yang lumayan. Dengan menjalin elemen yang

segar mengikut cita rasa generasi muda, kaedah ini diyakini mampu untuk memberikan pengetahuan serta menimbulkan minat pelapis negara daripada terus melupakan sejarah negara.

Kesimpulan

Ironinya, tidak dapat dinafikan bahawa banyak usaha yang boleh dilakukan oleh semua pihak bagi mengelakkan generasi muda daripada berterusan mempunyai ilmu yang cetek serta tidak meminati sejarah negara. Walau bagaimanapun, semua pihak perlulah berganding bahu ibarat berkuah sama menghirup, bersambal sama mencolek dalam memastikan generasi muda tidak menjadi seperti kacang melupakan kulit. Usaha ini perlu dipandang serius oleh semua pihak supaya sejarah negara tidak terus dilupakan kerana generasi mudalah yang bakal memimpin negara. Jangan pula nanti dek kerana melupakan sejarah, air yang diminum rasa duri, nasi dimakan rasa sekam akibat kedaulatan tanah air yang pernah diperjuangkan oleh nenek moyang terdahulu dirampas kembali oleh anasir luar yang tidak bertanggungjawab.



Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Lokasi Banjir	Daerah Beaufort
Pihak yang Memberikan Bantuan	Institut Kajian Pembangunan Sabah (IDS)
Bantuan yang Diberikan	Bantuan makanan sedia dimakan (RTE) atau <i>Hero-Meals</i>
Manfaat Bantuan Banjir	1 Memenuhi keperluan asas 2 Meringankan beban mangsa banjir dan keluarga mereka 3 Memastikan komuniti terjejas menerima sokongan sewajarnya 4 Memperkukuh daya tahan masyarakat terhadap bencana alam pada masa hadapan

Kemahiran Membaca

Ulasan: Pada hemat saya, kepentingan amalan yang mulia ini dapat mengelakkan perselisihan faham daripada berlaku dan menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya. Hanya dengan kata-kata, pertikaman lidah boleh berlaku yang membawa kepada perkara yang lebih buruk. Maka, amalan berbudi bahasa secara jelas dapat mengelakkan salah faham daripada berlaku kerana terdapat unsur toleransi antara satu sama lain dalam berkomunikasi. Selain itu, amalan berbudi bahasa sangat signifikan untuk melahirkan individu dan

masyarakat yang beretika tinggi. Sekiranya setiap individu berkomunikasi dengan baik dan difahami serta disenangi oleh orang lain, satu imej yang baik akan terpancar pada individu dan juga masyarakat. Orang akan berasa mesra untuk berkomunikasi dan percaya dengan apa-apa yang disampaikan kerana budi dan bahasa yang baik digunakan.

Kemahiran Menulis

Mawar merah di pohon ara,
Dipetik gadis dari kuala,
Salam sejahtera pembuka bicara,
Syarahan saya kini bermula.

Yang Dihormati Saudari Pengerusi Majlis, barisan hakim yang arif lagi bijaksana, penjaga masa yang setia dengan jam randiknya, guru-guru, dan rakan-rakan yang dikasihi sekalian. Selamat pagi dan salam sejahtera. Saya ingin memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Tuhan kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya tampil di hadapan hadirin sekalian pada pagi yang berbahagia ini untuk menyampaikan syarahan yang bertajuk “Ke Arah Melahirkan Murid yang Cemerlang”. Mari kita kupas tajuk syarahan ini dengan lebih terperinci.

Para hadirin yang dikasihi sekalian,

Umum mengetahui bahawa dunia sedang leka mengorak langkah dalam memacu pembangunan, lantaran terlalu dihidangkan dengan kemajuan sains dan teknologi, murid kini seharusnya telah mengalami anjakan paradigma dan maju mengikut perkembangan dunia. Murid yang sering mengejar kemodenan kehidupan perlu mempersiapkan diri dengan pelbagai ilmu agar dapat menyesuaikan diri dalam komuniti nanti. Ungkapan “Tuntutlah ilmu walau sampai ke negeri China” dan “Ilmu pelita hidup” sudah tidak asing lagi dengan kata-kata tersebut. Itulah antara dua kata-kata yang membuktikan bahawa ilmu sangat penting dalam hidup manusia. Pada era ini, jika seseorang itu tidak mempunyai ilmu, mereka akan ketinggalan dan mereka akan mengalami kesusahan dalam kehidupan. Untuk memperoleh serta mendalami ilmu, kita perlu berusaha dengan gigih kerana ilmu tidak datang sendiri seperti pepatah Melayu yang bulat tidak datang bergolek dan yang pipih tidak datang melayang. Negara membangun seperti Malaysia amat memerlukan tenaga pekerja yang berilmu untuk menjana ekonomi suatu hari nanti kerana pemuda harapan bangsa, pemuda tiang negara.

Hadirin sekalian,

Ayuh, kita telusuri maksud perkataan disiplin menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, disiplin ialah latihan pemikiran dan kelakuan supaya boleh mengawal diri sendiri dan patuh pada tata tertib. Jelas membuktikan bahawa masa itu amat penting dalam kehidupan. Pujangga Arab juga ada mengatakan “masa itu ibarat pedang, jika kamu tidak memotongnya, dia akan memotong kamu”. Justeru, disiplin haruslah disemai dalam diri setiap murid sejak kecil lagi.

Murid juga perlulah cakna dengan situasi bagi mewujudkan sesebuah negara yang bertamadun dan melahirkan masyarakat yang mampu mencorakkan masa depan negara yang baik, mereka perlu peka terhadap masa. Disiplin merupakan elemen penting dalam meraih kegemilangan dalam kehidupan dan memupuk jati diri yang ampuh dalam diri para murid. Oleh hal yang demikian, marilah kita satukan jiwa dan minda untuk memikirkan langkah realistik yang boleh diimplementasikan dalam membentuk murid yang berdisiplin.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam melahirkan masyarakat yang cemerlang, murid haruslah mempunyai personaliti yang mulia dari segi tingkah laku, keperibadian dan akhlak seseorang. Golongan murid yang mempunyai personaliti yang sebegini, mereka akan mudah didampingi dan berkomunikasi dengan semua pihak. Murid berwawasan juga tidak mudah terpengaruh dengan anasir yang tidak baik malah tidak akan terjebak dengan kemelut sosial yang mementingkan dunia hedonistik. Murid berwawasan dapat membezakan yang mana intan dan yang mana kaca. Bagi melahirkan murid yang berwawasan sudah tentulah berbekalkan semangat cinta akan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui kata-kata George Sabtaryana bahawa manusia yang melupai sejarah, pasti akan mengulanginya. Oleh itu, dengan sikap patriotisme yang ada dalam diri murid sudah pasti mereka tidak akan terpengaruh dengan sebarang bentuk penjajahan sama ada dari segi mental, intelektual, hiburan dan budaya. Lantaran berpaksikan kebenaran yang disampaikan, jelaslah bahawa murid yang cemerlang akan memastikan mereka mempunyai personaliti yang unggul.

Sidang dewan yang dimuliakan,

Sebelum saya mengundurkan diri, ingin saya tegaskan bahawa negara kita telah memberikan pendidikan yang lengkap untuk menyediakan generasi muda kepada dunia yang penuh dengan onak dan duri. Namun begitu, segala-galanya masih mempunyai ruang yang boleh diperbaiki. Memang tidak dapat dinafikan bahawa murid alaf 21 ini seharusnya murid yang mempunyai ilmu, berdisiplin, dan berwawasan agar murid pada hari ini dapat duduk sama rendah, berdiri sama tinggi dengan murid di negara-negara maju lain. Saya mengakhiri syarahan saya dengan cogan kata “Generasi Berilmu Penjana Kemajuan dan Kemakmuran Negara”. Sekian, terima kasih.

Aspek Tata Bahasa

Kata Bantu

- akan
- telah
- hendak

Kata Penguat

- amat
- sangat
- sungguh

1 Pendahuluan

- Atlet paralimpik ialah individu luar biasa yang membuktikan bahawa kecacatan bukan penghalang untuk berjaya dalam bidang sukan.
- Mereka bukan sahaja mencabar keupayaan fizikal dan mental sendiri, malah turut mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.
- Seiring dengan kemajuan dunia sukan moden, usaha melahirkan lebih ramai atlet paralimpik perlu diberi keutamaan agar golongan orang kurang upaya (OKU) tidak terus terpinggir dalam pembangunan negara.
- Oleh itu, pelbagai langkah proaktif perlu dilaksanakan oleh semua pihak untuk memastikan potensi golongan ini digilap sepenuhnya dalam bidang sukan.
- Persoalannya, apakah usaha-usaha untuk melahirkan ramai atlet paralimpik dalam kalangan masyarakat?

Isi 1

- Antara usaha utama adalah pihak kerajaan perlu menyediakan kemudahan sukan yang mesra orang kurang upaya (OKU) di sekolah, pusat komuniti dan institusi sukan.
- Kemudahan seperti trek khas, kolam renang dengan akses mudah, serta peralatan latihan yang sesuai dapat memberi peluang kepada mereka untuk berlatih dengan selamat dan efektif.
- Sebagai contoh, Majlis Paralimpik Malaysia bekerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk membina Pusat Kecemerlangan Sukan Paralimpik Negara di Kampung Pandan yang lengkap dengan fasiliti mesra OKU.
- Kesan daripada usaha ini, lebih ramai individu OKU berani melibatkan diri dalam aktiviti sukan secara aktif. Malahan, mereka dapat melatih diri menjadi atlet yang kompetitif sejak usia muda.
- Justeru, penyediaan kemudahan sukan yang inklusif merupakan asas utama dalam mencungkil bakat atlet paralimpik.

Isi 2

- Sokongan moral dan emosi daripada keluarga serta masyarakat turut memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri atlet paralimpik.
- Kata-kata dorongan, kehadiran semasa pertandingan dan sokongan psikologi amat membantu mereka menghadapi cabaran fizikal dan mental.
- Contohnya, kejayaan atlet paralimpik negara seperti Muhammad Ziyad Zolkefli dan Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi banyak didorong oleh sokongan moral daripada ahli keluarga dan komuniti setempat.

- Kesan daripada sokongan ini, atlet berasa lebih yakin dan tidak mudah berputus asa walaupun berdepan dengan kecacatan atau kekurangan.
- Sokongan berterusan ini akan menjadikan mereka lebih tabah, berdikari dan berdedikasi.
- Jelaslah bahawa kekuatan dalaman dan emosi seorang atlet banyak bergantung kepada sistem sokongan yang kukuh di sekeliling mereka terutamanya ibu bapa.

Isi 3

- Usaha penting seterusnya ialah pihak kerajaan melalui Kementerian Belia dan Sukan perlu menyediakan insentif dan penghargaan setimpal kepada atlet paralimpik sebagai tanda pengiktirafan terhadap usaha dan pencapaian mereka.
- Insentif seperti elaun bulanan, ganjaran kemenangan dan peluang pekerjaan selepas persaraan dapat meningkatkan motivasi mereka untuk terus berjuang.
- Sebagai contoh, kerajaan Malaysia memberikan imbuhan sama rata kepada atlet paralimpik dan olimpik yang memenangi pingat dalam temasya sukan antarabangsa.
- Kesan daripada langkah ini, atlet berasa dihargai dan lebih bersemangat untuk mengharumkan nama negara. Malahan, persepsi masyarakat terhadap kemampuan atlet paralimpik juga akan berubah secara positif.
- Jelaslah, penghargaan yang sewajarnya mampu mencetuskan lonjakan semangat kepada atlet paralimpik yang bakal dilahirkan.

Kesimpulan

- Sebagai intihanya, usaha melahirkan lebih ramai atlet paralimpik memerlukan komitmen menyeluruh daripada semua pihak seperti kerajaan, institusi pendidikan, keluarga dan masyarakat.
- Jika usaha-usaha ini dilaksanakan dengan konsisten dan penuh keikhlasan, Malaysia bukan sahaja mampu melahirkan lebih ramai atlet paralimpik yang cemerlang, malah akan menjadi negara contoh dalam memperjuangkan kesamarataan dalam sukan seperti kata pepatah, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.
- Usaha yang gigih ini sudah pastinya akan membuahkan kejayaan pada masa hadapan.

2 Pendahuluan

- Banjir merupakan bencana alam yang sering melanda negara kita, Malaysia, terutamanya pada musim monsun
- Kejadian banjir boleh menyebabkan kerosakan harta benda, kehilangan nyawa, dan menjejaskan kehidupan seharian mangsa
- Akhbar Sinar Harian telah melaporkan pada penghujung tahun 2021, menyaksikan negara

dikejutkan dengan bencana banjir besar yang melanda negeri Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan melibatkan berbelas-belas ribu penduduk menjadi mangsa banjir

- Oleh itu, menyedari naluri kemanusiaan adalah penting untuk kita mengenal pasti bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir

Isi 1

- Sebagai cetusan minda yang pertama, antara bantuan yang paling penting kepada mangsa banjir ialah bantuan makanan dan minuman yang bersih
- Semasa bencana banjir, akses kepada makanan dan air bersih sering kali terjejas
- Hal ini akan menjejaskan kesihatan mangsa sekiranya tidak mendapat sumber makanan dan air bersih semasa berada di pusat pemindahan sementara
- Menyedari hakikat ini, pelbagai Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan sukarelawan boleh menyusun program pengagihan makanan dan air bersih yang mencukupi kepada mangsa banjir
- Impaknya, keselamatan dan kesihatan mereka akan terjamin lantas dapat mengelakkan diri daripada kes keracunan makanan yang membawa padah
- Sudah terang lagi bersuluh bantuan makanan dan air bersih perlu diutamakan kepada mangsa-mangsa banjir ini

Isi 2

- Sebagai idea yang bernas kedua, bantuan dalam bentuk pakaian terpakai antara keperluan segera yang diperlukan oleh mangsa banjir
- Hal ini dikatakan demikian kerana ramai keluarga yang kehilangan pakaian mereka akibat dibawa arus air yang deras ketika meninggalkan kediaman ke pusat pemindahan
- Misalnya, individu yang ingin memberikan sumbangan pakaian dewasa ataupun kanak-kanak, pastikan pakaian tersebut berada dalam keadaan baik, bersih dan masih sesuai untuk dipakai
- Pakaian terpakai yang telah dikumpulkan boleh disalurkan melalui badan bukan kerajaan atau organisasi tempatan seperti Mercy Malaysia dan Persatuan Bulan Sabit Merah yang sering terlibat dalam misi bantuan kemanusiaan untuk diagihkan kepada mangsa banjir
- Kesannya, kita dapat mewujudkan rasa kebersamaan dan nilai murni seperti kasih sayang serta keprihatinan dalam hidup bermasyarakat
- Jelaslah bahawa bantuan pakaian terpakai adalah salah satu bentuk sumbangan yang sangat bermakna kepada mangsa banjir

Isi 3

- Selain itu, bantuan pembersihan dan pemulihan setelah banjir surut turut boleh dilakukan kepada mangsa banjir
- Setelah banjir surut, mangsa perlu membersihkan rumah dan kawasan sekitar mereka daripada lumpur dan sisa-sisa banjir
- Sebagai contoh, kita boleh menyumbang tenaga sebagai sukarelawan untuk membersihkan kawasan rumah dan menyediakan kemudahan pembersihan seperti penyodok, paip air, penyapu, sabun dan detergen adalah sangat berguna
- Bukan itu sahaja, bantuan pemulihan jangka panjang seperti pembinaan semula rumah yang rosak perlu dirancang sebaiknya secara bersama
- Impaknya, mangsa dapat meneruskan semula hidup dalam keadaan yang lebih baik setelah kehilangan tempat tinggal yang menjadi keselamatan keluarga
- Oleh itu, terbukti bahawa bantuan pembersihan dan pemulihan setelah banjir surut sangat bermakna kepada mangsa banjir

Kesimpulan

- Bentuk-bentuk bantuan yang boleh disalurkan kepada mangsa banjir di Malaysia adalah dengan melibatkan kerjasama antara kerajaan, NGO, dan masyarakat setempat
- Dengan adanya bantuan yang tepat pada masanya dan efektif, kita dapat memastikan mangsa banjir berasa disokong dan dapat bangkit semula selepas bencana
- Sebagai rakyat Malaysia, kita harus bersatu dan saling membantu, terutama pada waktu-waktu sukar seperti ini
- Sekiranya kita hanya bersikap melepaskan batok di tangga, sudah tentu nilai kemanusiaan akan pudar dalam diri
- Harapan utama dalam usaha membantu ini menjadi titik permulaan dalam mengekalkan keharmonian dan dipandang tinggi oleh sebab sikap masyarakat yang membudayakan amalan tolong-menolong

3 Pendahuluan

- Sejak merdeka – 31 Ogos 1957, penduduk Malaysia yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum hidup bagai aur dengan tebing
- Merupakan sebahagian sejarah dan warisan negara kita
- Walaupun menyedari hakikat bahawa rambut sama hitam, hati lain-lain, namun masyarakat yang berbilang kaum ini hidup dengan aman dan damai
- Semua pihak – perlu memegang pada kekuatan jata negara, yakni “Bersekutu Bertambah Mutu” – berperanan penting menjadikan Malaysia tempat yang harmoni untuk hidup, belajar, bekerja dan bermain bersama

- Mengenal pasti dan mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengeratkan perpaduan kaum

Isi 1

- Pelbagai pihak bertanggungjawab dalam mempraktikkan amalan hidup bersatu padu – melalui aktiviti kemasyarakatan
- Melibatkan semua peringkat – umur, pelbagai kaum
- Dapat mengeratkan hubungan, saling mengenali persis mutiara kata belayar sambil memapan
- Contohnya – memperbanyak aktiviti gotong-royong di taman-taman perumahan
- Langkah paling berkesan untuk memupuk perpaduan kaum
- Keluar untuk bekerja bersama-sama membersihkan taman-taman perumahan sambil berinteraksi kerana tak kenal maka tak cinta
- Mantan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Yaakob menyatakan keluarga Malaysia perlu terus kekal bersatu padu dan mempertahankan keharmonian dalam semua aspek – perpaduan merupakan rencah paling penting untuk kestabilan negara
- Melalui aktiviti kemasyarakatan – dapat mengamalkan prinsip berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Dapat menikmati pembangunan nusa tercinta ini bersama-sama

Isi 2

- Membudayakan amalan kunjung-mengunjung ke rumah rakan-rakan yang berlainan kaum
- Kebudayaan antara kaum dapat difahami dengan lebih mendalam sekali gus dapat menjana tahap kefahaman dan membina masyarakat yang saling menghormati
- Contohnya – pada musim-musim perayaan kerana rakyat negara ini gemar mengadakan majlis rumah terbuka
- Amalan rumah terbuka ini membuka ruang kepada rakyat berbilang kaum saling berkenalan dan beramah mesra di samping menikmati makanan tradisional kaum masing-masing
- Sikap buang yang keruh, ambil yang jernih ternyata mampu menjalin hubungan semangat perpaduan yang tersedia utuh

Isi 3

- Mewujudkan satu jenis kurikulum dan satu jenis sekolah kebangsaan – belajar di bawah satu bumbung
- Menghimpun kanak-kanak dan remaja tanpa mengira latar belakang mereka dan memberikan pendidikan yang terbaik
- Akan berinteraksi dan bergaul sesama mereka dan melahirkan kesefahaman serta kekitaan dalam menghadapi persekolahan
- Contohnya – sekolah vernakular – diubah menjadi sekolah nasional – penyatuan ini bukan tidak akan

menjejaskan perpaduan malah menggalakkan interaksi positif dalam kalangan pelajar pelbagai kaum

- Pelaksanaan kurikulum yang sama – mengelakkan jurang pendidikan antara mereka
- Tegasnya, dengan menyatukan institusi pendidikan di bawah satu sistem sahaja semangat perpaduan antara kaum dapat dilahirkan persis kata peribahasa, melentur buluh biarlah dari rebungnya

Isi 4

- Boleh dipupuk dengan memperkasa aktiviti sukan dan rekreasi dalam komuniti
- Selain manfaat kesihatan, aktiviti sukan dan rekreasi juga mampu melahirkan sifat bekerjasama dan toleransi antara satu sama lain
- Penting bagi kita untuk saling memahami budaya dan adat resam yang diamalkan oleh setiap kaum dan bangsa di Malaysia
- Contohnya, pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) boleh menjalankan aktiviti sukan dan rekreasi setempat – yang mudah untuk disertai dan boleh dilakukan pada setiap hari tanpa mengira waktu dan lapisan umur masyarakat
- Pihak NGO, pihak berkuasa tempatan dan kerajaan hendaklah berganding bahu bagi aur dengan tebing dalam menyediakan dan menyelenggara infrastruktur rekreasi dan sukan untuk masyarakat umum
- Intihannya, – menyertai aktiviti sukan dan rekreasi, masyarakat bukan sahaja dapat bersatu padu malah menjadi lebih sihat dan cergas

Kesimpulan

- Sudah terang lagi bersuluh – negara kita dapat berkembang maju dengan lebih pesat
- Jika rakyat Malaysia mengaplikasikan mesej dalam peribahasa ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni dalam kehidupan seharian – dijadikan realiti, bukannya fantasi
- Seperti lirik lagu yang dipopularkan oleh penyanyi Adibah Noor, ikan di laut, asam di darat, dalam periuk, bikin muafakat
- Kita sebenarnya mempunyai banyak perbezaan tetapi jika disatukan dalam prinsip dan nilai kemanusiaan yang baik, pastinya perpaduan dapat dilahirkan dan dikekalkan
- Perlu minda yang terbuka dan luas pengetahuan untuk menerima dan menghormati kaum atau bangsa lain serta hidup dengan aman dan harmoni di bawah Jalur Gemilang
- Semoga – dapat direalisasikan dan menjadi tunjang kemajuan negara untuk duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara maju yang lain

4. Bagaimana dengan tebing

- Bulat air kerana pembetung, bulat manusia kerana muafakat
- Ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni
- Hati gajah sama dilapah, hati kuman sama dicecah
- Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing
- Seliang bagai tebu, serumpun bagai serai

Usaha tangga kejayaan

- Genggam bara api biar sampai jadi arang
- Alang-alang mandi biar basah
- Alang-alang menyeluk pekasam biar sampai ke pangkal lengan

Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya

- Sebab pulut santan binasa, sebab mulut badan binasa

Tema 10 BAHASA BUGAR, SASTERA KEKAR

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Berikan maksud rangkai kata memberikan dana.	Rangkai kata memberikan dana bermaksud menyerahkan wang.
Nyatakan matlamat kerajaan dalam memperkasa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah.	Matlamat kerajaan dalam memperkasa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu di sekolah-sekolah ialah: – melengkapkan murid-murid dengan ilmu sastera – menjana minda, rohani dan emosi, mengukuhkan jati diri, menyuburkan budaya bangsa dan memupuk sikap berdaya saing ke arah pembinaan insan bestari

Kemahiran Membaca

Bil.	Perkataan	Maksud
1	Hakikat	Sesuatu yang tidak dapat ditiadakan atau dinafikan
2	Menjengkelkan	Berasa jengkel tentang sesuatu hal, mengesalkan hati
3	Memuahkan	Menjadikan (menyebabkan) mual, memuakkan
4	Kejanggalan	Perihal janggal atau kecanggungan
5	Fasa	Peringkat atau tahap dalam rangkaian sesuatu perkembangan
6	Menyulam	Mengganti tanaman yang mati dengan yang baru, menyilih
7	Serasi	Secocok, sesuai, sepadan

8	Sandiwara	Pertunjukan cerita yang dilakukan oleh orang
9	Menerawang	Termenung-menung memikirkan sesuatu
10	Kerengsaan	Rasa lemah badan (tidak bertenaga), kelesuan

Kemahiran Menulis

Pendahuluan

Rumusan membincangkan manfaat/faedah/kepentingan/kelebihan/kebaikan membaca karya sastera dan langkah/usaha/cara menggalakkan golongan muda membaca karya sastera.

Isi 1

Bahan 1 – Manfaat/faedah/kepentingan/kelebihan/kebaikan membaca karya sastera

- peranan utama sastera ialah membina insaniah dalam kehidupan manusia
- kita akan memperoleh pelbagai pengajaran yang berguna.
- rasa kasih dan cinta akan bahasa ibunda kita juga dapat dipupuk
- pembacaan karya sastera juga akan dapat melahirkan generasi yang bersemangat dan berani
- pembacaan karya sastera akan dapat memperluas perbendaharaan kata terutamanya pelajar sekolah
- dengan pembacaan karya-karya sastera, pembaca akan dapat mengenali bakat-bakat penulis negara sekali gus mendorong pembaca untuk turut sama menulis

Isi 2

Bahan 1 – Langkah/usaha/cara menggalakkan golongan muda membaca karya sastera

- memperluas perpustakaan di sekolah dan memperbanyak buku tentang karya sastera di perpustakaan sekolah
- guru mata pelajaran Bahasa Melayu boleh menerapkan minat membaca karya sastera semasa pembelajaran dan pengajaran di dalam bilik darjah

Isi 3

Bahan 2 – Langkah/usaha/cara menggalakkan golongan muda membaca karya sastera

- pihak kerajaan mengetengahkan kembali hasil komponen sastera (KOMSAS) dalam sukatan mata pelajaran Bahasa Melayu
- pihak sekolah mengadakan Minggu Kesusasteraan dan Kebudayaan
- ibu bapa mengadakan perpustakaan mini dan membelikan bahan bacaan sastera untuk anak-anak

Isi 4

Bahan 3 – Manfaat/faedah/kepentingan/kelebihan/kebaikan membaca karya sastra

- dapat menyemai nilai positif
- mampu mengasah kemahiran bahasa

Kesimpulan

Kesimpulannya, bidang kesusasteraan perlu diangkat martabatnya semula agar tidak lupuk ditelan zaman

Aspek Tatabahasa

- bukan sahaja ... tetapi – Dia bukan sahaja seorang pelajar yang cemerlang, tetapi juga seorang atlet yang berbakat.
- dan – Ai Ling suka membaca buku dan menulis cerita.
- yang – Amir ialah seorang pelajar yang rajin dan sentiasa memperoleh keputusan cemerlang.
- serta – Penggunaan teknologi dalam pembelajaran dapat meningkatkan pemahaman pelajar serta menjadikan proses belajar lebih menarik.

SOALAN SEBENAR SPM

- Sudah menjadi sebahagian daripada forum komunikasi dalam kalangan masyarakat, rangkaian media sosial seperti Facebook, Instagram dan Twitter.
– Perlu berhati-hati ketika menulis isu berkaitan pekerjaan dalam media sosial mereka.
– Seharusnya bertanggungjawab untuk menulis isu yang positif sahaja, semua pekerja yang menggunakan media sosial.
- Sementara itu Kertala Sari sudah pulang dari Daha, dia telah memperoleh banyak harta berupa emas dan perak serta pakaian dan wang bernilai puluhan juta hasil daripada aktiviti pencuriannya. Kemudian Kertala Sari pulang ke rumahnya, dia bertanya kepada ibunya, “Hai ibuku, ke manakah pergi bapaku kerana tidak kelihatan dari tadi?”
- Pola Ayat: FN + FK
FN: 140 buah universiti daripada 50 buah negara di dunia
FK: menawarkan pengajian Bahasa Melayu
– Pola Ayat: FN + FA
FN: Penerimaan pelajar luar negara terhadap bahasa Melayu
FA: begitu positif
– Pola Ayat: FN + FN
FN: Sesiapa yang tidak tahu berbahasa Melayu
FN: ialah individu yang tidak terpelajar

4 Pendahuluan

- Membincangkan langkah-langkah/usaha-usaha/

cara-cara dan halangan/masalah/kekangan/cabaran yang dihadapi untuk memartabatkan bahasa kebangsaan/bahasa Melayu

Isi

- Pelbagai pihak perlu mengadakan aktiviti bahasa Melayu
- Para penulis hendaklah menghasilkan karya yang menjurus ke arah penggunaan bahasa kebangsaan yang gramatis
- Pihak Berkuasa Tempatan menguatkuasakan penggunaan bahasa Melayu yang betul pada papan iklan
- Melancarkan Bulan Bahasa Kebangsaan
- Menghargai jasa tokoh Bahasa
- Segelintir rakyat Malaysia yang malu untuk bertutur dalam bahasa Melayu
- Masih terdapat anggota masyarakat yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu
- Terdapat banyak kesalahan bahasa pada papan iklan

Kesimpulan

- Kesimpulannya, bahasa kebangsaan/bahasa Melayu hendaklah dimartabatkan supaya/agar kedudukannya terus terjamin/kukuh/terpelihara

Tema 11

EKONOMI DINAMIK, NEGARA BERWIBAWA

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Kekuatan		Kelemahan	
1	Bahasa yang digunakan sangat jelas	1	Tidak semua pembaca sajak ini memahami setiap kata atau diksi yang digunakan
2	Maksud setiap bait sajak ini mudah difahami	2	Maksud sajak kurang membangkitkan kesedaran kepada pembaca untuk mencapai impian
3	Penggunaan diksi dan kosa kata yang mudah difahami		
4	Sajak ini mampu membangkitkan kesedaran kepada pembaca		

Kemahiran Membaca

Maklumat Tersurat

- Pasaran perniagaannya adalah lebih meluas di seantero dunia dan boleh dilakukan pada bila-bila masa sahaja.
- Kaedah pembayaran adalah dalam bentuk secara dalam talian ternyata amat murah dan mudah dibandingkan dengan kaedah pembayaran yang dibuat secara konvensional justeru mengurangkan keperluan kepada pengaliran wang tunai.

- 3 Aplikasi perniagaan secara atas talian menawarkan variasi produk yang boleh dilihat dengan mudah oleh pengguna.

Maklumat Tersirat

- 1 Capaian Internet yang tiada terhad telah menjadikan proses globalisasi masyarakat dunia menjadi semakin pantas. Kesannya, e-perdagangan telah menjadi penyumbang utama dalam industri perniagaan dunia secara amnya. Usahawan tempatan perlu menaikkan tahap perniagaan mereka supaya sejajar dengan barisan usahawan di seluruh dunia bagi memecah pasaran global.
- 2 Pengurusan perniagaan secara dalam talian juga adalah lebih selamat dan mudah untuk diuruskan. Segala maklumat dan urusan jual beli yang berlaku direkod dan boleh disemak semula bagi tujuan audit dan sebagainya.
- 3 Pelbagai aplikasi perniagaan atas talian yang telah dilancarkan kepada pengguna dalam negara. Setiap aplikasi menawarkan pelbagai jenis produk di samping promosi yang berbeza bagi menarik pengguna. Justeru, sebagai pengguna yang bijak, perbandingan harga dapat diaplikasikan hanya dengan menggunakan hujung jari.

Kemahiran Menulis

Pendahuluan

Rumusan membincangkan punca/faktor/sebab berlaku kenaikan harga barang, langkah/usaha/cara mengatasi kenaikan harga barang dan kesan kenaikan harga barang.

Isi 1

Bahan 1 – Punca/faktor/sebab berlaku kenaikan harga barang

- adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak
- bencana alam juga mencetuskan kenaikan harga barang
- kenaikan mata wang asing berbanding dengan mata wang Malaysia telah menyumbang kepada gejala ini
- ada peniaga yang bersikap tamak haloba dengan meningkatkan harga barang
- permintaan pasaran lebih tinggi daripada bekalan akan tercetusnya kenaikan harga barangan

Isi 2

Bahan 1 – Langkah/usaha/cara mengatasi kenaikan harga barang

- pihak kerajaan perlu menjalankan kempen jimat cermat dalam kalangan pengguna
- pengguna digalakkan untuk menanam sayur-sayuran
- rakyat Malaysia juga seharusnya memiliki kesedaran tentang ilmu kepenggunaan yang tinggi

Isi 3

Bahan 2 – Langkah/usaha/cara mengatasi kenaikan harga barang

- membuat laporan kepada pihak KPDNHEP melalui WhatsApp

Isi 4

Bahan 3 – Kesan kenaikan harga barang

- golongan berpendapatan rendah terhimpit
- kuasa beli berkurangan
- kos keperluan asas meningkat menyebabkan mereka tidak mampu membelinya

Kesimpulan

Kesimpulannya, isu kenaikan harga barang perlu ditangani oleh semua pihak agar ekonomi negara terus maju

Aspek Tatabahasa

- **Frasa Nama:** Tahap kualiti dan kemudahan untuk kegiatan kesenian juga sering dikaitkan dengan taraf hidup sesuatu bangsa...
- **Frasa Kerja:** Berdepan pula dengan medium persembahan yang terhad dan keterbatasan tuntutan penjarakan sosial pada ketika ini...
- **Frasa Adjektif:** Lebih merisaukan apabila kita juga telah kehilangan ramai pakar seni...
- **Frasa Sendi Nama:** Namun pada ketika ini, relevannya seni budaya tradisi terutama di Malaysia dalam membantu mewujudkan sesebuah masyarakat yang mempunyai keutuhan jati diri...

SOALAN SEBENAR SPM

1 Pendahuluan

Amalan menabung merupakan aktiviti menyimpan wang ke dalam tabung – Sikap mulia ini boleh dilakukan secara fizikal atau perbankan Internet – Setiap peranan termasuklah individu, ibu bapa dan pihak sekolah perlu menyemai amalan mulia ini dalam kalangan masyarakat – Banyak faedah yang boleh diperoleh daripadanya kerana sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit

Isi 1

- Simpanan untuk dana kecemasan
- Malang tidak berbau. Setiap orang berisiko menghadapi keadaan yang tidak terduga
- Sebagai contoh, wang boleh digunakan untuk kos membaiki kereta, menampung kehidupan semasa seseorang kehilangan kerja secara tiba-tiba atau kos perubatan yang tinggi
- Jelaslah bahawa amalan menabung dapat menjadi simpanan untuk dana kecemasan
- Sudah terhantuk baru tengadah

Isi 2

- Menabung dapat menjamin masa depan
- Yang bulat tidak datang bergolek, yang pipih tidak datang melayang
- Setiap daripada generasi muda perlulah bersedia dari

segi kewangan untuk menyambung pelajaran di menara gading

- Simpanan boleh digunakan untuk membiayai pengajian dan menampung kos di bandar tanpa menyusahkan ibu bapa
- Sesuai dengan slogan tabungan pendidikan, tabungan masa depan

Kesimpulan

- Amalan menabung mempunyai pelbagai kebaikan kepada diri masyarakat
- Didikan terhadap kanak-kanak mestilah bermula dari usia muda – Melentur buluh biarlah dari rebungnya – Amalan ini dapat membentuk disiplin aset negara masa depan
- Berbelanjalah mengikut kesesuaian persis peribahasa ukur baju di badan sendiri

2

Bil.	Salah	Betul
1	daripada	kepada
2	mengambil	mengelola
3	dalam	di dalam
4	belah	sebelah
5	tengahari	tengah hari
6	menyertakan	disertakan
7	deraf	draf
8	para pemohon-pemohon	para pemohon/ pemohon-pemohon
9	lain-lain dokumen	dokumen-dokumen lain
10	bagi untuk	bagi/untuk
11	seperti berikut	seperti yang berikut
12	mukhtamat	mukhtamad

- 3
- Indah khabar dari rupa
 - Maksud: Perkhhabaran tentang sesuatu perkara yang dilebih-lebihkan.
 - Alah membeli menang memakai
 - Maksud: Sesuatu barang yang dibeli dengan harga yang agak mahal tetapi berkualiti dan mampu bertahan lama.
 - Ukur baju di badan sendiri
 - Maksud: Berbelanja mengikut kemampuan diri.

Tema 12 ASLI DAN KONTEMPORARI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Cara Penyelesaian

- 1 Untuk memajukan industri batik dalam jangka panjang, kerajaan dengan kerjasama Institusi Pengajian Tinggi (IPT) boleh menawarkan kursus mengenai industri batik di IPT. Penawaran kursus mengenai batik secara formal dapat menggalakkan generasi muda terlibat dalam industri batik ini. Penglibatan golongan muda dalam industri batik akan meneruskan penggunaan batik pada masa depan.
- 2 Kerajaan seharusnya membantu pengusaha batik meneroka pasaran baru. Pasaran batik yang meluas akan mempopularkan lagi pemakaian batik. Bagi meluaskan pasaran batik, kerajaan menggalakkan pengusaha batik membuka cawangan perniagaan mereka di luar negara. Kerajaan juga boleh membantu menganjurkan pameran industri batik kita di luar negara.
- 3 Kerajaan boleh memberi pinjaman kewangan dengan kadar faedah yang rendah kepada syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri batik. Kerajaan juga hendaklah membina kilang-kilang industri kecil dan sederhana (IKS) di kawasan desa dan luar bandar untuk mengusahakan batik. Kerajaan juga boleh membantu dalam pemasaran batik di samping menurunkan kadar cukai eksport untuk batik.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

Bacaan pidato murid

Praktis 2

- 1 Rangkaian kata mengalami masalah bermaksud merasai/ menempuh/ sesuatu yang memerlukan penyelesaian.
- 2 Merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, usaha-usaha kerajaan mengekalkan warisan budaya di Malaysia ialah:
 - pihak kerajaan perlu melakukan tindakan dengan sebaik-baiknya untuk memberikan perlindungan terhadap warisan budaya yang bernilai
 - pihak kerajaan perlu memberi tumpuan terhadap bencana alam dan binatang yang boleh menjejaskan dan merosakkan warisan budaya
 - perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) sektor ini telah menyahut cabaran dengan mendigitalkan perkhidmatan fizikal mereka dan kekal berhubung dengan para pengguna melalui platform digital
- 3 Pada pendapat saya, kepentingan-kepentingan mengekalkan warisan seni dan budaya bangsa ialah:
 - memperkenalkan dan mewariskan budaya kepada generasi akan datang

- memelihara dan memulihkan warisan negara
 - memperkenalkan seni yang hampir pupus kepada generasi muda
 - menjaga ekonomi negara
 - membentuk jati diri bangsa Malaysia
- 4 Sebagai ketua Kelab Kesenian dan Kebudayaan tersebut, usaha-usaha yang boleh saya lakukan untuk mengajak lebih ramai murid menyertai kelab ini ialah:
- melakukan promosi dari semasa ke semasa tentang aktiviti yang dijalankan oleh kelab
 - bertanya kepada guru penasihat tentang perkara yang akan dilakukan untuk menarik minat murid menyertai kelab
 - meminta bantuan daripada pihak pentadbir sekolah melancarkan aktiviti kelab dengan banyak
 - menyediakan risalah/poster tentang aktiviti kelab untuk disebarluaskan kepada murid
 - membuat iklan kemasukan dan kepentingan menyertai kelab
 - mengadakan aktiviti yang menarik dengan menawarkan hadiah yang lumayan

Kemahiran Menulis

Daripada: Salman2006@yahoo.com

Kepada: Nutty@gmail.com

Subjek: Kepentingan Permainan Tradisional

Menemui sahabatku Nutty,

Apa khabar saudari Nutty? Saya berharap saudari berada dalam keadaan yang sihat. Saya di sini baik-baik sahaja. Sebenarnya saya berasa amat seronok apabila menerima e-mel daripada saudari. Di sini saya akan nyatakan sedikit banyak berkaitan kepentingan permainan tradisional kepada masyarakat.

Umum mengetahui bahawa kepentingan permainan tradisional adalah sebagai warisan budaya Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana permainan tradisional melambangkan adat, budaya dan identiti sesuatu bangsa. Permainan tradisional ini dimainkan secara turun-temurun oleh masyarakat terdahulu. Sebagai contoh permainan gasing, wau, congkak, dan sebagainya. Permainan congkak dipercayai berasal dari Afrika atau Arab dan berkembang ke Melaka melalui pusat perdagangan. Tuntasnya, permainan tradisional merupakan warisan leluhur yang perlu dilestarikan untuk generasi yang akan datang agar tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

Permainan tradisional dijadikan sebagai hiburan untuk mengisi masa lapang. Hal ini kerana kita bermain permainan tradisional pada waktu petang. Jadi, kita dapat berhibur selepas waktu persekolahan dengan bermain permainan ini justeru dapat mengurangkan stres dan menyihatkan tubuh badan. Dengan memiliki tubuh badan yang sihat, seseorang dapat melaksanakan aktiviti

sehari dengan baik dan berkesan. Contohnya, permainan gasing, ting-ting dan galah panjang serta layang-layang. Berdasarkan prakarsa yang dinyatakan ini jelaslah bahawa permainan tradisional mampu mengisi masa lapang dengan perkara yang berfaedah.

Sudah terang lagi bersuluh, terdapat banyak cara untuk mempopularkan semula permainan tradisional dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Khazanah yang kita warisi daripada nenek dan moyang kita ini seharusnya dipelihara dengan penuh komited agar tidak dilupakan dan menjadi suatu yang asing bagi generasi akan datang.

Yang benar.

Salman

Aspek Tatabahasa

- FN+FN: Mengikut takrifan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) kesihatan adalah merangkumi kesihatan secara fizikal, mental dan sosial.
- FN+FK: Kita perlu memahami konsep kesihatan mental terlebih dahulu.
- FN+FA: Terdapat perbezaan yang besar

SOALAN SEBENAR SPM

Pendahuluan

Peredaran zaman bukan sahaja memberikan implikasi positif terhadap kemajuan teknologi di negara kita tetapi tempasnya turut dialami oleh perkembangan muzik termasuklah dendangan lagu rakyat. Jika dahulu, lagu rakyat sering menjadi halwa telinga sama ada dalam majlis keramaian, ibu mendodoikan anak mahupun hiburan di corong-corong radio. Kemunculan pelbagai genre muzik baharu yang mendapat sentuhan daripada budaya Barat seolah-olah menyebabkan lagu-lagu tradisi itu semakin lapuk ditelan zaman. Meskipun begitu, fenomena ini tidak seharusnya dipandang sepi sebaliknya pelbagai pihak perlulah menggembleng tenaga bagi memastikan kemasyhuran yang terus dinikmati oleh generasi muda.

Isi 1

Sejajar dengan perkara di atas, pihak kerajaan perlulah menganjurkan kempen pelestarian lagu rakyat dengan melibatkan kerjasama daripada Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya, Kementerian Pengajian Tinggi serta Kementerian Pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana kempen yang melibatkan generasi muda termasuklah mahasiswa universiti awam dan Institut Pengajian Tinggi Swasta serta murid sekolah dapat memberikan pendedahan kepada mereka tentang keunikan lagu rakyat yang merupakan khazanah bernilai kepada negara kita. Sebagai tamsilannya, pihak kerajaan perlulah lebih kerap menganjurkan pertandingan muzikal, persembahan budaya dan tontonan secara percuma di institusi-institusi pendidikan. Usaha berkenaan sudah pasti

mampu menyebabkan pelapis negara sentiasa menanamkan rasa sayang akan lagu rakyat kerana jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Jelaslah bahawa, kempen yang dinyatakan tersebut boleh menjadi antara solusi terbaik dalam mempopularkan semula lagu rakyat.

Isi 2

Dari perspektif yang lain pula, ibu bapa hendaklah memegang mandat yang sama untuk mengajak anak-anak mereka ke konsert lagu rakyat yang dianjurkan oleh pihak kerajaan ataupun badan bukan kerajaan. Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan ejen yang paling ampuh untuk memastikan minat anak-anak mereka disemai sejak kecil seperti kata peribahasa Melayu, melentur buluh biarlah dari rebungunya. Aktiviti penuh berfaedah ini juga boleh menjadi antara program cuti sekolah anak-anak berbanding hanya membiarkan mereka melepak dengan rakan-rakan sebaya dan melayari Internet tanpa batasan. Sebagai contoh, ibu bapa boleh mengajak anak-anak berkunjung ke konsert atau pementasan teater yang dipentaskan di Istana Budaya, Kuala Lumpur supaya mereka sedar tentang estetika lagu rakyat. Secara tidak langsung, anak-anak akan mendengar sekali gus menghayati bait-bait lirik yang didendangkan menerusi lagu rakyat.

Isi 3

Jika ditelusuri secara mendalam akan isu ini, media massa juga perlulah lebih kerap memutarakan lagu-lagu rakyat di kaca televisyen ataupun radio. Selain itu, penggiat-penggiat seni hendaklah memastikan genre irama Malaysia ini terus segar dan tak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas. Mereka perlu berusaha untuk mencipta lagu-lagu rakyat baharu dengan elemen yang lebih segar dan bersesuaian dengan kehendak pasaran muzik terkini. Usaha dibiarkan generasi muda terus hanyut dengan genre muzik yang berentak keras sehingga melenyapkan tujuan asal muzik itu, iaitu mendidik dan menasihati pendengar menerusi alunan melodi dan liriknya. Sebagai contoh, usaha yang dilakukan oleh legenda muzik tanah air, iaitu Datuk Zainal Abidin yang memberikan nafas baharu kepada lagu Oh Bulan, Suriram serta lagu Manis dan Orak Arek dalam sebuah konsert Lagu Rakyat di Istana Budaya pada April 2022. Jelaslah bahawa peranan penggiat seni dan media massa juga dilihat penting dalam usaha mempopularkan lagu rakyat pada masa ini.

Kesimpulan

Secara tuntasnya, pelbagai pihak perlulah memainkan peranan yang penting dalam memastikan lagu rakyat terus mendapat tempat dalam kalangan rakyat Malaysia termasuklah generasi muda. Tanggungjawab ini tidak sepatutnya dipandang sambil lewa oleh semua pihak yang berkepentingan kerana khazanah bernilai ini perlu menjadi asas kepada kemajuan negara kita. Sikap menuding jari kepada pihak-pihak tertentu mestilah dihentikan sebaliknya setiap individu hendaklah

memainkan peranan masing-masing untuk memastikan lagu rakyat terus duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dalam arena muzik tanah air. Usaha membentuk sinergi yang erat pastinya berupaya merealisasikan pandangan ilmuwan bahawa seni bukan sahaja untuk hiburan semata-mata tetapi sebagai asas kepada jati diri rakyat jelata.

Tema 13 SEGALANYA BERMULA DI SINI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 kepupusan haiwan liar ini adalah berpunca daripada sikap manusia yang rakus dan tidak bertimbang rasa melakukan pembukaan tanah secara besar-besaran untuk tujuan pembangunan, pertanian dan perdagangan.
- 2 Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kawasan hutan di negara kita telah dibuka untuk tujuan penanaman seperti kelapa sawit yang merupakan sumber ekonomi Malaysia yang utama. Malaysia merupakan pengeluar minyak kelapa sawit terbesar di dunia.
- 3 juga disebabkan pembangunan yang tidak terancang dan aktiviti pembalakan haram seperti menebang pokok yang mempunyai nilai yang tinggi di pasaran menyebabkan habitat haiwan liar ini terancam.

Kemahiran Membaca

Praktis 1

Punca-punca Pencemaran Sungai

- 1 Pembuangan sampah sarap
- 2 Pembuangan sisa-sisa kimia dari kilang
- 3 Pembuangan air kumbahan yang gagal diurus dengan baik
- 4 Aktiviti pembalakan yang mengakibatkan hakisan tanah

Praktis 2

- 1 Rangkai kata memberikan kesan bermaksud mendatangkan/menghasilkan/tanda bekas.
- 2 Merujuk bahan 1 dan bahan 2, punca-punca berlakunya pencemaran alam sekitar ialah:
 - sikap segelintir masyarakat yang kurang prihatin dan membuang sampah merata-rata
 - pelepasan air larut resap dari tapak pelupusan sanitari rimba emas
- 3 Pada pendapat saya, langkah-langkah yang boleh diambil oleh pelbagai pihak untuk melestarikan alam sekitar ialah:
 - pihak kerajaan mengadakan kempen kesedaran kepada masyarakat untuk melestarikan alam sekitar/kempen kitar semula
 - pihak kerajaan menyeru kepada rakyat tentang penggunaan sumber tenaga yang boleh diperbaharui wajar diperkenalkan dan diperkasakan
 - setiap komuniti dalam masyarakat perlu melakukan

- aktiviti sukarelawan membersihkan kawasan sekitar
 - ibu bapa memberikan pendidikan kepada anak-anak tentang melestarikan alam sekitar
- 4 Sebagai warganegara yang prihatin, usaha-usaha yang boleh saya lakukan untuk mengatasi kejadian ini daripada berlaku secara berleluasa ialah:
- menegur atau menasihatinya dengan menggunakan bahasa yang berhemah
 - membuat aduan kepada pihak pengusaha kawasan perumahan tentang salah laku pengunjug tersebut
 - memberitahu kepada mereka tentang keburukan sekiranya membuang sampah ke dalam sungai
 - menceritakan kepentingan sungai kepada manusia, haiwan dan tumbuhan

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Hutan ialah kawasan yang ditumbuhi pokok-pokok liar atau terbiar yang sangat tinggi nilainya. Hutan merupakan anugerah Tuhan yang tidak ternilai harganya. Hutan mendatangkan pelbagai impak yang positif kepada masyarakat dan negara. Namun demikian, kini hutan diteroka dengan rakus dek pembangunan yang semakin rancak. Sedarkah kita bahawa, tanpa hutan kita tidak akan dapat menikmati keindahan panorama yang dapat kita nikmati pada waktu ini?. Marcapada, hutan semakin terancam sebagai akibat ketamakan dan kerakusan masyarakat pada zaman ini. Oleh sebab itu, semua pihak haruslah memikul amanah ini dengan penuh rasa tanggungjawab bagi memastikan hutan terpelihara kerana hutan memberikan manfaat kepada biodiversiti di muka bumi ini.

Sememangnya hutan memberikan seribu satu manfaat kepada semua biodiversiti seperti manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan. Hal ini dikatakan demikian kerana hutan merupakan kawasan tadahan hujan. Hutan merupakan sumber air dominan yang kita gunakan dalam rutin harian. Sekiranya hutan semakin pupus, bekalan air kepada kita akan terjejas. Air ialah nadi kehidupan kita. Sememangnya kita sedar bahawa kita tidak boleh hidup tanpa air walaupun sehari kerana kegiatan rutin harian kita sentiasa menggunakan air seperti membasuh kereta, mencuci pinggan, mandi dan juga menampung keperluan asas bagi manusia. Bayangkanlah jika kehidupan kita tidak dibekalkan dengan sumber air. Selain itu, kegiatan pembalakan haram semakin berleluasa pada hari ini dan menyebabkan hutan di negara semakin terancam. Hal ini akan menyebabkan kita kehilangan kawasan tadahan hujan sekali gus kita akan kehilangan sumber air yang berkualiti. Hal ini jelaslah membuktikan bahawa hutan memberikan banyak manfaatnya kepada manusia, haiwan dan tumbuh-tumbuhan.

Hakikat yang tidak boleh disangkal lagi ialah hutan juga dapat menstabilkan peratus oksigen di permukaan bumi. Hal ini dikatakan demikian kerana hanya hutan sahaja yang boleh menjalankan proses fotosintesis. Proses fotosintesis

merupakan proses tumbuhan menghasilkan makanannya sendiri. Hal ini amat penting dalam kehidupan masyarakat dalam memastikan purata suhu di negara kita tidak meningkat kerana kesan rumah hijau boleh mendatangkan impak negatif kepada masyarakat. Sekiranya hutan ditebang dengan sewenang-wenangnya, maka peluang untuk menambah isi padu gas oksigen dalam udara akan berkurangan kerana bilangan tumbuhan hijau berkurangan dan menyebabkan peratus karbon dioksida bertambah. Fenomena pemanasan global yang berpunca daripada aktiviti penebangan atau pengurangan kawasan hutan akan berleluasa di serata tempat. Sudah terang lagi bersuluh bahawa hutan sangat penting kepada semua hidupan untuk menstabilkan peratus oksigen di permukaan bumi.

Umum mengetahui bahawa hutan juga merupakan habitat semula jadi bagi semua jenis tumbuhan dan spesies hidupan liar yang semakin pupus. Flora dan fauna yang juga merupakan sumber makanan kepada manusia. Sekiranya hutan pupus binatang-binatang liar seperti gajah, harimau, dan sebagainya akan kehilangan tempat tinggal dan sumber makanan. Sekiranya mereka kehilangan sumber makanan kita juga akan kehilangan sumber makanan kerana sumber protein kita ialah daging binatang-binatang yang terdapat di dalam hutan. Selain itu, hutan juga kaya dengan tumbuh-tumbuhan yang menjadi sumber ubat-ubatan penawar bagi pelbagai jenis penyakit. Kemusnahan hutan ini bererti kita akan kehilangan harta yang berharga. Hal ini jelaslah bahawa, hutan membawa manfaatnya sebagai habitat kepada flora dan fauna.

Sebagai menggulung hujah di atas, semua pihak perlulah menyumbangkan tenaga dalam memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan hutan. Hargailah hutan kerana hutan merupakan khazanah yang tidak ternilai harganya. Hutan perlu dipelihara agar generasi akan datang dapat menikmatinya bersama-sama. Jangan kerana seekor kerbau membawa lumpur semuanya habis terpalit. Oleh sebab itu, kita mestilah bersyukur dan menghargai atas kurniaan daripada Tuhan ini. Marilah kita sama-sama memikul amanah yang besar ini sebagai tanggungjawab yang harus dijaga, disemai dan dibelai dengan sewajarnya.

Praktis 2

Pendahuluan

Rumusan membincangkan manfaat/faedah/kebaikan kitar semula dan langkah/usaha/cara untuk memupuk amalan kitar semula

Isi 1

Bahan 1 – Manfaat/faedah/kebaikan kitar semula

- amalan kitar semula berupaya menjimatkan perbelanjaan secara mikro dan makro
- kitar semula dapat membuka pasaran dan industri baharu dalam landskap dunia hari ini
- kitar semula juga dilihat sebagai suatu kaedah yang

boleh mengurangkan pencemaran alam sekitar seperti pencemaran udara dan pencemaran sungai

- kitar semula merupakan perkara yang mustahak bagi alam sekitar kerana dapat memelihara sumber alam semula jadi

Isi 2

Bahan 1 – Langkah/usaha/cara untuk memupuk amalan kitar semula

- ibu bapa wajar memberi didikan tentang kemaslahatan amalan kitar semula sejak anak-anak masih kecil
- pihak sekolah turut memikul obligasi untuk memberi kesedaran dan menggalakkan murid-murid mengamalkan kitar semula melalui kempen kesedaran
- kerajaan perlu menggubal polisi tentang pembuangan sampah sarap dan kitar semula

Isi 3

Bahan 2 – Langkah/usaha/cara untuk memupuk amalan kitar semula

- ibu bapa tunjukkan cara mengitar semula
- rakyat bersama-sama mengasingkan tempat kitar semula

Isi 4

Bahan 3 – Manfaat/faedah/kebaikan kitar semula

- kitar semula dapat menjimatkan tenaga
- mengurangkan pencemaran
- memperlahan perubahan cuaca global

Kesimpulan

Kesimpulannya, amalan kitar semula perlu diamalkan agar alam sekitar kekal terpelihara

Aspek Tatabahasa

Praktis 1

- 1 – Malaysia merupakan sebuah negara dengan masyarakat berbilang bangsa yang unik.
 - Malaysia merupakan sebuah negara dengan masyarakat berbilang bangsa yang istimewa.
- 2 – Komuniti kecil di Melaka pula merupakan keturunan penjajah Portugis.
 - Keturunan penjajah Portugis mengahwini wanita-wanita tempatan.
- 3 – Setiap kumpulan etnik memiliki ciri-ciri budaya sendiri yang berbeza.
 - Setiap kumpulan etnik mengecap tahap integrasi yang berbeza.

Praktis 2

- 1 Satu perkara yang amat penting kepada rakyat setiap negara adalah patriotisme.
- 2 Keyakinan, kesetiaan, kewarganegaraan, keberanian, kemerdekaan, jati diri dan kedaulatan melibatkan semangat patriotisme.

- 3 Lebih terdedah dan terpengaruh dengan anasir luar sehingga melupakan tradisi dan budaya yang kita miliki oleh generasi muda pada hari ini.

SOALAN SEBENAR SPM

1 Pendahuluan

Bencana alam merupakan tragedi di luar kawalan manusia – boleh mengakibatkan pelbagai kehancuran serta kerosakan – Berlaku di pelbagai negara namun kita hanya mampu membaca laporan yang dipaparkan di media sosial – Sebenarnya banyak bantuan yang boleh disalurkan seperti menerusi Misi Bantuan dan Kemanusiaan di bawah kelolaan NADMA – Mengikut amalan terbaik di peringkat serantau dan antarabangsa

Isi 1

Bantuan perubatan dan kesihatan – Selepas bencana melanda, rakyat negara berkenaan pastinya memerlukan bantuan perubatan – ramai penduduknya akan menderita dengan pelbagai penyakit dan kecemasan – Negara boleh menghantar pakar-pakar perubatan tempatan untuk membantu meringankan beban penduduk yang terkesan – Untuk mengelakkan banyak lagi nyawa yang terkorban akibat tidak mendapat rawatan yang sepatutnya

Isi 2

Bantuan makanan dan keperluan asas – Mangsa terputus bekalan makanan dan banyak keperluan asas yang musnah – Gerakan misi kutipan dalam kalangan rakyat tempatan boleh dilancarkan untuk menghantar makanan dan keperluan asas ke negara berkenaan – Menerusi NADMA dan saluran yang betul supaya bantuan benar-benar sampai

Isi 3

Bantuan kepakaran pembinaan dan infrastruktur – Bangunan dan banyak infrastruktur musnah akibat bencana yang berlaku – Kepakaran yang dimiliki negara dapat disalurkan untuk mempercepat proses pembaikan – Sebagai contoh pembinaan kediaman, sekolah bangunan pentadbiran perlu disegerakan untuk mengelakkan pelbagai lagi sektor terbantut – Bantuan ini dapat melancarkan operasi pembaikan dari pelbagai aspek termasuklah ekonomi

Kesimpulan

Bantuan-bantuan yang disalurkan mampu memberi kelegaan kepada negara yang terjejas – Jika tidak mampu untuk menghulurkan dalam bentuk wang ringgit, rakyat boleh menyalurkan dalam bentuk yang lain seperti pakaian terpakai – Hulurkan tangan ringankan beban – Berat sama dipikul ringan sama dijinjing

- 2 – Aakif bertanya kepada ayahnya tentang punca-punca puncak Gunung Irau dipenuhi oleh lumut.

- Ayah menjelaskan bahawa awan rendah dan angin dingin yang lembap sesuai untuk lumut, paku pakis, periuk kera, lichen dan orkid.
- Aakif memohon kepada ayahnya agar mereka datang lagi ketika cuti sekolah pada hujung tahun.

3 (i) Berdasarkan Bahan 1, perkara yang dilarang oleh Tuk Wali:

- Pokok yang sedang berbunga atau berbuah tidak boleh ditebang.
- Pokok yang saiznya lebih kecil daripada jari hantu tidak boleh disentuh.

(i) Tindakan-tindakan yang menyebabkan kemusnahan alam sekitar:

Bahan 1

- Masuk hutan dengan menggunakan traktor
- Menjalankan aktiviti pembalakan di dalam hutan
- Mencabut benih-benih pokok

Bahan 2

- Membuang sampah merata-rata
- Pembakaran terbuka
- Penerokaan hutan tanpa kawalan
- Pemburuan haiwan tanpa lesen
- Pembangunan yang menyebabkan bukit bukau ditarah

(ii) Halangan untuk menjamin kelestarian atau pengendalian keaslian alam sekitar:

- Kos pengurusan yang tinggi
- Kelemahan sistem pendidikan negara yang tidak berjaya menimbulkan kesedaran kepada masyarakat
- Penguatkuasaan undang-undang yang masih lemah
- Sikap mementingkan diri pemaju dan pihak yang tidak bertanggungjawab

(iii) Sebagai penduduk yang bertanggungjawab, cadangan segera yang saya akan lakukan agar kebakaran tidak terus merebak:

- Menghubungi pihak berkuasa seperti bomba untuk memadamkan kebakaran.
- Sementara menunggu ketibaan bomba, gunakan tanah atau dahan hijau untuk menghalang api daripada terus merebak.
- Beredar dari situ untuk mengelakkan sebarang kemalangan yang tidak diingini.

Tema 14

SIHAT DAN BERSIH PILIHANKU

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

- 1 Sesiapa sahaja sama ada tua ataupun muda boleh mendaftar sebagai penderma organ dan tisu. Walau bagaimanapun, mereka yang berusia kurang dari 18 tahun perlu mendapat kebenaran ibu bapa atau penjaga terlebih dahulu.
- 2 Pendermaan organ ialah proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk transplan selepas dia meninggal dunia.
- 3 Pada umumnya organ-organ yang boleh didermakan seperti buah pinggang, jantung, hati (heper), paru-paru dan pankreas. Tisu-tisu yang boleh didermakan pula seperti mata, tulang, kulit dan injap jantung.
- 4 Proses perolehan organ dan tisu daripada tubuh seseorang penderma itu hanya akan dilakukan apabila kematian telah disahkan oleh dua orang doktor dengan pengesahan kematian seseorang penderma itu adalah bebas dan tiada kaitan dengan pemindahan organ dan tisu.
- 5 Proses pemindahan organ dan tisu membabitkan suatu pembedahan yang bersih dan suci hama. Pembedahan ini dijalankan di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman.

Kemahiran Membaca

Rumusan: Kesihatan bukan sahaja berkaitan dengan bebas daripada penyakit tetapi juga memiliki pemikiran yang cerdas bersama-sama emosi yang stabil. Pemilikan kesihatan yang baik penting buat remaja kerana tahap kesihatan ketika usia mudalah yang akan menentukan tahap kesihatan mereka pada masa tua kelak. Terdapat beberapa cara yang dapat anda lakukan untuk menjaga kesihatan mental dan emosi. Remaja juga perlu bersikap tegas terhadap tindakan-tindakan negatif yang wujud dalam kehidupan mereka. Remaja perlu menjauhi tabiat suka merokok, pengambilan dadah dan alkohol. Tindakan yang negatif ini akan menyebabkan pelbagai masalah kesihatan dan juga menimbulkan masalah keluarga. Ketegasan remaja dalam semua aspek di atas itu mampu menjauhi remaja daripada sebarang kemelut sosial, lalu memberikan kesihatan yang baik. Seterusnya, remaja juga hendaklah mampu mengawal emosinya apabila berhadapan dengan sesuatu masalah. Para remaja juga disarankan agar sentiasa berhubung dengan keluarga dan rakan-rakan yang dipercayai untuk berkongsi masalah yang dihadapi. Justeru dapat memberikan ketenangan dan memberikan pemikiran yang rasional dan rela berbincang apabila mengalami sesuatu kemelut dalam hidup mereka. Oleh itu, sikap rasional ketika melakukan sesuatu tindakan boleh menjadikan kesihatan seseorang itu lebih baik.

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Seorang tokoh cendekiawan iaitu Denis Waitley mengatakan bahawa “Waktu dan kesihatan adalah dua aset berharga yang tidak dikenali dan hargai sampai kedua-duanya hilang”. Berdasarkan kata-kata ini jelaslah bahawa kebersihan dan kesihatan menjadi lambang ketamadunan dan taraf berfikir sesuatu bangsa sama ada bertaraf maju atau primitif. Pada era yang sarat dengan kemudahan dan infrastruktur kesihatan yang semakin bertambah maju ini, pelbagai wabak dan penyakit yang melanda setiap golongan tanpa mengenal usia. Namun begitu, peningkatan itu didapati berlaku secara tidak sekata bagi setiap lapisan masyarakat. Oleh itu, langkah-langkah penjagaan kebersihan diri akan kita kupas dengan lebih mendalam agar dapat dijadikan panduan kepada kita semua.

Sebagai prakarsa utama ialah kita haruslah mempunyai disiplin dan amalan secara rutin. Dalam hal ini, kita perlu sedar bahawa tanpa disiplin tiada apa-apapun yang kita lakukan boleh berjaya. Sehubungan dengan itu, pengurusan penjagaan diri, rutin harian hendaklah kita susun dengan sebaik-baiknya. Perkara asas seperti mandi, bersiap, makan, belajar, beriadah dan berehat hendaklah dilakukan secara berjadual dan berlangsung selagi hayat dikandung badan.

Kita juga perlulah memotong kuku tangan dan kuku kaki yang panjang dan memastikan sebelum makan gosok kuku dengan sabun supaya kita tidak sakit perut akibat kelalaian diri sendiri. Seterusnya, kita perlu kumur mulut setelah selesai makan untuk membuang sisa-sisa makanan yang terlekat dicelah-celah gigi. Sikap melakukan sesuatu kerja secara sambil lewa amat mudah menjadi virus untuk menyerang minda dan habit kita supaya mengabaikan pengurusan diri. Berdasarkan prakarsa ini, jelaslah bahawa disiplin yang tinggi merupakan aspek yang dominan dalam penjagaan kebersihan diri.

Seterusnya, kita perlu memastikan aspek penampilan diri juga wajar diambil kira dalam hal menjaga kebersihan diri. Penampilan diri yang tampan, segar dan bergaya boleh memberi kita keyakinan diri. Kita seharusnya menjaga kebersihan pakaian, cara berpakaian dan cara bercakap apabila berkomunikasi. Pakaian yang kotor perlu dicuci dengan detergen untuk menghilangkan bau busuk dan bakteria pada pakaian. Selepas kita bersukan maka asingkan pakaian itu di dalam bakul baju kotor agar kita tidak terpakai baju itu semula. Jangan sesekali memakai baju yang kotor dan busuk untuk pergi ke kelas atau berjumpa dengan kawan kerana akan memberi impak negatif kepada diri anda sendiri. Kumpul dan basuh pakaian yang kotor sekurang-kurangnya seminggu sekali. Perkara ini membuktikan bahawa penampilan diri yang bersih adalah cara penjagaan kebersihan diri kita.

Pada nada yang sama, kebersihan diri turut terpancar apabila kita memastikan penjagaan kebersihan persekitaran tempat tinggal kita. Hal ini amatlah penting kerana kehidupan

yang mesra alam itu merupakan teras utama untuk hidup sihat dan selamat. Hal-hal yang berkaitan dengan kebersihan rumah tangga seperti tempat tidur, bilik mandi dan tempat makan hendaklah kita jaga. Semua elemen ini menjadi persekitaran tetap kepada diri kita. Seandainya tidak diuruskan dengan baik, justeru banyak anasir yang boleh mengancam kebersihan dan kesihatan. Pelbagai penyakit seperti penyakit berjangkit, serangan kuman dan udara yang tidak bersih boleh membawa musibah penyakit. Hal ini jelaslah membuktikan bahawa persekitaran yang bersih penting dalam penjagaan kesihatan kita.

Kesimpulannya, kebersihan diri menjadi perhiasan zahir dan batin seseorang insan. Insan yang bersih ialah insan yang kenal tentang dirinya dan tahu tentang matlamat dirinya. Dani Kaizen ada mengatakan bahawa kenikmatan hidup paling nikmat di dunia ini adalah sihat kerana apa pun yang kamu miliki di dunia ini tak akan kamu nikmati, jika kamu sakit. Berpandukan petunjuk tersebut, selaku anak muda harapan bangsa dan negara kita harus memperlengkap diri dengan pakej penampilan diri yang segar, kemas dan sihat.

Praktis 2

Sejak dua dan tiga dekad kebelakangan ini kita dapat menyaksikan peningkatan kes-kes penularan penyakit di dalam negara mahupun di seluruh pelosok dunia. Penularan penyakit ini dikategorikan sebagai subset penyakit yang boleh ditularkan dan berjangkit kepada orang lain. Penularan ini mampu merebak melalui laluan udara dan juga melalui hubungan fizikal. Polemik yang semakin membimbangkan masyarakat dunia amnya dan masyarakat Malaysia khususnya ini umpama duri dalam daging. Rentetan itu, kita wajar untuk mengenal pasti cara terbaik untuk menangani masalah ini untuk daya tahan kesihatan dan kesejahteraan masyarakat. Persis kata mutiara, mencegah lebih baik daripada merawat.

Perkara utama dalam menghadapi isu global ini adalah tindakan setiap individu dalam masyarakat untuk menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Kebersihan diri adalah nilai penting yang wajib diamalkan oleh semua manusia kerana kekotoran adalah punca kepada penularan ini. Setiap ahli masyarakat dalam kalangan kanak-kanak dan dewasa perlu mengutamakan kebersihan diri dengan membuang sampah di tempat yang betul, memusnahkan tempat pembiakan nyamuk. Barang buangan seperti tayar buruk, tin kosong, tempurung kelapa dan bekas plastik yang menjadi tempat pembiakan nyamuk hendaklah dimusnahkan. Pasu bunga, bekas air dan sebarang bekas yang boleh menakung air perlu dibubuh ubat jentik-jentik atau ditukar airnya secara kerap untuk mencegah pembiakan nyamuk Aedes. Maka, kita perlu sentiasa mengingatkan diri dan orang sekeliling supaya menitikberatkan aspek kebersihan diri dan persekitaran dalam kehidupan seharian.

Cara lain dalam mencegahnya adalah dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Masyarakat yang inteligensia adalah masyarakat yang mempraktikkan gaya hidup sihat kerana manfaatnya yang besar bukan sahaja pada diri malahan berfaedah untuk negara. Gaya hidup sihat merangkumi pemakanan seimbang dan melakukan aktiviti riadah atau bersukan. Aktiviti yang dilakukan pada waktu lapang ini akan memanfaatkan diri individu tersebut. Mereka akan terhindar daripada wabak dan tahap imunisasi badan lebih kuat berbanding individu yang tidak mengamalkan gaya hidup sihat. Justeru, pendidikan dan kempen kesedaran perlu digiatkan dalam melibatkan semua lapisan masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup sihat sebagai langkah menangani masalah yang kian meningkat masa kini.

Antara langkah kawalan dan pencegahan awal yang dilakukan adalah dengan sistem “surveillance” ataupun lebih dikenali sebagai sistem pemantauan. Pemantauan haruslah dilakukan secara teliti dan bukan sekadar melepaskan batuk di tangga. Pemantauan yang perlu dilakukan adalah pengawasan jentik-jentik dan nyamuk dewasa. Pengawasan jentik-jentik ini harus dilakukan di setiap premis kediaman dan juga tapak pembinaan khususnya petempatan yang dikesan mempunyai wabak denggi. Setiap sudut dan ruang yang mempunyai takungan air perlulah diperiksa agar tidak terlepas dari pandangan. Selain itu, pengawasan nyamuk dewasa juga perlu lantaran nyamuk ini akan membiak dan menyebarkan virus denggi. Ketika di rumah, nyamuk *Aedes Aegypti* boleh dihapuskan dengan menggunakan racun serangga dan perangkap telur nyamuk, ovitrap, juga boleh digunakan untuk mengesan kepadatan nyamuk. Hal ini jelas menunjukkan bahawa sistem pemantauan merupakan langkah untuk mengelakkan penularan penyakit berjangkit ini.

Kesimpulannya, terdapat banyak cara yang boleh diusahakan untuk menangani masalah ini di Malaysia. Tindakan melawan penyakit secara holistik oleh semua pihak akan menyumbang kepada penurunan kes ini seterusnya melahirkan negara yang bebas dari masalah ini. Media massa dan kerajaan berperanan besar dalam menyedarkan masyarakat kita akan kepentingan dan manfaat mencegah penularan wabak ini. Janganlah kita berfikir jemu dalam perkara ini kerana menyesal dahulu pendapatan, menyesal kemudian tidak berguna. Peribahasa ini membawa maksud kita perlulah sedar dan mengambil tindakan segera ke atas perkara yang berbahaya ini agar tidak kesal akan akibatnya pada kemudian hari.

Aspek Tatabahasa

- 1 – Tindakan yang penting sebenarnya ialah perubahan dari segi mentaliti orang kita sendiri untuk beralih kepada barangan tempatan.
- Tindakan yang penting sebenarnya ialah perubahan dari segi sikap orang kita sendiri untuk beralih kepada barangan tempatan.

- 2 – Rakyat Malaysia perlu mengutamakan barangan buatan Malaysia kerana hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.
- Rakyat Malaysia perlu mengikis sikap prejudis terhadap barangan tempatan kerana hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri.
- 3 – Kedua, menggalakkan pembangunan industri yang berkaitan untuk menghasilkan produk lebih berkualiti.
- Kedua, menggalakkan pembangunan industri yang berkaitan untuk menghasilkan produk lebih berdaya saing.

SOALAN SEBENAR SPM

1 Pendahuluan

Dalam usaha Malaysia untuk menjadi negara maju, sedar atau tidak, kita berhadapan dengan masalah obesiti yang serius. Tak sungguh tak melata, jika tak sungguh orang tak kata kerana Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaporkan sebanyak 44.2 peratus dalam kalangan orang dewasa di negara ini memiliki BMI melebihi 25 kg/m². Populasi ini menunjukkan Malaysia sebagai negara paling obes di Asia Tenggara meninggalkan Thailand, Singapura dan Filipina yang hanya mencatatkan populasi antara 26.5 peratus hingga 32.2 peratus.

Isi 1

Isu yang berseleleran bagai getah di lalang ini semestinya berpunca daripada sikap tidak mengamalkan pemakanan seimbang. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan mereka tidak merujuk piramid pemakanan sehingga menyebabkan 16.8 juta orang rakyat Malaysia mengalami obesiti. Situasi ini tidak akan berkesudahan sekiranya pengambilan nasi lemak, roti canai dan kari yang mengandungi kalori yang tinggi tidak dikawal. Jelaslah bahawa amalan pemakanan yang tidak seimbang menjadi faktor kepada masalah obesiti di negara ini.

Isi 2

Selain itu, gaya hidup sihat tidak dipraktikkan oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Mereka lebih mementingkan kerjaya dan tidak cakna terhadap kesihatan sendiri. Walaupun pelbagai kemudahan yang disediakan oleh pihak berkuasa tempatan seperti cendawan tumbuh selepas hujan, masyarakat lebih suka memilih untuk bermalas-malasan dengan aktiviti yang tidak berfaedah. Oleh yang demikian, tidak hairanlah jika laporan mengesahkan bahawa 75 peratus rakyat Malaysia tidak bersenam dan situasi ini sangatlah membimbangkan.

Kesimpulan

Sudah terang lagi mahu bersuluh, masalah obesiti dalam kalangan masyarakat Malaysia ini berpunca daripada sikap sesetengah individu itu sendiri. Oleh yang demikian, setiap rakyat seharusnya lebih peka terhadap kesihatan diri kerana malang itu tidak berbau. Mudah-mudahan visi kudsi yang direncanakan oleh pihak kerajaan untuk menjadikan rakyat negara kita sentiasa sihat dapat direalisasikan pada bila-bila masa sahaja.

2 Pendahuluan

- Rumusan membincangkan kesan-kesan/ akibat-akibat stres dan tindakan-tindakan/cara-cara menghadapi stres
- Rumusan membincangkan kesan-kesan/ akibat-akibat stres atau tekanan

Isi-isi

Bahan 1 – Kesan-kesan stres

- Seseorang yang menghadapi stres, akan kurang minat terhadap aktiviti harian
- Seseorang itu akan mengalami penurunan kekuatan mental semasa menghadapi perasaan kebingungan
- Kurang tumpuan dan fokus dalam pekerjaan

Bahan 1 – Cara-cara menghadapi stres

- Stres boleh dikawal secara sendiri, melalui bantuan ahli keluarga atau rakan-rakan
- Seseorang individu juga seharusnya menerima kenyataan bahawa dia sedang mengalami stres
- Bawalah bertenang semasa menghadapi tekanan tersebut dan reda dengan kenyataan yang dihadapi
- Mempelajari kaedah pengurusan stres yang berkesan
- Seseorang itu boleh mencari maklumat berkaitan pengurusan stres melalui media sosial
- Berjumpalah dengan pakar untuk mendapatkan bantuan profesional

Bahan 2 – Kesan-kesan stres

- Perasaan sedih yang berpanjangan
- Kemurungan yang didiagnosis secara klinikal bukan perasaan sedih yang biasa sehingga menjejaskan fungsi harian seseorang individu seperti sukar memberikan tumpuan terhadap tugas, keluarga dan aktiviti kemasyarakatan
- Berat badan merosot dalam waktu yang singkat kerana perubahan selera makan
- Kesukaran untuk tidur lantaran memikirkan pelbagai masalah

Bahan 3 – Cara-cara menghadapi stres

- Perlu bersenam
- Pelajarilah cara berfikir positif

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengurusan stres perlulah diberikan penekanan oleh penghidapnya supaya penyakit ini dapat diatasi dengan segera.

Tema 15

ANGIN PERUBAHAN MEMBADAI

Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Forum murid

Kemahiran Membaca

Bil.	Perkataan	Maksud
1	Memacu	Menggerakkan sesuatu kegiatan dengan cepat atau pesat
2	Penyelarasan	Perihal (tindakan, kerja) menyelaraskan, penyesuaian
3	Mengaplikasikan	Menggunakan secara praktik atau amali
4	Mentransformasi	Perubahan bentuk (sifat, rupa, keadaan)
5	Pemeriksaan	Perihal (perbuatan, usaha atau tindakan) memperkasakan
6	Instrumen	Alat, perkakas (muzik, pertukangan)
7	Penerapan	Perihal (perbuatan) menerapkan atau memasang (enjin)

Kemahiran Menulis

Praktis 1

Pada abad ke-21, negara menghadapi cabaran baru seperti globalisasi, liberalisasi, pengantarabangsaan dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyediakan program pembangunan pendidikan yang dapat melahirkan warganegara yang berilmu pengetahuan dan celik TMK. Persoalannya, apakah manfaat teknologi maklumat dalam komunikasi kepada murid?

Sebagai mukadimah bicara, manfaat TMK ialah dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang berguna kepada murid. Hal ini dikatakan demikian kerana TMK menyediakan saluran yang luas kepada murid untuk mencari maklumat dengan mudah dan efektif. Dengan adanya peranti elektronik dan capaian Internet yang mantap, maklumat dapat dicari hanya di hujung jari dengan mengakses laman pencarian maklumat seperti Google, Yahoo, Safari dan Firefox. Jelaslah, TMK memberikan peluang kepada murid untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dalam diri mereka.

Pada nada yang sama, peranan TMK juga mengeratkan hubungan sesama murid dan ahli keluarga. Murid yang tinggal di asrama boleh berhubung dengan ibu bapa yang berjauhan untuk melepaskan rindu. Oleh itu, bagi mengekang permasalahan ini, pihak sekolah telah membenarkan para murid untuk membawa telefon pintar ke sekolah dan diserahkan kepada guru yang bertugas bagi menyimpannya. Pada waktu tertentu murid boleh berhubung dengan ahli

keluarga melalui platform seperti Whatsapp, Instagram, Facebook, Twitter dan Snapchat. Tuntasnya, TMK dapat mengeratkan hubungan dengan keluarga.

Akhirulakal, peranan teknologi maklumat sangat penting dalam sistem pendidikan yang semakin mencabar dan menghadapi persaingan global ini. Tanpa teknologi, sudah pasti negara kita tidak dapat berdiri sama tinggi, duduk sama rendah setanding dengan negara-negara maju di seluruh dunia.

Praktis 2

Sains dan teknologi dilihat sebagai satu perkara yang prima dalam kehidupan manusia sejak memasuki abad ke-21. Perkembangannya dilihat seperti cendawan tumbuh selepas hujan apabila kos menggunakan teknologi semakin berpatutan dan dikomersialkan sesuai dengan kehidupan manusia. Kini, perkembangan yang pesat dirai malah menjadi perlumbaan antara negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Jepun. Pelbagai manfaat yang diperoleh kesan daripada perkembangan terhadap kehidupan manusia. Ada juga yang mendatangkan mudarat tetapi sebagai masyarakat yang berminda kelas pertama, kita perlu membuang yang keruh dan mengambil yang jernih. Oleh itu, wajar untuk kita bincangkan apakah kepentingan sains dan teknologi dalam kehidupan manusia?

Sebagai mauduk perbincangan yang pertama, kepentingan sains dan teknologi adalah memudahkan komunikasi antara manusia. Dalam mendepani era globalisasi ini, kita dapat berhubung dengan semua manusia di segenap pelosok dunia walaupun berbeza bahasa dengan adanya teknologi. Perbezaan bahasa yang sebelum ini perlu mengambil masa yang lama untuk dipelajari boleh diselesaikan dalam beberapa saat sahaja. Impaknya, pelbagai ilmu, budaya dan juga perkara-perkara lain dapat dikongsi dan dimanfaatkan bersama-sama. Selain itu, kita juga dapat berhubung antara satu sama lain tanpa mengira masa dan jarak pada hari ini dan kesannya bukan sahaja pada sektor ekonomi malah mengubah cara sosial masyarakat masa kini. Misalnya penggunaan aplikasi Whatsapp, Telegram dan sebagainya yang membolehkan kita menghantar mesej atau membuat panggilan video kepada kenalan kita hasil daripada ciptaan teknologi dan penggunaan sains yang difahami oleh manusia hari ini. Jelaslah bahawa, perkembangan sains dan teknologi membuka ruang komunikasi antara manusia yang tidak pernah dibayangkan pada zaman dahulu.

Di samping itu, hasil perkembangan sains dan teknologi telah menyumbang kepada kemajuan industri kesihatan secara global. Pelbagai ubat dan rawatan baharu yang dapat dihasilkan bagi merawat pesakit-pesakit yang menghadapi pelbagai jenis penyakit. Kemajuan ini juga membantu dalam mencegah penyakit-penyakit berjangkit daripada menular dan mengorbankan ribuan nyawa manusia seperti zaman dahulu. Kini, perkembangan sains dan teknologi telah menjadikan makmal perubatan sebuah institusi yang penting

bagi manusia untuk mengkaji dan mencari penawar kepada penyakit-penyakit yang memudaratkan kehidupan manusia. Sebagai contohnya, kolaborasi antara sains dan teknologi juga menyumbang kepada observasi kesihatan sendiri apabila jam tangan pintar berjaya dicipta. Pemakai jam tangan ini dapat melihat kadar degupan jantung yang memberi indikasi kepada tahap kesihatan seseorang individu. Izharnya, pelbagai manfaat dari sudut kesihatan yang kita peroleh hasil daripada perkembangan sains dan teknologi.

Kepentingan lain yang ketara hasil daripada perkembangan sains dan teknologi adalah meningkatkan sektor pendidikan. Sebelum ini, pendidikan khususnya di peringkat tertiar menggunakan kaedah yang mengambil masa yang lama kerana pelajar perlu menelaah dan mentafsir buku-buku yang berkaitan untuk menghasilkan laporan atau menyiapkan tugas. Tetapi dengan kemudahan Internet, pelajar boleh menyediakan laporan atau menyiapkan tugas dalam tempoh masa yang lebih pantas. Perkembangan sains dan teknologi ini bukan sahaja memberi kesan terhadap ilmu dan pengetahuan pelajar malah membantu mereka untuk berfikir secara kreatif dan inovatif. Pada masa akan datang, tiada lagi pembelajaran yang membosankan dan kanak-kanak dapat menikmati ilmu dan pengetahuan dalam bentuk yang mereka sukai. Justifikasinya, dengan adanya perkembangan sains dan teknologi maka pendidikan dapat ditambah baik justeru memberi kesan yang positif serta efisien kepada masyarakat.

Akhirulakal, perkembangan sains dan teknologi adalah komponen yang mustahak dalam kehidupan manusia serta memainkan peranan yang penting dalam kelangsungan hidup manusia. Sinergi antara dua komponen ini dapat membawa ketamadunan manusia ke satu tahap yang lebih tinggi. Persis kata peribahasa Melayu, kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Namun begitu, dalam mengejar kemajuan diharapkan usaha untuk memastikan kemajuan sains dan teknologi ini dimanfaatkan oleh segenap pelosok manusia tanpa mengira darjat atau latar belakang. Semoga sains dan teknologi menjadi komponen yang dimanfaatkan oleh manusia untuk kebaikan dan bukannya kemudaratkan.

Aspek Tatabahasa

Praktis 1

1 Ayat Penyata

Contoh: “Pada firasat patik, pada malam itu datang pula penjurit itu ke istana kita ini”.

2 Ayat Tanya

Contoh: “Apa bicara kita supaya penjurit itu tiada beroleh masuk ke istana ini?”

3 Ayat Perintah

Contoh: “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!”.

4 Ayat Seruan

Contoh: “Hai Temenggung, suruh orang berkawal dan segala saudagar berkawal pada kampungnya!”.

SOALAN SEBENAR SPM

1 (i) Cepat berkembang bermaksud

- pantas/lekas/segera maju
- cepat terbuka/maju/luas
- laju/pantas/lekas/segera berkembang

(ii) Kesan-kesan penggunaan telefon pintar dan telefon bimbit dalam kalangan murid

Bahan 1

- Mereka sanggup melakukan pembaziran wang ringgit
- Menyebabkan mereka ketagihan/nomophobia
- Murid mengalami masalah kesihatan mata pada peringkat usia yang terlalu muda

Bahan 2

- Kes kecurian telefon bimbit semakin berleluasa dalam kalangan murid
- Meningkatkan salah laku murid

Bahan 3

- Tidak dapat fokus ketika belajar/tidak boleh fokus belajar

(iii) Peranan-peranan ibu bapa dalam mengawal penggunaan telefon pintar

- Menetapkan had masa penggunaan
- Memantau penggunaan telefon pintar
- Menasihati anak-anak berkaitan kelebihan dan keburukan penggunaan telefon pintar
- Menjadi contoh atau teladan kepada anak-anak
- Menggalakkan anak-anak terlibat dalam aktiviti fizikal

(iv) Cara-cara yang boleh saya ambil untuk membantu rakan saya itu agar membuang tabiat buruknya

- Menasihatnya secara berhemah
- Memaklumkan kepada ibu bapanya
- Mendapatkan khidmat kaunselor kepadanya
- Mengajaknya melibatkan diri dalam aktiviti berfaedah/riadah
- Mencipta hobi baharu yang bermanfaat

2 Musibah yang sebegini bermaksud

- bencana/kecelakaan seperti ini/macam ini
- bencana/kecelakaan yang sebegini
- musibah seperti ini/macam ini

(i) Kepentingan-kepentingan cahaya matahari dan bulan

Bahan 1

- Menentukan kiraan/membuat kalendar (Kalendar manusia mula dikira)
- Kejadian air pasang dan surut (pasang dan surut di bumi)

Bahan 2

- Bulan juga memerlukan cahaya matahari untuk menerangi dirinya pada waktu malam
- Suhu di bumi akan terbantut
- Semua makhluk akan pupus tanpa bantuan cahaya matahari itu

Bahan 3

- Pertukaran/kejadian siang dan malam (siang dan malam silih berganti)

(ii) Keburukan-keburukan penyalahgunaan aplikasi

- Kebocoran maklumat peribadi
- Wujud penjenayah siber/pembuli siber
- Ketagihan digital menjejaskan kesihatan fizikal dan mental
- Wujud masyarakat yang antisosial
- Berita palsu mudah disebar

(iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan supaya murid berminat untuk menceburi bidang sains angkasa (sebagai seorang pegawai Pusat Sains Negara)

- Mengadakan kempen tentang sains angkasa/dokumentari
- Pendedahan awal di peringkat sekolah
- Menganjurkan pertandingan bertema sains angkasa melalui STEM
- Mengatur lawatan ke Pusat Sains
- Menerbitkan bahan bacaan berkaitan sains angkasa

Tema 16 DIPIMPIN UNTUK MEMIMPIN

Kemahiran Mendengar dan Bertutur Kepentingan Integriti dalam Organisasi

- 1 Mengurangkan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa secara berkesan
- 2 Meningkatkan kecekapan dalam sistem penyampaian perkhidmatan awam
- 3 Memantapkan institusi keluarga
- 4 Meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan masyarakat

Kemahiran Membaca

Bacaan skrip drama oleh murid

Kemahiran Menulis Pendahuluan

Rumusan membincangkan ciri/kriteria seorang pemimpin yang baik dan halangan/rintangan/permasalahan untuk menjadi seorang pemimpin

Isi 1

- Bahan 1 – Ciri-ciri/kriteria seorang pemimpin yang baik
- mempunyai jati diri yang kuat dan berintegriti tinggi

- berketerampilan menarik dan kemas
- mempunyai wawasan yang jelas dengan memiliki kemampuan berfikir yang tinggi untuk mencapai kemajuan organisasi
- mempunyai kemahiran berkomunikasi yang tinggi
- mengamalkan nilai-nilai murni dalam setiap aspek kehidupan mereka

Isi 2

Bahan 1 – Halangan/rintangan/permasalahan untuk menjadi seorang pemimpin

- kurang memperoleh kepercayaan daripada pihak yang lain
- pemimpin kini sering dihalang dengan kemajuan sains dan teknologi yang memerlukan mereka mempunyai kemahiran dalam bidang tersebut
- berbalik kepada peranan sebagai seorang pemimpin adalah untuk memimpin ahli di bawahnya untuk melakukan sesuatu dengan baik
- pemimpin pada masa ini juga sentiasa menghadapi masalah berkaitan dengan persaingan di peringkat global

Isi 3

Bahan 2 – Ciri-ciri/kriteria seorang pemimpin yang baik

- amanah dan tanggungjawab
- berani menghadapi cabaran dan rintangan

Isi 4

Bahan 3 – Halangan/rintangan/permasalahan untuk menjadi seorang pemimpin

- tiada keimanan di dalam hati
- mengejar kekayaan diri sendiri
- kepentingan diri menjadi keutamaan

Kesimpulan

Kesimpulannya, seorang pemimpin yang baik harus mempunyai ciri-ciri yang berkualiti agar dapat memajukan negara.

Aspek Tatabahasa

1 Ayat Penyata

Contoh: Kamu tidak hadir ke sekolah hari ini.

2 Ayat Tanya

Contoh: Helo, bolehkah saya bercakap dengan Fiza?

3 Ayat Perintah

Contoh: Jangan lupa siapkan latihan itu juga, ya.

4 Ayat Seruan

Contoh: Oh, begitu rupanya! Kami ingatkan kamu sakit atau ada hal-hal lain.

1 Pendahuluan

- Aktiviti kokurikulum merupakan salah satu aktiviti yang mampu menarik minat murid-murid hadir ke sekolah
- Kegiatan ini merujuk kepada aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan di luar bilik darjah selain melibatkan pembelajaran akademik
- Aktiviti kokurikulum ini merangkumi pelbagai bidang seperti sukan, kelab dan persatuan serta pasukan badan beruniform
- Akta Pendidikan 1996 (Akta 55) telah mewartakan kegiatan kokurikulum sebagai salah satu kegiatan wajib disertai oleh murid-murid dan diambil kira dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK)
- Tanpa disedari oleh murid-murid, penglibatan dalam kegiatan kokurikulum ini memberikan pelbagai kepentingan apabila dilaksanakan sebaiknya di sekolah

Isi 1

- Salah satu kepentingan utama kegiatan kokurikulum adalah dapat melatih diri murid untuk berdisiplin
- Murid perlu mematuhi peraturan, arahan dan jadual yang ditetapkan sepanjang aktiviti kokurikulum dilaksanakan
- Ketepatan masa dan teliti dalam setiap perkara perlu dititikberatkan dalam kehidupan seharian mampu dipupuk melalui aktiviti yang dilaksanakan
- Sebagai contoh, murid-murid diwajibkan untuk memilih satu badan beruniform yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah seperti Pengakap, Kadet Remaja Sekolah, Kadet Polis, Kadet Bomba Sekolah dan Bulan Sabit Merah
- Falsafah dalam badan beruniform sangat ketara dalam membentuk diri untuk berdisiplin melalui aktiviti kawad kaki kerana murid-murid perlu menepati masa latihan dan mendengar setiap arahan ketua serta bekerja sebagai satu pasukan
- Melalui latihan disiplin ini, mereka akan lebih bersedia untuk menghadapi cabaran di masa hadapan, baik dalam akademik mahupun dalam kehidupan seharian

Isi 2

- Aktiviti kokurikulum yang dilaksanakan juga dikatakan menjadi platform untuk mencungkil bakat yang ada dalam diri murid
- Setiap individu mempunyai bakat dan minat tersendiri, namun tidak semua murid mempunyai peluang untuk menonjolkan diri mereka dalam bidang akademik

- Kecerdasan murid yang pelbagai ini haruslah dikenal pasti dan diketengahkan atau dicungkil sebaiknya
- Melalui aktiviti seperti seni, muzik, sukan, dan kepimpinan, murid dapat mengenali dan mengembangkan bakat mereka
- Sebagai contoh, seorang murid yang berbakat dalam bidang muzik dapat menyertai kumpulan muzik sekolah, manakala mereka yang mempunyai kecenderungan dalam sukan dapat mewakili sekolah dalam pertandingan
- Murid-murid bukan sahaja dapat meningkatkan kemahiran yang ada tetapi juga meraih pengiktirafan atas pencapaian mereka
- Secara tidak langsung membina keyakinan diri dan memberi mereka motivasi untuk terus berusaha

Isi 3

- Dari sudut pandang yang berbeza, kegiatan kokurikulum dapat membantu dalam membina personaliti diri yang unggul dan berketerampilan tinggi
- Personaliti diri bagi setiap murid sangat berbeza antara satu sama lain, namun dapat dipupuk di bangku sekolah bak kata pepatah melentur buluh biarlah dari rebungnya
- Hal ini dapat dilihat melalui interaksi dengan rakan sebaya dan guru dalam pelbagai aktiviti, murid belajar tentang nilai kerjasama, komunikasi, dan kepimpinan dalam organisasi
- Mereka yang terlibat dalam persatuan atau kelab tertentu berpeluang untuk menjalankan tugas yang diamanahkan, seperti menjadi pemimpin projek atau penganjur sesuatu acara. Hal ini membolehkan mereka mengasah kemahiran interpersonal dan memperbaiki cara berkomunikasi yang berkesan
- Personaliti mereka lebih menyerlah apabila murid-murid belajar untuk menghargai pandangan orang lain dan mengatasi konflik dalam organisasi
- Aspek-aspek ini sangat penting dalam pembentukan personaliti diri yang positif dan pemikiran matang

Kesimpulan

- Kegiatan kokurikulum memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan karakter murid di sekolah
- Sekiranya mereka ini tidak diberikan didikan yang sebaiknya melalui pelbagai medium, sudah tentu menempah keruntuhan akhlak yang berpanjangan
- Sudah tentu, perancangan rapi dalam arus pendidikan di Malaysia untuk melahirkan insan yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani telah dirancang sebaiknya bagi membantu setiap murid untuk menghadapi cabaran dunia luar sebelum tamat sesi persekolahan
- Oleh itu, setiap murid perlu mengambil bahagian dalam aktiviti kokurikulum dan memanfaatkan setiap peluang yang ada supaya mereka menjadi individu yang lebih berkualiti dan berdaya saing pada masa hadapan

- (i) Sebab-sebab Inggeris tidak boleh sewenang-wenangnya merampas tanah Onn
 - itu tanah pusaka ayah saya
 - itulah tanah anugerah Sultan
 - inggeris tidak boleh sesuka hati merampas tanah anak negeri
 - (ii) Sikap yang seharusnya ada pada seorang pemimpin

Bahan 1

 - pemimpin mestilah berani
 - musuh mesti ditentang dengan hati yang tabah

Bahan 2

 - tetap pendirian kepada prinsip perjuangan (Prinsip perjuangan tak boleh goyah)
 - menyuarakan masalah yang dihadapi oleh rakyat (Berbahas membela jelata marhaen)
 - memberikan perkhidmatan secara konsisten (Berkhidmat tiada penamat)
 - (iii) Kesan-kesan terhadap rakyat jika pemimpinnya seorang yang bertanggungjawab
 - rakyat hidup dalam keadaan harmoni
 - rakyat mempunyai peluang pekerjaan yang bersesuaian
 - masalah sosial dalam kalangan rakyat berkurangan
 - melahirkan modal insan kelas pertama
 - pendapatan rakyat akan bertambah baik
 - (iv) Program-program yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi membentuk pemimpin dalam kalangan murid.
 - program kem kepimpinan
 - program kerohanian
 - program pengukuhan pasukan
 - program penampilan diri/rupe diri
 - program pengucapan awam

3

Bil.	Salah	Betul
1	menghabiskan	meluangkan
2	memperolehi	memperoleh
3	kuat	bersungguh-sungguh
4	bergantung kepada	bergantung pada
5	hindar	menghindari
6	kata semangat-kata semangat	kata-kata semangat
7	golongan	pihak
8	saling nasihat-menasihati	saling menasihati/nasihat-menasihati
9	putus asa	berputus asa
10	Antara tip-tip	Antara tip/Tip-tip
11	dihadapan	di hadapan
12	kemushkilan	kemusykilan

Praktis 1

- 1 Maksud mengekang ledakan ialah menyekat pertumbuhan.
- 2 Berdasarkan bahan 1, kita perlu menghargai jasa pejuang tanah air kerana agama dan bahasa itu cermin maruah kita yang ditinggalkan nenek moyang. Selain itu, berdasarkan bahan 2 pula ialah tanah air yang kita kecapi pada hari ini diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih lima dekad yang lalu melalui satu persepakatan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu.
- 3 Pada pendapat saya, kesan sekiranya semangat cinta akan negara semakin luntur dalam kalangan remaja ialah kedaulatan negara akan tergugat, membantutkan pembangunan negara, kehidupan rakyat akan terjejas dan negara akan menjadi kucar-kacir ekor rakyat dan pemimpin tidak bersatu padu.
- 4 Sebagai rakyat yang prihatin saya akan menegurnya dan menasihati remaja tersebut dengan menggunakan bahasa yang sopan. Selain itu, saya akan memberitahu ibu bapa mereka tentang perbuatan yang dilakukan oleh anak-anak mereka dan melaporkan kepada pihak yang berkuasa.

Praktis 2

- 1 Maksud rambang mataku ialah sukar untuk membuat pilihan.
- 2 Berdasarkan bahan 1 manfaat berjimat cermat ialah wang lebihan tabungan digunakan terhadap perkara-perkara yang tidak dijangkakan seperti ditimpa musibah dan perlu mendapatkan rawatan segera dengan menggunakan wang sendiri. Selain itu, bagi bahan 2 pula manfaat berjimat cermat ialah kesejahteraan hidup wang tabungan akan dapat membantu ketika dalam kesusahan, dan untuk jaminan pada hari tua.
- 3 Pada pendapat saya, peranan ibu bapa dalam memupuk budaya berjimat cermat dalam kalangan anak-anaknya ialah ibu bapa perlulah mendidik anak-anak mereka sejak kecil dengan menggalakkan anak-anak mereka untuk membeli barangan yang hanya diperlukan sahaja. Selain itu, ibu bapa boleh mengamalkan budaya menabung ke dalam minda anak-anak dengan membuka akaun di bank. Seterusnya, ibu bapa juga boleh memupuk amalan ini dengan mengamalkan sikap kesederhanaan dalam kehidupan seharian.
- 4 Sebagai sepupu yang bertanggungjawab, saya akan menasihati sepupu saya itu secara berhemah agar dia tidak tersinggung dengan kata-kata yang saya lemparkan. Selain itu, saya akan mengajar dia tentang cara membuat perancangan perbelanjaan dengan mendahulukan barangan keperluan dan bukan barangan kehendak serta membuat perbandingan harga ketika membeli-belah. Saya juga akan mengajak sepupu saya

mengamalkan budaya menabung dengan membuka akaun di bank yang berdaftar.

Praktis 3

- 1 Maksud menjana perpaduan ialah melahirkan penggabungan.
- 2 Berdasarkan bahan 1, nilai positif yang terdapat dalam bahan yang dikemukakan ialah sikap seronok dan boleh melihat kawasan yang lain. Selain itu, berdasarkan bahan 2 nilai positif yang terdapat dalam bahan tersebut ialah beranikan diri dalam berperang, pertahankan bangsa dan negara, dan demi negara sanggup berkorban.
- 3 Pada pendapat saya, Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) wajar diwujudkan semula kerana program ini dapat meningkatkan semangat patriotisme dalam kalangan generasi muda, memupuk perpaduan kaum dan integrasi nasional serta membentuk perwatakan positif menerusi nilai-nilai murni. Selain itu, program ini juga secara tidak langsung akan dapat menyemarakkan semangat kesukarelaan justeru melahirkan generasi muda yang lebih cergas, cerdas dan penuh keyakinan diri.
- 4 Sebagai rakan yang baik, saya akan menasihati rakan saya agar menyertai kem jati diri dengan menyatakan kebaikan dan keseronokan menyertai kem tersebut. Selain itu, saya akan memberitahunya bahawa dia akan bertemu dengan rakan-rakan yang baharu dan dapat meluaskan pergaulan. Saya juga meminta bantuan daripada ibu bapanya untuk memujuk rakan saya menyertainya.

Praktis 4

- 1 Maksud menaakuli kebesaran-Mu ialah menghayati keindahan alam yang diciptakan oleh Tuhan.
- 2 Faedah-faedah membaca yang terdapat dalam bahan 2 ialah dapat meranum akal mematang peribadi, dengan membaca buku menambahkan ilmu dan tidak membuang masa. Selain itu, berdasarkan bahan 3 faedah membaca ialah dapat menimba ilmu sepenuh hati dan banyak maklumat akan diperoleh dengan membaca.
- 3 Pada pendapat saya, antara usaha yang boleh dilakukan oleh pihak kerajaan adalah dengan mengadakan kempen membaca kebangsaan, mengadakan pameran buku secara fizikal dan penambahan buku secara digital. Selain itu, pihak kerajaan boleh mewujudkan perpustakaan yang bergerak di kawasan-kawasan luar bandar, dan pihak kerajaan melalui sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia melancarkan program bacaan secara meluas sama ada secara fizikal atau dalam talian.
- 4 Sebagai rakan yang prihatin, saya akan menasihati rakan saya tentang kebaikan membaca dalam kehidupan dengan cara yang sopan. Selain itu, saya akan mengajak

rakan saya untuk berkunjung ke perpustakaan yang berhampiran untuk membuat bacaan. Saya juga mengajak rakan saya pergi ke pameran buku kerana di sana terdapat banyak jenis buku yang menarik.

SOALAN SEBENAR SPM

- (i) Akibat-akibat orang yang tidak berilmu
- Merana
 - Dijadikan hamba
 - Dihina
- (ii) Kepentingan-kepentingan ilmu kepada seseorang
- Bahan 1
- Sangat mulia
 - Disayangi orang sepanjang masa
 - Pembimbing/penerang di dunia dan di akhirat
 - Seperti lilin menerangi orang lain
 - Dipandang tinggi oleh masyarakat/disanjung tinggi masyarakat
- Bahan 2
- Mampu berjuang sebagai warga sebuah kota besar yang agung
- (iii) Usaha-usaha yang perlu dilakukan oleh golongan remaja untuk menambahkan ilmu pengetahuan
- Membaca
 - Menggunakan media massa/Internet/media sosial/rancangan televisyen
 - Meminta tunjuk ajar daripada guru/ibu bapa/ahli keluarga
 - Membuat kajian/penyelidikan
 - Melibatkan diri dalam program ilmu/kursus/motivasi
- (iv) Cadangan-cadangan yang dapat anda berikan kepada Mel supaya dia terus tinggal di desa
- Menjalankan pertanian/mengusahakan tanah
 - Mengusahakan perniagaan/IKS
 - Meminta Mel menjaga ibu bapa
 - Meminta Mel menjadi pemimpin belia

NOVEL

Praktis 1

- 1 Keadaan Rosman sebaik sahaja mendengar tawaran harga yang dinyatakan oleh Aqram ialah:
- Mulut Rosman ternganga
 - Hampir jatuh kerusi
 - Mata Rosman berkelip-kelip tetapi lidahnya kelu untuk bersuara
- 2
- (a) **Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib**
- Kepahlawanan dan Keberanian: Leftenan Adnan merupakan contoh ideal seorang pahlawan yang menunjukkan keberanian yang luar biasa dalam

mempertahankan tanah air. Sikapnya yang tidak gentar menghadapi musuh walaupun dalam situasi yang sukar mencerminkan semangat juang yang tinggi. Pembaca dapat mencontohi semangat dan dedikasi beliau dalam mempertahankan prinsip serta nilai-nilai yang diyakini, walaupun terpaksa menghadapi risiko yang besar.

- Kepimpinan dan Empati: Adnan juga menunjukkan sifat kepimpinan yang baik, di mana beliau bukan sahaja memimpin pasukannya dengan bijaksana, tetapi juga mengutamakan kebajikan anggota-anggota bawahannya. Beliau menunjukkan empati dan memahami kesukaran yang dihadapi oleh pasukannya, menjadikan mereka berasa dihargai dan terinspirasi untuk berjuang bersama. Sikap kepimpinan yang prihatin ini sangat wajar dicontohi dalam kehidupan seharian, terutamanya dalam membina hubungan yang baik dalam kumpulan atau masyarakat.

(b) **Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor**

- Ketabahan dan Kekuatan Mental: Watak utama iaitu Farisha dalam novel ini menunjukkan ketabahan yang luar biasa dalam menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan. Sikap tidak mudah putus asa dan kemampuannya untuk bangkit semula selepas menghadapi kegagalan atau kesedihan adalah contoh yang baik bagi pembaca. Ketabahan ini mengajar kita bahawa dalam kehidupan, walaupun kita berdepan dengan pelbagai dugaan, penting untuk tetap kuat dan terus berusaha.
- Keberanian untuk Memilih: Farisha juga menunjukkan keberanian dalam membuat pilihan yang sukar, terutama dalam situasi yang melibatkan perasaan dan nilai-nilai peribadi. Keberaniannya untuk bertindak berdasarkan prinsip dan keyakinan diri menjadi inspirasi kepada pembaca. Ini mengajar kita tentang pentingnya untuk berpegang pada nilai-nilai yang diyakini, walaupun menghadapi tekanan daripada orang lain atau keadaan sekeliling.

(c) **Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin**

- Lili seorang yang prihatin kerana dia sentiasa mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh keluarga Che Jah yang terpaksa berdepan dengan masalah sosial anak-anaknya iaitu Haziq dan Rafiq. Sikap prihatin ini membuatkan Lili ingin membantu Che Jah menyelesaikan kemelut keluarga yang dihadapi olehnya walaupun Lili masih muda. Peristiwa ini wajar dicontohi oleh pembaca kerana seseorang perlu bersikap prihatin atas kesusahan orang lain dan sanggup memberi bantuan ketika orang lain menghadapi masalah.

- Lili seorang yang pemaaf kerana walaupun Lili telah disakiti, diculik oleh anak Che Jah dan dibawa lari ke dalam hutan sebagai tebusan, Lili tidak berdendam sebaliknya dia memaafkan perbuatan dua beradik itu. Lili sendiri berjumpa dengan Che Jah dan menjelaskan keadaan yang telah dihadapinya tanpa sebarang rasa marah kerana dia merasakan anak-anak Che Jah layak mendapat peluang untuk berubah. Peristiwa ini wajar dicontohi oleh pembaca kerana seseorang perlu memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Sikap pemaaf juga dituntut oleh semua agama.

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

- Raiha tabah menghadapi dugaan dan kesukaran hidup. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha tetap tabah dan belajar bersungguh-sungguh dan akhirnya dia menjadi pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai Kasih. Raiha juga dimarahi oleh Doktor Sadiz kerana tidak mahu menggugurkan anak cacat yang dikandunginya sehingga sering menjadi bahan kemarahan Doktor Sadiz. Kematian anak perempuannya iaitu Rohayu memberikan tamparan yang besar kepada Raiha, namun dia tabah menghadapi semuanya itu walaupun mendapat cemuhan dan tentangan daripada suaminya Doktor Sadiz. Peristiwa ini wajar dicontohi oleh pembaca kerana seseorang perlu tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan.
- Raiha bertanggungjawab melakukan pembedahan ke atas Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan di dalam Pusat Rawatan Pantai Kasih. Dia terpanggil untuk melakukannya demi menyelamatkan nyawa doktor tersebut. Peristiwa ini wajar dicontohi oleh pembaca kerana seseorang perlu menanamkan sikap bertanggungjawab dalam setiap pekerjaan yang dilakukannya.

Praktis 2

- 1 Pak Saidi mewakafkan sebahagian tanahnya untuk dijadikan kawasan perkuburan.
 - Kawasan perkuburan lama ditenggelami banjir
 - Kawasan ini berbukit-bukau dan dekat dengan jalan

2

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa: Kebijaksanaan Leftenan Adnan menggunakan taktik semasa peperangan. Leftenan Adnan telah menghidu helah tentera Jepun yang menyamar sebagai askar India ketika cuba menyerang askar Melayu. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu bijak dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi.

- Peristiwa: Semangat cinta akan negara Leftenan Adnan yang berjuang mati-matian mempertahankan kubunya daripada jajahan askar Jepun demi mengelakkan kejatuhan kuasa negara kepada penjajah lain. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana sebagai rakyat kita perlu menanamkan semangat cinta akan tanah air dan sanggup memperjuangkan negara daripada dijajah oleh anasir luar.

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

- Peristiwa: Ketabahan Farisha apabila mengetahui bahawa dia hanyalah anak angkat keluarga Azraai. Azraai telah menyerahkan fail yang mengandungi dokumen yang mengandungi segala maklumat tentang diri Farisha. Walaupun kecewa, namun Farisha terpaksa menerima hakikat bahawa dia dan Azraai bukan lahir dari rahim yang sama. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu memiliki sikap tabah dalam mengharungi cabaran hidup.
- Peristiwa: Farisha tetap memaafkan ayahnya, Karl apabila dia berjanji akan sentiasa mengingati ayahnya itu ketika Farisha bertemu ayahnya yang sedang nazak di rumah agam milik Karl. Farisha turut menangis apabila mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata Karl turut mengalir di pipinya. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh orang lain dan jiwa kita akan menjadi tenang.

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: Lili seorang yang prihatin kerana dia sentiasa mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi oleh keluarga Che Jah yang terpaksa berdepan dengan masalah sosial anak-anaknya iaitu Haziq dan Rafiq. Sikap prihatin ini membuatkan Lili ingin membantu Che Jah menyelesaikan kemelut keluarga yang dihadapi olehnya walaupun Lili masih muda. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu bersikap prihatin atas kesusahan orang lain dan sanggup memberi bantuan ketika orang lain menghadapi masalah.
- Peristiwa: Lili seorang yang pemaaf kerana walaupun Lili telah disakiti, diculik oleh anak Che Jah dan dibawa lari ke dalam hutan sebagai tebusan, Lili tidak berdendam sebaliknya dia memaafkan perbuatan dua beradik itu. Lili sendiri berjumpa dengan Che Jah dan menjelaskan keadaan yang telah dihadapinya tanpa sebarang rasa marah kerana dia merasakan anak-anak Che Jah layak mendapat

peluang untuk berubah. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu memaafkan kesalahan yang dilakukan oleh orang lain. Sikap pemaaf juga dituntut oleh semua agama.

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Raiha tabah menghadapi dugaan dan kesukaran hidup. Walaupun ditentang oleh ayahnya, Raiha tetap tabah dan belajar bersungguh-sungguh dan akhirnya dia menjadi pakar bedah di Pusat Rawatan Pantai kasih. Raiha juga dimarahi oleh Doktor Sadiz kerana tidak mahu menggugurkan anak cacat yang dikandunginya sehingga sering menjadi bahan kemarahan Doktor Sadiz. Kematian anak perempuannya iaitu Rohayu memberikan tamparan yang besar kepada Raiha, namun dia tabah menghadapi semuanya itu walaupun mendapat cemuhan dan tentangan daripada suaminya Doktor Sadiz. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan dan ketabahan membuatkan seseorang itu menjadi tenang.
- Peristiwa: Raiha bertanggungjawab melakukan pembedahan ke atas Doktor Uwang yang cedera akibat kemalangan di kawasan Pusat Rawatan Pantai Kasih. Dia terpenggil untuk melakukannya demi menyelamatkan nyawa doktor tersebut. Huraian: Peristiwa ini menggembirakan pembaca kerana seseorang perlu menanamkan sikap bertanggungjawab dalam setiap pekerjaan yang dilakukannya.

Praktis 3

1 Reaksi Leftenan Adnan apabila melihat anak buahnya diperlakukan dengan zalim oleh tentera Jepun ialah:

- Darah Leftenan Adnan mendidih melihat perlakuan zalim tentera Jepun itu.
- Dia mengumpulkan segala kekuatan lalu bangun sambil menggenggam bayonet di tangan kanannya.
- Dia menerpa ke arah tentera Jepun lalu ditikamnya.

2

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa: Pak Saidi sanggup menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris di awal pagi walaupun tidak disukai oleh orang kampung tetapi demi masa depan anak-anaknya. Penduduk kampung khuatir anak Pak Said akan menjadi murtad. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan perasaan sayang seorang bapa terhadap anak-anaknya.
- Peristiwa: Leftenan Adnan sangat sayang akan isterinya, Sofea dan berasa sayu ketika ingin meninggalkannya di Sungai Ramal sebelum dia

berangkat ke Singapura untuk berjuang menyekat kemaraan Jepun. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang suami terhadap isterinya yang sedih dan sanggup meninggalkan isterinya untuk melaksanakan tugasannya.

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

- Peristiwa: Farisha amat menyayangi abangnya, Azraai dan dia menangis apabila mengetahui abangnya menghadapi masalah jantung. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang adik kepada abangnya walaupun bukan saudara kandung.
- Peristiwa: Marilyn @ Medina sangat sayang akan anaknya, Farisha. Dia bimbang anaknya akan mati jika uji kaji dan penanaman pelbagai ubat ke dalam badan oleh Karl tidak dihentikan. Marilyn melarikan Farisha daripada Karl. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu terhadap anaknya sehingga tidak sanggup melihat anaknya dipergunakan oleh ayah kandung demi kepentingan diri sendiri.

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: ibu Lili yang sangat sayang akan anaknya Lili. Ibu Lili menolong mengeringkan tubuh anaknya yang baru selesai mandi walaupun Lili sudah berusia 17 tahun. Ibu Lili juga mengusap-usap rambut Lili dalam usaha memastikan Lili rela hati mengikut permintaannya pulang ke kampung. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu yang tidak berbelah bahagi terhadap anaknya.
- Peristiwa: Lili yang berusaha mematuhi permintaan ibunya untuk menghabiskan cuti persekolahan terakhirnya di kampung datuk. Lili sebenarnya berhasrat untuk bersama-sama teman sekelas terutama sekali menyertai majlis perpisahan pengetua sekolah. Lili tidak membantah kerana dia ingin melihat ibunya gembira. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang anak terhadap ibunya dan tidak sanggup melihat ibunya bersedih.

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Raiha begitu sayang akan anaknya Rohayu walaupun didapati Rohayu cacat sebelum dilahirkan lagi. Baginya, anaknya itu mempunyai hak untuk lahir dan mendapatkan kasih sayangnya. Selepas Rohayu dilahirkan, Raiha menghabiskan banyak masa melayani Rohayu berbanding bekas suaminya Doktor Sadiz. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ibu yang tiada tandingannya terhadap anak-anak.
- Peristiwa: Bapa Doktor Raiha menyayangi anaknya itu apabila dia tidak mahu Doktor Raiha mengahwini

Doktor Sadiz kerana Doktor Sadiz tidak sesuai dengan Doktor Raiha dan umur Doktor Sadiz hampir sebaya dengannya. Huraian: Peristiwa ini menunjukkan kasih sayang seorang ayah terhadap anaknya yang mahu melihat anaknya bahagia.

Praktis 4

1 Felicia tidak lagi bertugas pada sebelah pagi kerana:

- Dia dan Doktor Raiha bertegang urat tempoh hari.
- Ketegangan yang tercetus akibat tidak puas hati Doktor Raiha terhadap layanannya kepada ibu Unong Siron, ibu pesakit muda yang baru selesai menjalani operasinya yang keenam itu.

2

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa, karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa: Pak Saidi sanggup menghantar anak-anaknya ke sekolah Ingeris di awal pagi walaupun tidak disukai oleh orang kampung tetapi demi masa depan anak-anaknya. Penduduk kampung khuatir anak Pak Said akan menjadi murtad. Huraian: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kepada pembaca kerana sebagai seorang bapa seharusnya memikul tanggungjawab dalam memastikan masa hadapan anak-anak terjamin.
- Peristiwa: Leftenan Adnan sangat sayang akan isterinya, Sophia dan berasa sayu ketika ingin meninggalkannya di Sungai Ramal sebelum dia berangkat ke Singapura untuk berjuang menyekat kemaraan Jepun. Huraian: Peristiwa ini boleh dijadikan teladan kepada pembaca kerana seseorang itu mestilah sanggup memperjuangkan tanah airnya walaupun terpaksa berpisah dengan keluarga tersayang.

(b) Di Sebalik Dinara, karya Dayang Noor

- Peristiwa: Farisha gigih memajukan Syarikat perunding keselamatan sistem komputer iaitu Syarikat Secured Shell Sdn. Bhd. yang ditubuhkan bersama Rosman. Mereka telah menerima tawaran projek yang lumayan di Senawang dan Soft Lab. Mereka menerima tawaran tersebut demi memajukan syarikat bersama itu. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana kegigihan Farisha dalam perniagaan pada usia yang muda.
- Peristiwa: Marilyn @ Medina sangat sayang akan anaknya, Farisha. Dia bimbang anaknya akan mati jika uji kaji dan penanaman pelbagai ubat ke dalam badan oleh Karl tidak dihentikan. Marilyn melarikan Farisha daripada Karl. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana sebagai seorang ibu mestilah memikul tanggungjawab dalam

memastikan anak-anak berada dalam keadaan yang selamat.

(c) Jendela Menghadap Jalan, karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: Ibu Lili yang sangat sayang akan anaknya Lili. Ibu Lili menolong mengeringkan tubuh anaknya yang baru selesai mandi walaupun Lili sudah berusia 17 tahun. Ibu Lili juga mengusap-usap rambut Lili dalam usaha memastikan Lili rela hati mengikut permintaannya pulang ke kampung. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana sebagai seorang ibu mestilah memberikan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi terhadap anaknya.
- Peristiwa: Lili yang berusaha mematuhi permintaan ibunya untuk menghabiskan cuti persekolahan terakhirnya di kampung datuk. Lili sebenarnya berhasrat untuk bersama-sama teman sekelas terutama sekali menyertai majlis perpisahan pengetua sekolah. Lili tidak membantah kerana dia ingin melihat ibunya gembira. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana sebagai seorang anak mestilah memberikan kasih sayang terhadap ibunya dan tidak sanggup melihat ibunya bersedih.

(d) Pantai Kasih, karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Doktor Raiha memaafkan Felicia Landosi yang telah berterus terang bahawa dia terlibat dalam kejadian kemalangan yang menimpa anak Doktor Raiha. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana sikap mudah memaafkan kesalahan orang lain demi hubungan baik sesama manusia.
- Peristiwa: Doktor Raiha tetap meneruskan kandungannya walaupun dipaksa oleh suaminya Doktor Sadiz supaya menggugurkan kandungan apabila mengetahui anak yang dikandung oleh Doktor Raiha itu sindrom down/cacat. Huraian: Peristiwa ini menjadi teladan kepada pembaca kerana perjuangan seorang ibu yang tegas dalam mempertahankan kandungannya yang cacat dan reda dengan ketentuan Tuhan.

SOALAN SEBENAR SPM

- (i) Apakah yang berlaku pada kereta Doktor Sadiz
 - Merapati sebuah lori tangki minyak
 - Merempuh belakang lori
 - Terperosok di bawah lori tangki minyak
 - Hangus rentung dijilat api
- (ii) Peristiwa yang tidak sepatutnya berlaku dalam kalangan masyarakat dan cadangan penyelesaian terhadap masalah tersebut bagi setiap novel.

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa: Kawan-kawan sekelas Adnan mengejek Adnan kerana mahu masuk pertandingan syarahan dalam bahasa Inggeris. Huraian: Sepatutnya, mereka bersama-sama menyertai pertandingan syarahan tersebut walaupun tidak fasih bahasa Inggeris.
- Peristiwa: Penduduk kampung mahu menghalau keluarga Pak Saidi kerana beliau menghantar anak-anaknya ke sekolah Inggeris. Huraian: Sepatutnya, penduduk kampung perlu berbincang untuk mendapatkan penjelasan terlebih dahulu sebab utama memilih aliran Inggeris.
- Peristiwa: Nordin mengerat tayar basikal Pak Saidi kerana marah akan Pak Saidi yang mengadu kepada bapanya bahawa dia mencuri buah rambutan penduduk kampung. Huraian: Sepatutnya beliau perlu mengakui kesalahan yang dilakukan serta terus memohon maaf bagi meredakan keadaan.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa: Medina sanggup menculik anaknya, Farisha dengan mengupah Farid dan Amin. Huraian: Sepatutnya perbincangan perlu dilakukan agar tidak melakukan kesalahan yang luar kawalan sehingga menyalahi undang-undang.
- Peristiwa: Karl tidak menjalankan tanggungjawab sebagai seorang suami dengan baik kerana memaksa isterinya, Rusmina untuk meninggalkan agama Islam. Huraian: Sepatutnya sebagai seorang suami perlu bertanggungjawab untuk membimbing isteri atau keluarganya ke arah kebaikan.
- Peristiwa: Seorang wanita di Lapangan Terbang Senai telah bercakap menggunakan telefon dengan suara yang kuat sehingga mengganggu orang yang berada di sekelilingnya. Huraian: Kita perlu menghormati hak orang lain ketika berada di tempat awam.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin

- Peristiwa: Seman yang bersifat baran sering melakukan keganasan rumah tangga dengan memukul dan menyepak isterinya sendiri. Huraian: Sepatutnya sebagai masyarakat yang bertanggungjawab kita perlu membuat aduan kepada pihak berkuasa.
- Peristiwa: Datuk Lili menghisap rokok tembakau ketika berada bersama-sama Lili dan

nenek. Huraian: Sepatutnya, sebagai seorang yang telah lanjut usia perlu berhenti merokok demi kesihatan yang baik.

- Peristiwa: Golongan tua di Kampung Sentosa masih mempercayai perkara karut seperti surau di kampung itu tidak boleh diubah suai sepanjang tempoh 50 tahun. Huraian: Sepatutnya masyarakat perlu membuat aduan kepada Majlis Agama bagi memberikan penjelasan yang baik.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Doktor Uwang gagal melakukan pembedahan terhadap Unong Siron sebanyak 5 kali kerana mementingkan keuntungan. Huraian: Sepatutnya waris perlu mendapatkan penjelasan sebaiknya dan menggantikan dengan doktor pakar.
- Peristiwa: Doktor Raiha dituduh di mahkamah oleh Doktor Sadiz sebagai punca kematian Ayu padahal dia yang menyebabkan kematian anaknya. Huraian: Sepatutnya Doktor Raiha perlu mendapatkan khidmat peguam bagi membela diri sekiranya tidak bersalah.
- Peristiwa: Doktor Uwang menghabiskan masa dengan berfoya-foya di kelab malam walaupun telah beristeri. Huraian: Sepatutnya, Doktor Uwang perlu mengamalkan gaya hidup sihat dan bermoral sebagai teladan dalam keluarga.

2 (i) Sebab-sebab ayah Adnan tidak menceritakan asal-usul keturunan mereka

- Pesanan datuk kamu/Adnan
- Moyang kita penentang Inggeris, menjadi orang buruan penjajah
- Ayah tak mahu orang ramai memandang serong kepada kita
- Ramai yang terpengaruh akan dakwah Inggeris dengan mengatakan mereka yang menentang itu ialah penderhaka
- Ada pula yang menjadi tali barut Inggeris dan mereka akan melaporkannya kepada Inggeris

(ii) Peristiwa yang menimbulkan rasa kagum pembaca

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip bin Talib

- Peristiwa: Adnan menyertai pertandingan pidato Bahasa Inggeris walaupun belum fasih berbahasa Inggeris semasa di peringkat persekolahannya dengan cara berlatih bersungguh-sungguh sehingga memenangi pertandingan tersebut. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap sentiasa berusaha mampu melakarkan kejayaan

yang diinginkan.

- Peristiwa: Adnan sentiasa membantu ayahnya di kebun getah pada waktu pagi dan ke sawah pada waktu petang. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana tingkah laku seorang anak yang ringan tulang membantu ayahnya.
- Peristiwa: Leftenan Adnan dan askar Melayu bersungguh-sungguh mempertahankan Bukit Candu daripada serangan tentera Jepun walaupun kaki Adnan tercedera akibat ditembak oleh tentera Jepun. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana semangat perjuangan yang tinggi dalam diri untuk menyelamatkan tanah air daripada cengkaman penjajah.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa: Aqram telah menegur seorang wanita sewaktu urusan daftar masuk di kaunter lapangan terbang dengan sopan kerana berbual dengan suara yang kuat semasa menggunakan telefon. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap hemah tinggi dalam diri seseorang ketika menegur orang lain tanpa mengeluarkan kata-kata kesat.
- Peristiwa: Aqram berusaha mendapatkan bukti yang kukuh untuk memastikan Farisha bersalah dengan mengambil cawan yang mempunyai kesan air liur Farisha bagi ujian DNA. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keunikan dan kecanggihan teknologi mampu menyelesaikan sesuatu masalah dengan lebih tepat.
- Peristiwa: Farisha berjaya melepasi sistem keselamatan Bank Sapurba yang tidak dapat dilakukan oleh orang lain sehingga dia ditawarkan projek mini di Soft Lab. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana kebijaksanaan seseorang dalam sesuatu bidang mampu membuka peluang dalam kehidupan.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa: Lili memanfaatkan masa dengan membaca buku Panduan Pemakanan Sihat Melalui Sayur-sayuran dan Buah-buahan sementara menunggu bas bergerak ke Dungun, Terengganu. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana keperibadian seseorang yang dapat memanfaatkan masa dengan perkara berfaedah.

- Peristiwa: Geetha yang bergaul mesra dengan Lili seolah-olah telah lama mengenali antara satu sama lain ketika di dalam bas menuju ke Dungun, Terengganu. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap ramah mesra yang ditunjukkan walaupun berbeza kaum yang dapat memupuk perpaduan.
- Peristiwa: Lili sanggup menjadi saksi kes keganasan rumah tangga Che Jah apabila diminta oleh Kak Mimah. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap sukarela untuk membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang yang memerlukan pertolongan.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa: Unong Siron terpaksa menjalani pembedahan sendi tulang pinggul sebanyak enam kali di Pusat Rawatan Pantai Kasih dan menanggung kesakitan yang berpanjangan. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana ketabahan seseorang pesakit yang telah menjalani pembedahan pada tempat yang sama.
- Peristiwa: Doktor Raiha tetap bersemangat dan mencapai cita-cita untuk menjadi seorang doktor pakar bedah walaupun mendapat tentangan daripada ayahnya yang berpendapat doktor pakar bedah mempunyai cabaran yang besar dan sesuai untuk lelaki sahaja. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana pendirian yang tetap dalam kehidupan mampu mencapai cita-cita walaupun mendapat tentangan daripada pelbagai pihak.
- Peristiwa: Doktor Raiha memaafkan Felicia Landosi yang telah berterus terang bahawa dia terlibat dalam kejadian kemalangan yang menimpa anak Doktor Raiha. Huraian: Peristiwa ini menimbulkan rasa kagum pembaca kerana sikap memaafkan kesalahan orang lain demi mengeratkan hubungan baik antara sesama manusia.

- 3 (i) Kelebihan-kelebihan yang ada pada Karl
- Pernah memenangi anugerah inovasi peringkat kebangsaan.
 - Pernah ditemu ramah oleh pihak media.
 - Sering diundang untuk acara-acara berkaitan sains dan teknologi inovasi.
 - Merupakan seorang penyelidik dan pencipta.

(ii) Satu peristiwa yang dapat diteladani pembaca

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa Leftenan Renya Mutuguchi mengambil bayonet lalu menikam perut Leftenan Adnan. Kemudian, seorang demi seorang tentera Jepun mengambil giliran untuk menikam tubuh Leftenan Adnan. Jeneral A.E. Peristiwa ini dapat diteladani pembaca kerana babak tersebut menunjukkan betapa Leftenan Adnan berjuang mempertahankan tanah air sehingga sanggup menggadaikan nyawanya.
- Peristiwa penduduk kampung digambarkan menentang hasrat Pak Saidi untuk menghantar anak-anaknya bersekolah di sekolah Inggeris. Peristiwa itu dapat diteladani oleh pembaca kerana sebagai pembaca kita sepatutnya menilai kepentingan pendidikan terhadap masa depan negara dan perlu berfikir terlebih dahulu sebelum membuat sebarang keputusan.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa Karl menghembuskan nafasnya yang terakhir tepat pukul 7.00 malam dan Karl berwasiat supaya mayatnya dibakar dan abunya ditaburkan di Selat Melaka. Upacara menaburkan abu mayat Karl telah dilakukan di Port Dickson. Menerusi peristiwa ini, pembaca boleh meneladani bahawa urusan kematian seseorang itu perlu disempurnakan dengan baik.
- Peristiwa Aqram menawarkan projek bernilai 1.5 juta kepada Farisha dan Rosman. Walaupun mereka baru sahaja berkenalan, tetapi Aqram dilihat bersungguh-sungguh dalam urusan berkenaan. Peristiwa ini boleh diteladani kerana, sebagai manusia kita perlu berhati-hati ketika berurusan dengan orang yang baru sahaja dikenali kerana bimbang jika ada niat yang buruk daripadanya.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa Lili yang berasa gembira apabila melihat ibunya sedang berbual-bual mesra dengan datuk dan neneknya. Pada babak itu, nenek Lili memberitahunya sebab jendela dibina menghadap ke jalan. Dalam peristiwa ini, pembaca boleh meneladani kisah bahawa walaupun sesuatu hubungan itu sudah lama tidak terjalin, tetapi boleh disatukan semula selepas masing-masing menurunkan ego mereka.
- Peristiwa datuk Lili yang masih tidak pulang ke rumah walaupun hari sudah malam hingga mencetuskan kebimbangan kepada nenek.

Peristiwa ini boleh diteladani oleh kita sebagai pembaca agar sentiasa memaklumkan keberadaan kita kepada orang lain supaya tidak menimbulkan kerisauan, terutamanya kepada ibu bapa yang menyayangi kita.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Felicia memanggil Raiha yang ketika itu sedang melangkah ke garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Felicia menangis tersedu-sedan dan meminta maaf daripada Raiha atas kesilapannya. Menerusi peristiwa itu, pembaca boleh meneladani sikap watak yang perlu meminta maaf selepas berbuat silap kepada orang lain untuk memastikan hubungan kekal.
- Peristiwa pencerobohan seorang pemuda yang tidak dikenali ke Pusat Rawatan Pantai Kasih (PRPK). Semasa kejadian, suasana sangat kelam kabut dan telah menimbulkan suasana saspens. Daripada peristiwa ini, pembaca dapat meneladani untuk sentiasa berjaga-jaga dan memastikan keselamatan kawasan tempat tinggal seperti rumah dan sekolah yang turut boleh diceroboh sekiranya tidak dikawal dengan baik.

4 (ii) Dua peristiwa yang dapat menimbulkan keinsafan kepada pembaca.

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa Adnan yang sentiasa mempunyai semangat pahlawan dalam dirinya meskipun banyak askar yang telah terkorban. Dalam kejadian itu, Adnan mengalami kecederaan yang sangat parah namun beliau tidak mahu mengalah dan berundur. Setelah bergelut dengan situasi yang mencemaskan, Adnan dibunuh di bawah pokok ceri dengan menggunakan bayonet. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana Adnan sanggup mempertaruhkan nyawanya untuk mempertahankan negara.
- Peristiwa Lebai Pian yang mencadangkan sesuatu berbaur hasutan supaya keluarga Pak Saidi dihalau keluar dari Kampung Sungai Ramal jika terus menghantar anak-anaknya ke Sekolah Inggeris. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai penduduk kampung, kita tidak sepatutnya mempunyai hasad dengki terhadap orang lain terutamanya dalam usaha mencari ilmu.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa Farisha yang masih bayi menjadi uji kaji ayahnya. Ayahnya, Karl, menanam implan ke dalam tubuh Farisha semata-mata untuk menjadikan anaknya itu genius pada masa akan datang. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai bapa, Karl tidak sepatutnya bertindak sebegitu semata-mata untuk mencapai matlamat dirinya.
- Peristiwa Azraai yang memasang *retinal scanner* pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha, untuk melindungi gadis itu daripada sebarang perkara yang tidak diinginkan. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana di luar sana masih ada adik-beradik yang sering bergaduh hanya disebabkan perkara yang kecil sedangkan kedua-dua watak ini menunjukkan contoh terbaik dan perlu diteladani.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa Lili tidak membantah permintaan ibunya supaya dia pulang ke kampung halaman di Dungun, Terengganu pada cuti sekolah. Walaupun Lili sudah mempunyai rancangan sendiri bersama-sama rakannya yang lain, tetapi Lili tetap akur akan permintaan ibunya itu. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai anak, kita hendaklah sentiasa menunaikan permintaan ibu sebelum sesuatu perkara tidak diinginkan berlaku.
- Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anaknya. Seman digambarkan sebagai lelaki kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana golongan wanita dan kanak-kanak tidak wajar dilayan sedemikian rupa kerana mereka golongan yang sepatutnya dilindungi.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Sister Felicia yang memberikan layanan buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Sister Felicia dengan kasarnya memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan 'sapi tua'. Peristiwa ini memberikan keinsafan kepada pembaca kerana sebagai penjawat awam, Sister Felicia sepatutnya mengamalkan etika profesionalisme ketika berhadapan dengan orang awam walaupun sedang menghadapi masalah.
- Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha menggugurkan kandungannya kerana

bayi yang bakal lahir itu didapati OKU. Dr. Sadiz berasa malu akan keadaan anaknya dan bimbang jika masyarakat memandang serong terhadap mereka. Peristiwa ini menimbulkan keinsafan kepada pembaca kerana setiap ibu bapa perlulah reda akan amanah yang diberikan oleh Allah dan perlulah menjaga amanah tersebut dengan baik.

5 (i) Tekanan-tekanan yang dihadapi oleh Raiha

- Berasa dirinya dikejar bayangan Doktor Sadiz
- Berasa sepi, terasing dan amat terkilan
- Wujud perasaan yang menakutkannya
- Cukup menyeksa dunia batinnya
- Sukar merehatkan diri di pembaringannya

(ii) Peristiwa yang menggembirakan

(a) Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib

- Peristiwa yang menggembirakan saya yang pertama ialah peristiwa Pak Saidi berjaya membunuh beberapa orang tentera Jepun. Pak Saidi telah melawan dan menikam tentera Jepun dengan hanya menggunakan sebilah keris pusaka peninggalan ayahnya. Pak Saidi telah berjaya membunuh lima orang dan mencederakan 15 orang tentera Jepun yang lain semasa dia dipaksa menaiki trak oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana saya kagum akan semangat patriotik dan keberanian Pak Saidi yang sanggup berjuang mempertahankan maruah negara dan keluarga hingga titisan darah terakhir.
- Peristiwa yang menggembirakan saya yang kedua ialah peristiwa penduduk kampung yang tidak memberikan maklumat kepada tentera Jepun yang mencari ahli keluarga Leftenan Adnan di Kampung Sungai Ramal. Mereka menyembunyikan keluarga Adnan. Hanya Pak Saidi yang berjaya dikesan oleh Leftenan Renya Mutuguchi. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana wujudnya kerjasama dalam kalangan penduduk kampung untuk menyelamatkan keluarga Leftenan Adnan yang telah terkorban demi negara.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Farisha, Rosman dan Aqram telah menghadiri Simposium Keselamatan Sistem di Hotel Renaissance. Farisha teruja kerana setiap peserta diberi peluang untuk menggodam sistem komputer di Amerika Syarikat dan Jepun. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana

walaupun Farisha, Rosman dan Aqram telah menjadi pakar dalam bidang komputer tetapi mereka tidak melepaskan peluang untuk menambahkan pengetahuan dalam bidang tersebut.

- Peristiwa yang menggembirakan saya adalah apabila Shida, rakan serumah Farisha sentiasa membantu Farisha seperti menghantar Farisha ke stesen monorel, menghantar ke Soft Lab dan membantu Farisha menyemak dokumen kontrak. Saya berasa gembira kerana Farisha bertuah memiliki sahabat yang baik ketika susah dan senang.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa pertemuan Farisha dengan Karl ketika Karl sedang nazak. Farisha bertemu dengan Karl yang semakin tenat di rumah agam. Ketika pertemuan itu, Farisha hanya merenung wajah Karl yang kelihatan cengkung. Farisha berjanji kepada Karl bahawa dia akan sentiasa mengingati ayahnya itu. Farisha menangis mengucapkan selamat tinggal kepada Karl dan tidak semena-mena air mata mengalir di pipi lelaki itu. Pembaca berasa gembira kerana akhirnya Farisha berpeluang menemui ayah kandungnya buat kali terakhir.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga Che Jah. Contoh: Lili telah berjaya menyelesaikan kemelut rumah tangga Che Jah dengan bantuan Puan Hamimah, Pegawai Kebajikan Masyarakat.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Danel menyiapkan artikel ‘Segalanya Tentang Pisang’. Contoh: Danel berjaya menyiapkan berbelas-belas artikel tentang pisang dalam sebuah buku.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Rafik dan Haziq menyambung pelajaran. Contoh: Mereka berdua telah berubah dan insaf dengan bantuan datuk Lili. Akhirnya mereka akan menduduki peperiksaan PMR sebagai calon persendirian.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa kejayaan Lili dan Danel menyelesaikan isu kubah. Contoh: Lili dan Danel berasa amat gembira kerana akhirnya mereka berjaya menyelesaikan isu kubah dengan mencadangkan kubah itu diletakkan di masjid baharu yang bakal dibina.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha bertanggungjawab membedah Doktor Uwang setelah beliau terlibat dalam kemalangan iaitu terlanggar tembok garaj kereta Pusat Rawatan Pantai Kasih. Pembedahan harus dilakukan segera bagi menyelamatkan nyawa Doktor Uwang dan menggantikan sendi pada lutut dan sebelah pergelangan tangannya yang parah. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha sentiasa bertanggungjawab terhadap tugasnya sebagai seorang doktor.
- Peristiwa yang menggembirakan saya ialah peristiwa Doktor Raiha yang telah mengusap dahi Felicia Landosi sambil tersenyum dan menasihatinya. Doktor Raiha bersedia memaafkan Felicia Landosi dan menerima semua takdir itu dengan menyatakan bahawa mereka merupakan mangsa keadaan. Peristiwa ini menggembirakan saya kerana Doktor Raiha telah memaafkan kesilapan Felicia Landosi dan beliau pasrah menerima takdir hidupnya.

KERTAS MODEL PRA-SPM

KERTAS 1

BAHAGIAN A

Pendahuluan

Rumah pasang siap merupakan salah satu sistem pembinaan rumah atau bangunan yang dinamakan Sistem Bina Berindustri atau Rumah IBS – bangunan jenis ini mendapat tempat dalam kalangan pembina dan para pembeli – terdapat banyak manfaat yang diperoleh daripada jenis rumah IBS

Isi 1

Lebih menjimatkan kos dan proses pembuatannya lebih cepat – ramai pembeli yang mahu memiliki aset tersebut dengan segera – oleh itu, kontraktor pada masa ini lebih memilih pembinaan kategori IBS seperti kerangka kayu, sistem blok dan sistem acuan – jelaslah bahawa kos dan waktu pembuatan yang cepat menjadi sebab utama jenis binaan ini mendapat perhatian pembeli

Isi 2

Selain itu, kualitinya lebih ringan dan kukuh – bukan itu sahaja jenis binaan ini juga tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai – hal ini dikatakan demikian kerana hanya menggunakan jenis konkrit pratuang, kerangka keluli dan kerangka kayu – jenis ini lebih memudahkan pekerja – sudah terang lagi bersuluh manfaat ini merupakan penyebab ramai kontraktor lebih tertarik untuk mendirikan bangunan ini

Kesimpulan

Binaan bangunan yang menggunakan prapasang dan disiapkan separa di kilang dalam keadaan terkawal dan diselia lebih memudahkan pelbagai pihak – menjimatkan masa pelbagai pihak – masa itu emas – menggalakkan belia kini terlibat dalam industri yang semakin maju – memajukan ekonomi negara menerusi sektor pembinaan

BAHAGIAN B

1 Pendahuluan

Budaya membaca budaya mulia – slogan ini sering disebarkan di media massa untuk menggalakkan masyarakat mengamalkan budaya membaca – oleh yang demikian pelbagai inisiatif dilaksanakan oleh kerajaan termasuklah dengan penganjuran Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) pada setiap tahun – penganjurannya mendapat sambutan daripada pelbagai lapisan umur – hal ini dikatakan demikian kerana terdapat pelbagai manfaat daripada penganjuran PBAKL kepada generasi muda

Isi 1

Membolehkan generasi muda meluangkan masa dengan perkara berfaedah – saban hari negara digemparkan dengan gejala sosial yang semakin membimbangkan ramai pihak – penganjuran PBAKL boleh menjadi usaha dominan untuk memberikan peluang kepada pelajar-pelajar sekolah yang tidak mempunyai aktiviti khusus terutamanya pada hujung minggu – boleh juga menambahkan ilmu pengetahuan tentang isu semasa dan mengukuhkan tahap IQ mereka terhadap mata pelajaran menerusi pembacaan

Isi 2

Menjadikan generasi muda gemar membaca – mengelakkan peratusan kadar buta huruf terus meningkat – hal ini dikatakan demikian kerana ramai dalam kalangan murid pada masa ini lebih gemar menggunakan gajet yang menyebabkan penguasaan literasi dan numerasi tidak memuaskan – justeru, ibu bapa dan guru perlulah menjadikan PBAKL sebagai medium ampuh untuk mengatasi masalah ini

Isi 3

Membekalkan generasi muda dengan persediaan menjadi pemimpin yang berilmu – hal ini dikatakan demikian kerana pelbagai genre buku yang boleh didapati di PBAKL sebagai bahan pembacaan – sebagai contoh, buku-buku pengurusan kepimpinan dan pengurusan emosi dalam kalangan tokoh – amalan ini juga boleh membekalkan generasi muda dengan sikap profesional – menjadikan generasi lebih rasional dan matang dalam tindak-tanduk – tidak hanya terpengaruh dengan media sosial semata-mata namun menjadikan pembacaan sebagai asas dalam tindakan

Kesimpulan

Penganjuran PBAKL sememangnya memberikan implikasi positif kepada generasi muda – penghargaan yang telah diberikan oleh UNESCO kepada Kuala Lumpur pada 2020 perlulah dijadikan pembakar semangat kepada masyarakat untuk terus mengamalkan amalan murni ini – para penerbit buku juga diharapkan terus bergiat aktif dalam proses percetakan pelbagai genre bacaan agar generasi muda tidak terus hanyut dengan kemodenan arus teknologi – jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya

2 Pendahuluan

Salutati – Salam sejahtera saya ucapkan kepada Ketua Pengarah Eksekutif Karnival Asas Tani Peringkat Daerah Jasin, Dato' Zulfakar bin Haji Hussin – terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana diberikan peluang menyampaikan ucapan dalam majlis ini Penanaman Rosel atau nama saintifiknya Hibiscus Sabdariffa yang terkenal dengan khasiat telah berkembang menjadi pelbagai produk untuk tujuan kesihatan – dijadikan kordial, acar dan halwa – mempunyai khasiat yang tinggi dengan zat vitamin C – tumbuhan ini juga dikatakan amat bernilai kerana dikatakan mampu menandingi kebaikan pokok kelapa atau buluh yang dikatakan serba guna – tumbuhan ini perlu terus dikomersialkan dengan cara yang betul

Isi 1

Produk dipasarkan secara segar ke pasaran terkemuka dan menjadikannya sebagai produk – dengan cara ini produk ini akan terus berkembang dan boleh digunakan oleh khalayak – pengusaha IKS juga boleh dinasihatkan untuk mempelbagaikan produk Rosel seperti kek, kuih dan produk pengetinan yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat – justeru itu, pengusaha IKS perlulah mengambil peluang untuk menghadiri kursus-kursus yang ditawarkan oleh pihak kerajaan – mengembangkan potensi perniagaan

Isi 2

Pengusaha memohon modal daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) – banyak sumber kewangan yang diperuntukkan untuk membantu peniaga di negara ini – pengusaha perlu rajin untuk mencari peluang – banyak maklumat boleh diperolehi di media sosial hanya di hujung jari tanpa perlu berbaris panjang di kaunter – setiap tahun ada banyak peruntukan yang disediakan menerusi belanjawan negara – perkara ini memberikan manfaat kepada pengusaha namun mereka dinasihatkan untuk tidak mensia-siakan bantuan seperti melepaskan batuk di tangga

Isi 3

Pengusaha mendapatkan bantuan daripada Bank Pertanian Malaysia – bantuan tersebut untuk mengembangkan potensi perusahaan – terdapat pelbagai bentuk bantuan perniagaan yang tersedia – sebagai contoh Program TERAJU Smart Farming, Program Pembiayaan Input Pengeluaran Agromakanan, Program AGRO YES 2.0 dan Program Pembiayaan Mudah Tanam Semula – menyediakan kemudahan pembiayaan khusus disasarkan untuk usahawan muda dalam sektor pertanian menghasilkan pendapatan progresif dan berdaya saing – terus berkunjung ke cawangan bank pertanian berdekatan

Kesimpulan

Terdapat banyak cara lagi untuk mengkomersialkan tanaman seperti rozel – sekiranya tidak jelas boleh berkunjung ke Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk mendapatkan maklumat – pengusaha juga dinasihatkan terus mencari peluang yang disediakan bagi mengembangkan perusahaan ke peringkat yang lebih tinggi – di mana ada semut di situ ada gula

3 Pendahuluan

Revolusi Industri 4.0 atau lebih dikenali sebagai IR 4.0 ialah kemajuan yang banyak dipengaruhi oleh persekitaran baharu – memberikan cabaran baharu kepada semua sektor untuk melibatkan teknologi dalam proses pembuatan – banyak manfaat yang diperolehi negara menerusi IR 4.0 – golongan muda juga dinasihatkan untuk menceburkan diri dalam revolusi ini – apakah persediaan-persediaan yang boleh dilakukan oleh mereka?

Isi 1

Golongan muda perlu mendapatkan latihan tenaga kerja mahir dalam kemahiran yang diperlukan – kebergantungan industri terhadap sumber manusia bakal digantikan dengan sumber teknologi – tenaga manusia akan berkurangan pada masa hadapan – peluang individu yang memiliki kemahiran teknologi akan lebih luas – sebagai contoh aplikasi pintar dan jurutera program dan pakar teknologi – kerajaan boleh mempertingkatkan peruntukan untuk membangun dan menyediakan lebih banyak program latihan di institut pengajian tinggi – lebih ramai golongan muda tertarik untuk melibatkan diri dalam sektor ini

Isi 2

Golongan muda juga perlu menambahkan kecekapan pengurusan dan kos sesebuah organisasi – mereka akan terlibat sebagai pemain industri jadi perlu memberikan komitmen yang padu – mampu membantu industri

mencapai tahap daya saing yang konsisten menerusi pengurusan operasi dan pengurangan kos – turut memberikan impak besar terhadap keperluan sumber manusia – industri perlu menganalisis kebolehan dalam mengadaptasi teknologi serta kesan jangka panjang dalam usaha mengubah corak penghasilan produk

Isi 3

Golongan muda perlu menguasai pelan ekonomi yang dibangunkan oleh pihak kerajaan – supaya bukan sekadar menjadi pelaksana malah mengembangkan potensi kepada individu yang bijak mencari peluang dalam bidang berkenaan – sebagai contoh, mereka perlu juga mengetahui cara pemotongan terhadap perbelanjaan syarikat bagi membangun dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja TVET – boleh mendalami semua ilmu ini menerusi kursus-kursus yang disediakan oleh kerajaan dari masa ke masa – pihak kerajaan juga perlu sentiasa mewar-warkannya kepada generasi muda agar dilihat sebagai organisasi yang serius memikirkan masa depan aset negara – menarik lebih ramai pelabur

Kesimpulan

Pelbagai persediaan lain yang boleh dilakukan oleh generasi muda sebelum menceburkan diri dalam bidang ini – setiap organisasi juga perlu melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital untuk kekal berdaya saing – aspirasi negara untuk menjadi negara berwawasan berjaya sekali gus dapat menyelesaikan masalah kemiskinan, pengangguran, ketidaksamaan agihan, kos sara hidup dan menjamin kestabilan ekonomi – tepuk dada tanya selera

4 Pendahuluan

Hospitaliti dan industri pelancongan adalah salah satu industri terbesar dan paling pesat berkembang di negara ini – menarik ramai pelancong baik dari dalam atau luar negara untuk melawat Malaysia yang mempunyai pelbagai khazanah unik – mereka suka untuk menginap di hotel-hotel yang berkonsepkan hutan rimba yang menenangkan – dengan isu alam sekitar, ramai pelancong mengutamakan penggunaan teknologi hijau bagi tujuan mengurangkan impak terhadap alam sekitar – pengusaha hotel dan pusat peranginan juga diminta untuk menerima dan mengaplikasikan pengurusan alam sekitar yang proaktif

Isi 1

Ciri sektor pelancongan hijau termasuklah memilih konsep percutian mereka dengan berjalan kaki, menggunakan basikal atau hanya dengan menggunakan pengangkutan awam – mereka boleh menikmati keindahan alam sekitar dan udara yang nyaman – meluaskan pemandangan di samping mendidik

generasi muda tentang pentingnya menjaga alam sekitar – generasi muda akan lebih menyayangi dan menghargai ekosistem – boleh memberikan ilmu tambahan dan mengaplikasikan pembelajaran di sekolah menerusi mata pelajaran seperti Pendidikan Moral dan Sains

Isi 2

Ciri seterusnya termasuklah berjimat dalam penggunaan air, elektrik dan tenaga yang tidak boleh diperbaharui – ibu bapa perlu menanamkan amalan murni ini kepada anak-anak agar kebaikan tersebut dibawa juga sehingga ke rumah – boleh menjadikan lebih ramai masyarakat di negara ini mempunyai sikap tanggungjawab terhadap perkara-perkara yang dilihat tidak memberikan kesan buruk kepada bumi tetapi sebenarnya boleh menipiskan lapisan ozon – sebagai contoh, sumber elektrik perlu dinyahaktifkan selepas digunakan atau ketika hendak meninggalkan bilik tidur di hotel, tidak menggunakan suhu penyaman udara yang terlalu tinggi serta menutup suis-suis lampu di dalam bilik hotel pada waktu siang – perkara itu bukan sahaja boleh mendisiplinkan anak-anak tetapi menyelamatkan bumi daripada terus menjadi mangsa kemajuan teknologi

Isi 3

Mengurangkan penghasilan sampah – membawa atau membeli peralatan mesra alam seperti botol air pakai ulang, beg beli-belah dan penyedut minuman – boleh digunakan pada masa akan datang – tidak terus membuangnya selepas digunakan – menyelamatkan hidupan dan mengurangkan kuantiti sampah yang terhasil di kawasan penginapan ketika percutian – contohi negara-negara luar yang sudah lama mengamalkannya – jika bukan kita, siapa lagi yang boleh menyelamatkan bumi tercinta ini?

Kesimpulan

Banyak lagi ciri pelancongan hijau – masyarakat dinasihatkan terus mengambil tahu, menyokong, dan menyertai kegiatan setempat yang berkaitan dengan pelestarian alam sekitar – gotong-royong atau aktiviti yang dianjurkan oleh Trash Hero – sebagai pelancong juga perlu ada sikap tanggungjawab dalam penjagaan alam sekitar – bukan untuk berseronok sahaja

KERTAS 2

BAHAGIAN A

1 Kata bantu

- telah
- akan
- belum
- mahu

Dua ayat:

- Aiman telah pulang ke kampung.
- Dahlia akan menduduki peperiksaan SPM tidak lama lagi.

Kata penguat

- sangat
- amat
- ter-
- paling

Dua ayat:

- Zarif sangat gembira kerana dapat bertemu idolanya.
- Masakan ibu yang paling sedap.

- 2 – Perniagaan yang terus beroperasi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN) menyokong penambahan jawatan itu.

Ayat pasif: Penambahan jawatan itu disokong oleh perniagaan yang terus beroperasi ketika fasa Pelan Pemulihan Negara (PPN).

- Liputan vaksinasi yang meluas telah mendorong pengembangan aktiviti global dan domestik.

Ayat pasif: Pengembangan aktiviti global dan domestik telah didorong oleh liputan vaksinasi yang meluas.

- Sektor pembuatan dan perkhidmatan terus merekodkan pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus dan 1.9 peratus.

Ayat pasif: Pertumbuhan positif sebanyak 3.6 peratus dan 1.9 peratus terus direkodkan oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan.

3

Bahan 1	
Salah	Betul
Jawatan Kuasa	Jawatankuasa
disantuni	menyantuni
ialah	adalah
di kalangan	dalam kalangan
kebanyakan	kebanyakan
canggong	canggung
Bahan 2	
Salah	Betul
ONLINE	DALAM TALIAN
gandakan	menggandakan
apa sahaja	apa-apa sahaja
terbaru	terbaharu
memaksimakan	memaksimumkan

4 Selepas empat puluh dua tahun lamanya Sultan Muzaffar Syah mentadbir pemerintahan kerajaan, akhirnya baginda mangkat. Anakanda baginda yang bernama Raja Abdullah yang kini mendapat gelaran, Sultan Mansur Syah telah menggantikan baginda untuk memerintah kerajaan, pada usia dua puluh tujuh tahun. Pada ketika itu Sultan Mansur Syah memperisterikan anak Seri Nara Diraja yang Bernama Tun Patih Nur Pualam; serta mempunyai anak hasil hubungan bersama seorang gundik yang bernama Puteri Bakal.

- 5 (i) kecil jangan disangka anak, besar jangan disangka bapa
(ii) kalau takut dilambung ombak, jangan berumah di tepi pantai
(iii) hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

BAHAGIAN B

- 6 (i) penentuan/penetapan/pengkhususan seterusnya/berikutnya
(ii) Persamaan sesuatu akta pekerjaan itu diwartakan:
Bahan 1 – Akta Kerja 1955 Pindaan 2022 bagi memastikan status pekerjaan anda tidak ditindas dan diancam sewenang-wenangnya oleh majikan.
Bahan 2 – Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan kebajikan orang-orang yang sedang bekerja, bagi melindungi orang lain terhadap risiko kepada keselamatan atau kesihatan berkaitan dengan aktiviti di tempat kerja mereka, menubuhkan Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dan yang berkaitan dengannya.
(iii) Langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh seseorang pekerja untuk mengelakkan diri daripada dibelenggu masalah kesihatan mental:
– Menjalani gaya hidup sihat seperti mendapatkan rehat yang cukup dan senaman ringan
– Mengamalkan pemakanan yang seimbang mengikut piramid makanan
– Mempunyai teman untuk berbual supaya boleh berkongsi masalah yang dihadapi
– Berjumpa dengan pakar psikologi sekiranya mempunyai simptom negatif pada diri
– Mendekatkan diri dengan agama supaya mempunyai kekuatan dalaman
– Banyakkan membaca buku-buku motivasi dan kitab suci seperti al-Quran
(iv) Sebagai rakan yang bertanggungjawab, saya akan:
– Mendengar luahan perasaan yang terbuka dalam dirinya
– Memberikan nasihat dan sokongan moral kepadanya untuk menyelesaikan perkara mengikut cara yang betul

- Mengajak dia berjumpa dengan pakar psikologi untuk menyelesaikan masalahnya
- Membawanya ke pusat zakat atau membuat kutipan sumbangan dalam kalangan pekerja di pejabat
- Mencadangkan kepada majikan untuk mempertimbangkan keputusan pemecatan tersebut dibatalkan

- 7 (i) telah selesai
(ii) Sikap-sikap yang dimiliki masyarakat:
Bahan 1 – Sanggup diperalat Parti Komunis Malaya dan sanggup menjual agama dan bangsa kepada komunis
Bahan 2 – Tidak mahu berjuang
– Sebaliknya hanya berserah dengan cara baik tangkap ikan, duduk di warung kopi, lepas itu mengelamun tak menentu
(iii) Kesan sekiranya masyarakat kini tidak memperjuangkan tanah air:
– Kemerdekaan negara akan dirampas oleh penjajah
– Kemakmuran negara akan musnah pada bila-bila masa sahaja
– Rakyat akan berpecah belah dan boleh mengakibatkan pergaduhan sesama sendiri
– Ekonomi negara merudum dan kuasa-kuasa di negara ini beralih kepada penjajah kembali
(iv) Sebagai pengguna bersosial berhemah, saya akan:
– Menasihatinya untuk tidak terus membuat hantaran berbaur perkauman dan menjejaskan perpaduan negara menerusi mesej langsung
– Menjelaskan kepadanya tentang kesan-kesan sekiranya dia berterusan dengan sikap tersebut
– Menghantar bahan bacaan yang diambil ke SKMM
– Melaporkan kepada pihak berkuasa tempatan sekiranya dia enggan berubah
- 8 (i) Sebab Farisha begitu kagum dengan Aliah:
– Alia begitu lancar, tenang dan betul-betul fasih tentang teknologi yang sedang diterangkan. Kata-katanya seperti sudah tertulis dalam skrip. Farisha berasa kagum berselang-seli dan kehairanan kerana sejak tadi dia tidak nampak pun Alia mengerdipkan mata.
(ii) Dua peristiwa yang menyebabkan kemarahan dalam kalangan pembaca:
(a) **Leftenan Adnan Wira Bangsa karya Abdul Latip Talib**
– Peristiwa penduduk kampung menentang hasrat Pak Saidi untuk menghantar anak-anaknya bersekolah di sekolah Inggeris. Peristiwa ini

menyebabkan kemarahan dalam kalangan pembaca kerana tindakan Pak Saidi itu dilihat sebagai tali barut dan membelakangkan sistem pendidikan untuk kebanyakan orang-orang tempatan.

- Peristiwa Jeneral Yamashita telah mengarahkan Leftenan Renya Mutugachi pergi ke Semenanjung Tanah Melayu untuk menjejaki keluarga Leftenan Adnan bagi membalas dendamnya. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan kepada pembaca kerana Jeneral Yamashita tidak sepatutnya melibatkan keluarga Leftenan Adnan untuk membalas dendam.

(b) Di Sebalik Dinara karya Dayang Noor

- Peristiwa Farisha yang masih bayi tetapi menjadi uji kaji ayahnya. Ayahnya, Karl menanam implan ke dalam tubuh Farisha semata-mata untuk menjadikannya seorang yang genius pada masa akan datang. Peristiwa ini mendatangkan kemarahan pembaca kerana sebagai seorang bapa tidak sepatutnya bertindak sebegitu untuk mencapai matlamat dirinya.
- Peristiwa Azraai yang memasang *retinal scanner* pada pintu rumah adik angkatnya, Farisha untuk melindungi gadis itu daripada sebarang perkara tidak diingini. Peristiwa ini menyebabkan kemarahan kepada pembaca kerana peristiwa ini benar-benar berlaku di luar sana, masih ada adik beradik yang sering bergaduh kerana perkara kecil sedangkan dua watak ini menunjukkan contoh terbaik dan perlu diteladani.

(c) Jendela Menghadap Jalan karya Ruhaini Matdarin

- Peristiwa Lili yang pada awalnya Lili agak tidak bersetuju dengan permintaan ibunya untuk dia pulang ke kampung melawat datuk dan neneknya. Perkara itu berlaku disebabkan Lili sudah mempunyai rancangan lain. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai anak tidak boleh membantah permintaan ibu malah kita hendaklah sentiasa menunaikan permintaan ibu sebelum sesuatu perkara tidak diingini berlaku.
- Peristiwa Seman yang sering memukul dan mendera isteri dan anak-anaknya. Seman digambarkan sebagai seorang lelaki yang kaki pukul, kaki judi, kaki botol dan kaki perempuan. Peristiwa ini menyebabkan kemarahan pembaca kerana golongan wanita dan kanak-kanak tidak sepatutnya dilayan sedemikian rupa kerana mereka golongan yang lemah.

(d) Pantai Kasih karya Azmah Nordin

- Peristiwa Sister Felicia yang memberi layanan buruk kepada salah seorang ibu pesakit. Sister Felicia dengan kasarnya memanggil ibu Unong Siron dengan panggilan ‘sapi tua’. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai penjawat awam kita sepatutnya mengamalkan etika profesionalisme ketika berhadapan dengan orang awam walaupun sedang menghadapi masalah.
- Peristiwa Dr. Sadiz mengarahkan isterinya, Dr. Raiha menggugurkannya kandungannya kerana bayi yang bakal lahir itu didapati OKU. Dr. Sadiz berasa malu dengan keadaan anaknya dan bimbang jika masyarakat memandang mereka serong. Peristiwa ini menimbulkan kemarahan pembaca kerana sebagai ibu bapa sepatutnya reda dengan amanah yang diberikan oleh Allah dan perlu menjaga amanah tersebut dengan baik dan bukannya menggugurkan kandungan.

BAHAGIAN C

9 Pendahuluan

- Rumusan membincangkan punca-punca buli dalam kalangan murid dan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasi masalah berkenaan
- Rumusan membincangkan punca-punca buli dalam kalangan murid

Isi-isi

Bahan 1 – Punca-punca buli dalam kalangan murid.

- Berpunca daripada keharmonian keluarga mereka sendiri
- Kekurangan kasih sayang atau perhatian apabila di rumah menjadi sebab mereka melepaskan tekanan tersebut menerusi aktiviti membuli murid lain
- Pengaruh televisyen dan media massa yang seolah-olah tiada tapisan
- Faktor umur yang semakin menaik menjadikan seseorang itu ingin menunjukkan kekuatannya dengan menjadi pembuli hasil pengaruh daripada filem-filem tempatan

Bahan 1 – Langkah-langkah mengatasi gejala buli

- Penggiat seni dan stesen televisyen hendaklah memaparkan keindahan dan kemakmuran serta kekayaan budi bahasa rakyat kita dengan lebih banyak
- Mereka juga seharusnya menjalankan tanggungjawab sosial dalam membantu membina masyarakat yang bahagia dan harmoni
- Ibu bapa juga hendaklah bertanggungjawab mengenali anak-anak mereka dan mendidik mereka dengan keperibadian mulia dan unggul
- Institusi kekeluargaan berperanan penting dalam mengambil berat segala aspek kehidupan generasi kini

- Ibu bapa hari ini juga perlu lebih bersedia dalam ilmu mendidik anak muda

Bahan 2 – Punca-punca buli dalam kalangan murid.

- Ingin berseronok dan mencapai kepuasan
- Mengalami gangguan mental
- Ingin menunjukkan kekuasaan dan menguasai orang lain
- Merupakan aktiviti sesuatu kumpulan seperti gangsterisme

Bahan 3 – Langkah-langkah mengatasi gejala buli

- Carilah seorang sahabat yang boleh mengadu masalah
- Carilah seorang kawan yang setia kawan

Kesimpulan

Kesimpulannya, gejala buli dalam kalangan murid perlu dibanteras dengan segera agar institusi pendidikan negara semakin maju.

KERTAS 3

BAHAGIAN A: Taksiran Individu

- 1 Tarian yang terkenal di Malaysia mengikut kaum ialah tarian zapin yang terkenal dalam kalangan masyarakat Melayu, tarian bharatanatyam sangat popular dalam kalangan masyarakat India, dan tarian naga bagi kaum Cina.
- 2 Tarian naga sangat terkenal dalam kalangan bangsa Cina pada suatu masa dahulu kerana rakyat berfikir naga boleh menguruskan air hujan, maka rakyat sentiasa berdoa kepada naga untuk turunkan hujan pada musim kemarau, dan kemudian menjadi aktiviti budaya dan rekreasi.
- 3 Dua kebaikan mengekalkan warisan budaya bangsa ini ialah warisan budaya kita telah banyak menyumbang dalam sektor ekonomi, terutamanya sektor pelancongan yang telah meningkat pembangunannya dari tahun ke tahun disebabkan oleh kedatangan pelancong asing untuk melihat sendiri keunikan budaya masyarakat di negara kita. Contohnya, persembahan teater tradisional seperti bangsawan, makyung dan tarian seperti kuda kepang dan gawai. Selain itu, warisan budaya penting untuk dikekalkan demi kesinambungan tamadun kita. Melalui budaya tradisional, kita dapat mengetahui asal usul kita dan cara hidup masyarakat kita yang unik dan penuh dengan kepelbagaian.
- 4 Langkah pertama yang perlu dilaksanakan bagi melestarikan warisan budaya bangsa di Malaysia ialah pihak kerajaan boleh menggunakan platform media massa untuk membuka kembali mata masyarakat yang hilang dibawa arus hiburan negara asing. Dalam masa yang sama, pihak berkuasa juga melalui Kementerian Pendidikan menjadikan warisan seni budaya sebagai salah satu subjek wajib dalam pendidikan di peringkat sekolah rendah atau menengah pasti dapat melestarikannya kerana melentur buluh biarlah dari

rebungnya merupakan cara terbaik untuk menyemai minat seseorang terhadap sesuatu perkara adalah melalui pendidikan di peringkat awal. Usaha lain yang wajar untuk dilaksanakan adalah dengan penubuhan institusi seperti Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Sekolah Seni di seluruh negara pasti dapat menghasilkan generasi muda yang bakal menyambung legasi penggiat terdahulu. Sebagai contoh, pementasan wayang kulit dan tarian-tarian semakin kurang mendapat undangan atau sambutan.

BAHAGIAN B: Taksiran Kumpulan

Pelancongan mempunyai pelbagai maksud berdasarkan perspektif dan pandangan seseorang yang terlibat dalam industri pelancongan. Mengikut Persatuan Pelancongan Sedunia (World Tourism Malaysia) pelancongan merupakan aktiviti pengembaraan seseorang individu ke suatu tempat, iaitu keluar daripada persekitaran asal yang menetap tidak lebih daripada satu tahun untuk tujuan rehat, perniagaan dan sebagainya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pula melancong bermaksud melawat sambil melihat-lihat atau bersenang-senang dan menggunakan masa lapang di hujung minggu untuk melancong ke kawasan peranginan seperti pantai, kawasan air terjun dan juga menjamu selera di restoran. Pelancongan juga merupakan aktiviti ekonomi yang mampu membawa pendapatan dan manfaat kepada komuniti. Pelancongan merupakan suatu bidang pelaburan yang berperanan dalam pembangunan negara. Oleh itu, mari kita perhalusi kepentingan industri pelancongan terhadap pembangunan ekonomi negara.

Sebagai mukadimah bicara, faedah utama melancong dalam negara sendiri adalah dapat memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan ekonomi domestik. Melancong dalam negara memberi peluang kepada pelancong untuk melawat destinasi pelancongan tempatan seperti pulau-pulau yang indah, taman negara dan bandar-bandar bersejarah. Contohnya Pulau Redang, Pulau Tioman, dan Pulau Langkawi. Aktiviti ini akan meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan pelancongan tempatan seperti penginapan, restoran dan pengangkutan. Sebagai contoh, perkembangan industri pelancongan tempatan telah meningkatkan permintaan rumah inap desa. Situasi ini secara tidak langsung membantu ekonomi masyarakat setempat. Dengan meningkatnya jumlah pelancongan tempatan, industri pelancongan akan berkembang dan memberi manfaat kepada rakyat tempatan dengan menyediakan peluang pekerjaan serta meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

Pada nada yang sama, faedah lain yang diperoleh sekiranya kita melancong di kawasan-kawasan pelancongan tempatan ialah kita dapat mengenali budaya dan warisan negara dengan lebih dekat. Dalam konteks ini, Malaysia merupakan sebuah negara yang unik kerana mempunyai masyarakat majmuk yang berbilang kaum dan agama.

Namun, kita berjaya hidup dengan harmoni dan telah melahirkan pelbagai jenis budaya dan warisan. Tamsilnya, apabila kita berkunjung ke negeri Melaka, kita dapat melihat budaya Baba Nyonya yang dibesarkan mengikut cara hidup dan upacara agama orang Cina tetapi diubah oleh unsur kemelayuan serta unsur tempatan yang lain. Selain itu, aktiviti melancong ke muzium-muzium juga antara aktiviti menarik yang dapat meningkatkan pengetahuan kita mengenai seni budaya dan warisan tinggal nenek dan moyang kita. Berdasarkan prakarsa ini, jelaslah bahawa melancong dalam negara dapat membantu masyarakat terutamanya generasi muda untuk mengenali budaya dan warisan negara.

Dari sudut pandang yang berbeza pula, kepentingan melancong dalam negara akan menjimatkan kos dan masa. Dalam menghadapi cabaran ekonomi pada masa kini, kita seharusnya mengukur baju di badan sendiri. Melancong merupakan salah satu istirahat setelah kita berhempas pulas memerah tenaga bekerja pada tempoh masa tertentu. Justeru, melancong dalam negara tidak melibatkan kos perbelanjaan yang tinggi kerana tiada pertukaran mata wang diperlukan dan banyak pilihan untuk kita tentukan aktiviti dan tempat penginapan yang sesuai dengan perbelanjaan kita. Dari segi masa pula, kebanyakan kawasan pelancongan boleh dilawati dengan mudah sama ada menaiki kenderaan persendirian atau pengangkutan awam. Aktiviti pelancongan boleh dilakukan pada masa hujung minggu dan kita tidak perlu mengambil cuti yang panjang untuk melawat tempat yang menarik. Tuntasnya, melancong dalam negara dapat menjimatkan kos dan masa yang kita ada.

Sebagai penutup bicara, pelbagai faedah yang diperolehi sekiranya kita melancong dalam negara kita sendiri kerana hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri. Peribahasa itu jelas menunjukkan bahawa negara kita mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan negara lain. Pelbagai jenis pusat pelancongan telah dibangunkan sama ada di kawasan pulau, pantai, tanah tinggi dan juga taman tema yang mampu menarik minat segenap usia masyarakat di Malaysia. Dengan usaha sama pengusaha pelancongan dan agensi kerajaan, promosi untuk melancong dalam negara wajar diperkasa dan menjadi tontonan umum bukan sahaja untuk masyarakat kita tetapi juga tatapan masyarakat global agar hasrat negara menjadikan Malaysia sebagai Tahun Melawat Malaysia 2025 akan tercapai.

KERTAS 4

PETIKAN PERTAMA

- 1 Bonda tidak membenarkan penulis ke ibu kota kerana ilmu agama penulis masih cetek dan nipis.
- 2 Bonda bimbang penulis hanyut dibawa arus hedonisme dan modenisme.
- 3 Warna kulit, Bahasa percakapan
- 4 A

PETIKAN KEDUA

- 1 Amalan membaca dapat menambahkan ilmu dan keyakinan seseorang untuk berhadapan dengan dunia realiti.
- 2 Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Kedah, Hanif Ghazali.

Bahan ilmiah	Bahan bukan ilmiah
Penerbitan majalah	Cerpen
Bersifat ilmu pengetahuan	Buku-buku cerita
Akademik	Cerita Dongeng

- 4 Dua tindakan yang boleh dilakukan oleh ibu bapa adalah mendidik dan menanam minat membaca, menerapkan amalan membaca dalam kehidupan seharian dan membudayakan amalan mulia ini di hadapan anak-anak di samping mengajak mereka membaca bersama-sama.
- 5 Bapa borek, anak rintik

PETIKAN KETIGA

- 1 penyayang, prihatin
- 2 Kita hendaklah berhati-hati dalam memilih kawan.
- 3 /, /, x
- 4 – Rajin membaca buku dan menuntut ilmu
– Pilih kawan yang berakhlak mulia dan mempunyai jati diri

PETIKAN KEEMPAT

- 1 Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional.
- 2 – Memenuhi permintaan industri
– Menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi
- 3 Institut Kemahiran Belia dan Negara (IKBN) Dusun Tua dan Institut Latihan Perindustrian (ILP) Kuala Lumpur.
- 4 D
- 5 TVET lebih menekankan pada pembelajaran praktikal dan berasaskan kemahiran.